



2025
SEPINTAS
e-BUKU HASIL

www.hasil.gov.my

e-BOOK AT A GLANCE

ISI KANDUNGAN

TABLE OF CONTENT

06

Pendaftaran dan Nombor Pengenalan Cukai

Registration and Tax Identification Number

11

Cukai Pendapatan Individu

Individual Tax Payment

Cukai Pendapatan dan Anda 11

Income Tax and You

Sistem Perkhidmatan Cukai Atas Talian Anda 12

Your Online Tax Service System

Permohonan Sijil Digital 13

Digital Certificate Application

Terlupa Kata Laluan 13

Forgot Password

Kelebihan e-Filing 13

Advantages of e-Filing

PCB Cukai Muktamad 14

MTD As a Final Tax

Pelepasan dan Rebat Cukai 15

Tax Reliefs And Rebate

Kadar Cukai 20

Tax Rates

Pendapatan Individu Bukan Pemastautin 21

Income of Non-Resident Individual

Cukai Pegangan 24

Withholding Tax

38

Penggajian dan Tanggungjawab Majikan

*Employment and Responsibilities
of Employers*

Tanggungjawab Majikan 39

Employer Responsibilities

PCB Cukai Muktamad 40

MTD as Final Tax

Pekerja Bersara atau 48

Berhenti Kerja

*Retire or cease from
employment*

53

Pendapatan Perniagaan dan Perkongsian

Business and Partnership Income

Ekonomi Digital 57

Digital Economy

Ekonomi GIG 62

GIG Economy

Ekonomi Bayangan 64

Shadow Economy

66

Cukai Korporat

Corporate Tax

70

Cukai Koperasi

Cooperative Tax

74

Cukai Keuntungan Harta Tanah

Real Property Gain Tax

84

Duti Setem

Stamp Duty

87

Bayaran dan Sekatan

Perjalanan

Payment and Stoppage Order

95

e-Invois

e-Invoice



PELEPASAN CUKAI INDIVIDU PEMASTAUTIN

TAHUN TAKSIRAN 2024

PELEPASAN INDIVIDU

**SUAMI/ISTERI/ALIMONI
KEPADA BEKAS ISTERI**
RM4,000

**INDIVIDU DAN
SAUDARA
TANGGUGAN**
RM9,000

**POTONGAN
TAMBAHAN
INDIVIDU
KURANG UPAYA**
RM6,000

**SUAMI / ISTERI
KURANG UPAYA**
RM5,000

**YURAN PENCAJIAN
(SENDIRI)**
RM7,000

- i) DI PERINGKAT TERBITAN SELAIN SARJANA ATAU DOKTOR FALSFAH
- ii) PERINGKAT SARJANA ATAU DOKTOR FALSFAH
- iii) KURSUS PENINGKATAN KEMAHIRAN ATAU KEMAJUAN DIRI (TERHAD 950,000)

INSURANS & CARUMAN



**SKIM PERSARAAN
SWASTA DAN
ANUITI TERTANGGUGH**
RM3,000

**INSURANS PENDIDIKAN
DAN PERUBATAN
(INDIVIDU, SUAMI, ISTERI
ATAU ANAK)**
RM3,000



**SSPN
(TABUNGAN BERSIH)**
RM8,000

INSURANS NYAWA DAN KWSP
RM7,000

**i) PREMIUM INSURANS NYAWA /
CARUMAN KWSP (SUKARELA) /
KEDUA-DUANYA**
(TERHAD 500,000)



**ii) CARUMAN KWSP
(SUKARELA / WAJIB) /
SKIM YANG DILULUSKAN**
(TERHAD 1,000,000)



**PERKESO /
SISTEM INSURANS
PEKERJAAN**
RM350

GAYA HIDUP

GAYA HIDUP
RM2,500

**MANFAAT DIRI SENDIRI, PASANGAN
ATAU ANAK**

- i) PEMBELIAN ATAU LANGGANAN BAHAN BACAAN
- ii) PEMBELIAN KOMPUTER PERIBADI, TELEFON PINTAR / TABLET
- iii) BIL LANGGANAN INTERNET (NAMA SENDIRI)
- iv) YURAN KURSUS PENINGKATAN KEMAHIRAN / KEMAJUAN DIRI



**PEMASANGAN / SEWAAN / PEMBELIAN / YURAN
LANGGANAN KEMUDAHAN PENGECAKAN
KENDERAAN ELEKTRIK BAGI
KENDERAAN SENDIRI**
RM2,500



**GAYA HIDUP -
PELEPASAN TAMBAHAN
MANFAAT DIRI SENDIRI,
PASANGAN, ATAU ANAK**
RM1,000

- i) PEMBELIAN PERALATAN SUKAN
- ii) SEWAAN / FI DI MAHA-MANA FASILITI SUKAN
- iii) FI PENDAFTARAN PERTANDINGAN SUKAN
- iv) FI KEAHLIAN GIMNASIUM / LATIHAN SUKAN

PERUBATAN & KEPERLUAN KHAS

**PERBELANJAAN PERUBATAN
ATAU ANAK)**
RM10,000

**(DIRI SENDIRI, PASANGAN
ATAU ANAK)**

- i) PENYAKIT SERIUS
- ii) RAWATAN KESUBURAN (DIRI SENDIRI ATAU PASANGAN)
- iii) PEMVAKSINAN (TERHAD 10,000)
- iv) PEMERIKSAAN DAN RAWATAN PERGUGUAN (TERHAD 500,000)

TERHAD RM1,000 BAGI:

- ✓ PEMERIKSAAN PERUBATAN PENDEK
- ✓ UJIAN PENGESANAN COVID-19 DAN
- ✓ PEMERIKSAAN KESIHATAN MENTAL / KONSULTASI

**v) DIAGNOSIS / INTERVENS AWAL /
PULIHAN ANAK UPAYA PEMBELAJARAN**
(TERHAD RM5,000)



**PERBELANJAAN
UNTUK IBU BAPA**
RM8,000

**i) PERBELANJAAN RAWATAN PERUBATAN,
RAWATAN PERCICIAN, KEPERLUAN
KHAS DAN PENJAJA**



ii) PEMERIKSAAN PERUBATAN PENUH
(TERHAD RM1,000)

**PERALATAN SOKONGAN
ASAS OKU
(DIRI SENDIRI, PASANGAN,
ANAK ATAU IBU BAPA)**
RM5,000



PELEPASAN ANAK



**ANAK DI BAWAH
UMUR 18 TAHUN
BELUM BERKAHWIN**
RM2,000

**PELEPASAN TAMBAHAN
ANAK KURANG UPAYA**
RM8,000

- i) UMUR 18 TAHUN KE ATAS
- ii) BELUM BERKAHWIN
- iii) BELAJAR SEPENUH MASA (DIPLOMA DAN KE ATAS DI MALAYSIA / DAJAH DAN KE ATAS DI LUAR MALAYSIA)



**ANAK KURANG UPAYA
BELUM BERKAHWIN**
RM6,000

ANAK - 18 TAHUN DAN KE ATAS

RM2,000

- i) BELUM BERKAHWIN
- ii) BELAJAR SEPENUH MASA

RM8,000

- i) BELUM BERKAHWIN
- ii) BELAJAR SEPENUH MASA (DIPLOMA DAN KE ATAS DI MALAYSIA / DAJAH DAN KE ATAS DI LUAR MALAYSIA)



**YURAN TASKA /
TADIKKA BERDAFTAR**
RM3,000

- i) BERUMUR 6 TAHUN DAN KE BAWAH
- ii) DIRENAHKAN TUNTUTAN SAMA ADA SUAMI ATAU ISTERI

**PEMBELIAN PERALATAN
PENYUSUAN**
RM1,000



- i) PEMBAYAR CUKAI WANITA SAHAJA
- ii) ANAK BERUMUR KURANG 2 TAHUN
- iii) POTONGAN SEKALI SETIAP 2 TAHUN TAKSIRAN

Dikemaskini sehingga : 17 Disember 2024

Penafian: Ilustrasi ini hanyalah ringkasan. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.hasil.gov.my

www.hasil.gov.my 03-8911 1000 facebook.com/HASILMalaysia hasil_malaysia @HASIL_Malaysia @HASIL_Malaysia @hasil_malaysia

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT



TAX RELIEF

RESIDENT INDIVIDUAL

YEAR ASSESSMENT 2024

INDIVIDUAL RELIEF



HUSBAND / WIFE /
ALIMONY TO
FORMER WIFE
RM4,000



INDIVIDUAL &
DEPENDENT
RELATIVES
RM9,000



EDUCATION FEES
(SELF)
RM7,000



FURTHER DEDUCTION
DISABLED INDIVIDUAL
RM6,000

DISABLED
HUSBAND / WIFE
RM5,000

- II) TERTIARY LEVEL OTHER THAN A
MASTERS OR DOCTORATE
DEGREE LEVEL
RM3,000
- III) MASTERS OR DOCTORATE
DEGREE LEVEL
RM3,000
- III) COURSE OF STUDY UNDERTAKEN
FOR THE PURPOSE OF UPSKILLING
OR SELF-ENHANCEMENT
(RESTRICTED TO RM3,000)

INSURANCE & CONTRIBUTIONS



PRIVATE RETIREMENT
SCHEME AND
DEFERRED ANNUITY
RM3,000

SSPN
(NET DEPOSIT)
RM8,000

SOCSSO / EMPLOYMENT
INSURANCE SYSTEM
RM350

EDUCATION AND MEDICAL
INSURANCE (INDIVIDUAL,
HUSBAND, WIFE OR CHILD)
RM3,000



LIFE INSURANCE AND EPF
RM7,000

- I) LIFE INSURANCE PREMIUM /
CONTRIBUTION TO
EPF (VOLUNTARY) / BOTH
(RESTRICTED TO RM7,000)
- II) CONTRIBUTION TO EPF
(VOLUNTARY / COMPULSORY) /
APPROVED SCHEME
(RESTRICTED TO RM7,000)

LIFESTYLE

LIFESTYLE
RM2,500

BENEFIT OF SELF, SPOUSE OR CHILD

- I) PURCHASE OR SUBSCRIPTION READING MATERIALS
RM1,000
- II) PURCHASE OF PERSONAL COMPUTER,
SMARTPHONE / TABLET
RM1,000
- III) INTERNET SUBSCRIPTION BILL (OWN NAME)
RM1,000
- IV) SKILL IMPROVEMENT / PERSONAL DEVELOPMENT
COURSE FEE
RM1,000



INSTALLATION / RENTAL / PURCHASE /
SUBSCRIPTION FEE OF ELECTRIC
VEHICLES CHARGING FACILITY
FOR OWN VEHICLE
RM2,500



LIFESTYLE -
ADDITIONAL EXPENSES
BENEFIT OF SELF, SPOUSE
OR CHILD
RM1,000

- I) PURCHASE OF SPORTS EQUIPMENT
RM1,000
- II) RENTAL / ENTRANCE FEE TO
ANY SPORTS FACILITY
RM1,000
- III) REGISTRATION FEE FOR
SPORTS COMPETITION
RM1,000
- IV) GYMNASIUM MEMBERSHIP
FEE / SPORTS TRAINING
RM1,000

MEDICAL & SPECIAL NEEDS

MEDICAL EXPENSES
RM10,000
(SELF, SPOUSE OR CHILD)

- I) SERIOUS DISEASE
RM10,000
- II) FERTILITY TREATMENT
(SELF OR SPOUSE)
RM10,000
- III) VACCINATION
(RESTRICTED TO RM3,000)
- IV) DENTAL EXAMINATION AND
TREATMENT (RESTRICTED TO RM1,000)

RESTRICTED TO RM10,000 FOR:
✓ COMPLETE MEDICAL EXAMINATION;
✓ COVID-19 DETECTION TEST; AND
✓ MENTAL HEALTH EXAMINATION /
CONSULTATION



EXPENSES FOR
PARENTS
RM8,000

- I) MEDICAL TREATMENT, DENTAL
TREATMENT, SPECIAL NEEDS
AND CARE EXPENSES
RM8,000
- II) COMPLETE MEDICAL EXAMINATION
(RESTRICTED TO RM3,000)

BASIC SUPPORTING EQUIPMENT
FOR DISABLED
(SELF, SPOUSE, CHILD OR
PARENT)
RM6,000



CHILD RELIEF



ADDITIONAL RELIEF
DISABLED CHILD
RM8,000

- I) AGE OF 18 YEARS AND ABOVE
RM8,000
- II) UNMARRIED
RM8,000
- III) FULL TIME INSTRUCTION
(DIPLOMA AND ABOVE IN
MALAYSIA / DEGREE AND ABOVE
OUTSIDE MALAYSIA)
RM8,000



UNMARRIED
CHILD UNDER THE
AGE OF 18 YEARS
RM2,000



UNMARRIED
DISABLED CHILD
RM6,000



CHILD - 18 YEARS AND ABOVE
RM2,000

- I) UNMARRIED
RM2,000
- II) FULL TIME INSTRUCTION
(DIPLOMA AND ABOVE IN
MALAYSIA / DEGREE AND ABOVE
OUTSIDE MALAYSIA)
RM5,000



REGISTERED
CHILDCARE CENTRE /
KINDERGARTEN FEE
RM3,000

- I) AGE 6 YEARS OLD AND BELOW
RM3,000
- II) DEDUCTION ALLOWED EITHER BY
HUSBAND OR WIFE
RM3,000



PURCHASING OF
BREASTFEEDING
EQUIPMENT
RM1,000

- I) WOMEN TAXPAYERS ONLY
RM1,000
- II) CHILD AGE 2 YEARS OLD AND BELOW
RM1,000
- III) ALLOWED ONCE IN EVERY 2
YEARS OF ASSESSMENT
RM1,000

Updated as at: 17 December 2024

Disclaimer: This illustration serves as only a summary. For more information, please visit www.hasil.gov.my

www.hasil.gov.my 03-8911 1000 facebook.com/HASILMalaysia @hasil_malaysia @HASIL_Malaysia @HASIL_Malaysia @hasil_malaysia

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

PENDAFTARAN DAN NOMBOR PENGENALAN CUKAI REGISTRATION AND TAX IDENTIFICATION NUMBER

Nombor Pengenalan Cukai (TIN) Tax Identification Number (TIN)

Nombor Pengenalan Cukai / Tax Identification Number (TIN) adalah nombor unik yang dikeluarkan oleh HASiL yang berfungsi sebagai pengenalan rasmi kepada pembayar cukai untuk digunakan dalam urusan percukaian. Pelaksanaan TIN adalah mulai 1 Januari 2022, selaras dengan Peruntukan Seksyen 66A Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967.

TIN is a unique number issued by HASiL that serves as the official identifier for taxpayers to be used in tax matters. The implementation of TIN started on 1st January 2022 in accordance with the provisions of section 66A of the Income Tax Act (ITA) 1967.

Kaedah Permohonan Pendaftaran TIN Method of TIN Registration Application

Permohonan dalam talian melalui Portal MyTax di pautan <https://mytax.hasil.gov.my> > Perkhidmatan ezHasil > e-Daftar.

Online application through the MyTax Portal at the link <https://mytax.hasil.gov.my> > ezHasil Services > e-Daftar



Pendaftaran nombor TIN secara automatik oleh HASiL seperti berikut:

Automatic TIN registration by HASiL is as follows:

- Pendaftaran TIN syarikat (C) adalah secara automatik bagi syarikat baharu diperbadankan (syarikat tempatan atau syarikat asing) yang telah mendaftar secara dalam talian dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) melalui Portal MyCoID.

TIN for company (C) is automatically registered for newly incorporated companies (local or foreign companies) that have registered online with the Companies Commission of Malaysia (SSM) via MyCoID Portal.

- Pendaftaran TIN bagi individu warganegara dan pemastautin tetap yang berumur 18 tahun dan ke atas adalah secara automatik melalui data yang diperolehi daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Registration of tax identification numbers (TIN) for individual citizens and permanent residents aged 18 and above is automatic through data obtained from the National Registration Department (JPN).

Pendaftaran Melalui e-Daftar Registration via e-Daftar

Selaras pelaksanaan e-Perkhidmatan mulai Januari 2024, pendaftaran sepenuhnya melalui e-Daftar bagi kategori fail cukai berikut:

In line with the implementation of e-Services commencing in January 2024, all registrations are via e-Daftar for the following file categories:

BIL NO.	PEMBAYAR CUKAI TAXPAYER	JENIS FAIL TYPE OF FILE
1.	Individu <i>Individual</i>	IG
2.	Syarikat <i>Company</i>	C
3.	Koperasi <i>Co-Operative Society</i>	CS
4.	Perkongsian Liabiliti Terhad <i>Limited Liability Partnership</i>	PT
5.	Badan Amanah <i>Trust Body</i>	TA
6.	Unit Amanah / Amanah Harta Tanah <i>Unit Trust / Property Trust</i>	TC
7.	Amanah Pelaburan Harta Tanah / Tabung Amanah Harta <i>Real Estate Investment Spacing Trust / Property Trust Funds</i>	TR
8.	Amanah Perniagaan <i>Business Trust</i>	TN
9.	Pertubuhan <i>Association</i>	F
10.	Perkongsian <i>Partnership</i>	D
11.	Majikan <i>Employer</i>	E

- Dokumen sokongan perlu dimuat naik melalui e-Daftar.
The supporting documents are to be uploaded via e-Daftar.
- Jika permohonan lengkap dan berjaya, pemohon akan menerima e-mel makluman.
A confirmation email will be sent to successful applicants who have submitted complete documents.
- Jika permohonan atau dokumen tidak lengkap, permohonan akan ditolak dan pemohon akan menerima e-mel pemakluman. Pemohon boleh membuat semula permohonan baharu.
If the application or documents are incomplete, the application will be rejected and the applicant will receive a notification email. The applicant may try and resubmit the application.

Semakan TIN Yang Telah Didaftarkan

Verification of Registered TIN

Untuk menyemak permohonan TIN yang telah didaftarkan, pembayar cukai boleh mengikut langkah-langkah di bawah:
To check the registered TIN, taxpayers may follow the steps below:

Portal MyTax di pautan <https://mytax.hasil.gov.my> > Perkhidmatan ezHasil > e-Daftar.

Surf MyTax portal at <https://mytax.hasil.gov.my> > ezHasil services > e-Daftar.

HASiL Live Chat

Hasil Contact Centre di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara)

Contact our customer care officers at the Hasil Contact Centre by dialling 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (overseas call).

Kaunter HASiL / Pejabat HASiL / Pusat Transformasi Bandar (UTC) yang berhampiran.

HASiL Counter / HASiL Office or Urban Transformation Centres (UTC).

Pelaksanaan Nombor Pengenalan Cukai (TIN) di Bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976

Implementation of Tax Identification Number (TIN) for Real Property Gains Tax (RPGT) Act 1976

1

Adakah pelaksanaan Nombor Pengenalan Cukai ini terpakai bagi transaksi di bawah ACKHT 1976?

Does the implementation of the Tax Identification Number affect transactions under the RPGT Act 1976?

Ya. Penggunaan Nombor Pengenalan Cukai (TIN) dalam Borang Nyata (BN) bagi urusan yang melibatkan transaksi di bawah ACKHT 1976 adalah diwajibkan.

Yes, it does as the utilisation of Tax Identification Number (TIN) in the filing of the Income Tax Return Form (ITRF) for transactions under the RPGT Act 1976 is compulsory.

2

Apakah yang dimaksudkan dengan transaksi di bawah ACKHT 1976?
What is meant by transaction under the RPGT Act 1976?

Semua pihak yang ingin melakukan transaksi pelupusan dan pemerolehan harta tanah atau syer dalam syarikat harta tanah perlu memiliki Nombor Pengenalan Cukai (TIN).
All parties intending to carry out disposal and acquisition of real estate or shares in a real property company must obtain a Tax Identification Number (TIN).

3

Apakah dokumen yang memerlukan Nombor Pengenalan Cukai (TIN) di bawah ACKHT 1976?
What documents require a Tax Identification Number (TIN) under the RPGT Act 1976?

Dokumen yang memerlukan Nombor Pengenalan Cukai (TIN) adalah termasuk:
Documents that require a Tax Identification Number (TIN) include:

- Borang CKHT 1A / *CKHT 1A form*
- Borang CKHT 1B / *CKHT 1B form*
- Borang CKHT 2A / *CKHT 2A form*
- Borang CKHT 3 / *CKHT 3 form*
- Bayaran di bawah Seksyen 21B ACKHT 1976 melalui Borang CKHT 502 oleh pemeroleh; dan *under Section 21B of the RPGT Act 1976 via the RPGT 502 Form by the recipient.*
- Surat-menyurat dan rayuan / *Letters and appeal*

4

Bilakah Nombor Pengenalan Cukai (TIN) ini akan mula berkuat kuasa?
When will the Tax Identification number (TIN) come into effect?

Pelaksanaan Nombor Pengenalan Cukai (TIN) ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2022 selaras dengan peruntukan baharu di bawah Seksyen 57B ACKHT 1976.
The implementation of Tax Identification Number (TIN) will be enforced commencing 1st January 2022 in line with new provisions under Section 57B of the RPGT Act 1976.

Pelaksanaan Nombor Pengenalan Cukai (TIN) di Bawah Akta Setem 1949

Implementation of Tax Identification Number (TIN) Under The Stamp Act 1949

1

Adakah pelaksanaan Nombor Pengenalan Cukai (TIN) ini terpakai bagi transaksi di bawah Akta Setem 1949?

Does the implementation of Tax Identification Number (TIN) apply to the Stamp Act 1949?

Ya. Penggunaan Nombor Pengenalan Cukai (TIN) dalam borang permohonan penyeteman bagi urusan yang melibatkan transaksi di bawah Akta Setem 1949 adalah diwajibkan.

Yes. The utilisation of Tax Identification Number (TIN) is compulsory in stamping application forms involving transactions under the Stamp Act 1949.

2

Apakah yang dimaksudkan dengan transaksi di bawah Akta Setem 1949?

What is meant by transactions under the Stamp Act 1949?

Bagi fasa awal pelaksanaan, dokumen dan surat cara penyeteman melibatkan pindah milik harta tanah, pindah milik saham dan pindah milik perniagaan untuk kategori syarikat dan individu perlu menggunakan nombor cukai pendapatan.

At the initial stage of implementation, documents and stamping artifact involving the transfer of property, transfer of shares and business ownership transfer for corporate and individual categories will require taxpayers to use the income tax number.

3

Bilakah Nombor Pengenalan Cukai (TIN) ini akan mula berkuat kuasa?

When will the Tax Identification Number (TIN) come into force?

Pelaksanaan Nombor Pengenalan Cukai (TIN) akan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2022 selaras dengan peruntukan baharu di bawah Seksyen 77C Akta Setem 1949.

The implementation of Tax Identification Number (TIN) will be enforced on 1st January 2022 in line with provisions under Section 77C of the Stamp Act 1949.

PERHATIAN / PLEASE NOTE

- Soalan Lazim (FAQ) ini disediakan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat percanggahan maklumat, FAQ versi Bahasa Melayu akan diguna pakai.

The Frequently Asked Questions (FAQ) are prepared in Malay and English. If at all any discrepancies in content arises, we will prioritise the Malay version as a point of reference.

- FAQ ini akan dikemas kini dari semasa ke semasa sekiranya terdapat perubahan dan maklumat tambahan.

The FAQ will undergo updates as and when any revision is made and additional information is supplied.

CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU INDIVIDUAL INCOME

Cukai Pendapatan Dan Anda Income Tax And You

Tanggungjawab Anda Responsibility

DAFTAR No. Pengenalan Cukai (TIN)/ **REGISTER** Tax
Identification Number (TIN)

DAFTAR MyTax / **REGISTER** MyTax

KEMAS KINI data peribadi / **UPDATE** personal particulars

PATUHI Potongan Cukai Bulanan PCB / Notis Bayaran
Ansuran (CP500) / **COMPLY** Monthly Tax
Deduction (MTD) / Notice of Instalment Payments
(CP 500)

KEMUKA borang nyata / **SUBMIT** tax returns

BAYAR cukai pendapatan / **PAY** balance of tax
payable

SEMAK status baki cukai / **CHECK** status of tax
outstanding

BERI kerjasama / **GIVE** cooperation

SIMPAN rekod 7 tahun / **KEEP** records for 7 years

Jenis Pendapatan Yang Dikenakan Cukai Type of Income

- ✓ Perniagaan / Profesion
Business / Profession
- ✓ Penggajian / Employment
- ✓ Dividen / Dividends
- ✓ Faedah / Benefits
- ✓ Diskaun / Discount
- ✓ Sewa / Rental
- ✓ Royalti / Royalty
- ✓ Premium / Premium

- ✓ Pencen / Pension
- ✓ Anuiti / Annuity
- ✓ Lain-lain / Others profit
- ✓ Pendapatan punca luar Malaysia
yang diterima di Malaysia oleh
pemastautin mulai 1 Julai 2022
(penggajian, dividen, faedah,
diskaun, sewa, royalti, premium
dan lain-lain)
Income from outside Malaysia
received in Malaysia effective
from 1st July 2022 (business /
profession, employment, dividends,
benefits, discount, rental, Royalty,
premium and other profit)



Sistem Perkhidmatan Cukai Atas Talian Anda Your Online Tax Service System

e-Daftar: permohonan No. Pengenal Cukai (TIN).

e-Daftar: application for Tax Identification No. (TIN)

e-Kemaskini Pelepasan: kemas kini pelepasan cukai yang akan dipraisi dalam e-Borang.

e-Kemaskini Pelepasan: update tax relief that will be pre-filled in the e-Form

ByrHASIL: pembayaran cukai

ByrHasil: payment of tax

STAMPS: permohonan penyetempatan dokumen
STAMPS: application of document stamping

Kalkulator PCB: Pengiraan PCB
Kalkulator PCB : Calculating MTD

Dashboard: memaparkan status bayaran cukai (jumlah cukai, baki cukai dan bayaran balik terakhir), status borang e-filing dan status sekatan perjalanan.

Dashboard: displays tax payment status (tax total, tax balance and latest tax refund), e-filing return form status and stoppage order review

e-Filing: pengemukaan borang nyata

e-Filing: submission of return form

MITRS: platform penghantaran Helaian Kerja Percukaian

MITRS: Malaysian Income Tax Reporting System - platform to submit tax working sheet

Status MyTax: memaparkan Penyata Potongan Cukai Bulanan (PCB), lejar, bayaran balik dan borang nyata (3 tahun taksiran terkini).

MyTax status displays Statement of Monthly Tax Deduction (MTD), tax ledger, tax refund and return form submitted (latest 3 years of assessment).

e-CKHT: pengemukaan borang nyata Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT)

e-CKHT: submission of Real Property Gains Tax return form

Pemakluman pelantikan ejen cukai

Notification on appointment of tax agent

e-Kemaskini: kemas kini profil diri.

e-Kemaskini: update personal profile

e-CKM: pengemukaan borang nyata Cukai Keuntungan Modal (CKM)

e-CKM: submission of Capital Gains Tax Return Form

e-SPC: permohonan Surat Penyelesaian Cukai

e-SPC: Application Of Tax Clearance Letter

e-Janji Temu: permohonan janji temu untuk berurusan dengan HASIL melalui kaunter atau sidang video

e-Janji Temu: book an appointment to deal with HASIL through counter or video conference

Borang Maklum Balas Pelanggan: platform pertanyaan, permohonan, pertanyaan EzHasil/MyTax, aduan, cadangan, penghargaan dan bantuan khas kerajaan
Customer Feedback Form: platform to enquiry, application, EZHasil/MyTax enquiry, complaint, suggestion, appreciation and Bantuan Khas Kerajaan

PERHATIAN / PLEASE NOTE

Mulai 1 Januari 2024, LHDNM telah mewajibkan penggunaan e-Perkhidmatan sepenuhnya secara dalam talian bagi perkhidmatan berikut:

e-Daftar, e-Kemaskini, e-Filing

Starting 1st Januari 2024, LHDNM has mandate the use of electronic services (e-Services) for services provided online:

e-Daftar, e-Kemaskini, e-Filing

Permohonan Sijil Digital MyTax MyTax Digital Certificate Application

Boleh dimohon melalui MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my>.
Application through MyTax at <https://mytax.hasil.gov.my>.

Dua kaedah permohonan sijil digital:


Two (2) methods of digital certificate application:

e-CP55D: permohonan di laman web

e-CP55D: digital certificate registration via web

e-KYC: pengecaman identiti wajah
di aplikasi telefon mudah alih

e-KYC: digital certificate registration
via face identification



Terlupa Kata Laluan Forgot Password



<https://mytax.hasil.gov.my> > Masukkan nombor pengenalan > klik Hantar > klik Lupa Kata Laluan > pilih Medium e-mel berdaftar dengan LHDNM > klik Hantar

<https://mytax.hasil.gov.my> > Key in identification number > click Submit > click Forgot Password > select Reset Medium registered email with LHDNM > click Submit

Kelebihan / Advantages of

e-FILING



Jaminan keselamatan data
Data security

Lebih mudah dan cepat
diurus
Easier and faster to manage

Pengesahan segera
penerimaan borang nyata
Prompt confirmation receipt
of ITRF

Pengiraan cukai tepat
Accurate tax calculation

Capaian pada bila-bila masa
Access at all times

Mempercepatkan proses
bayaran balik
Speed up the refund process

Tiada kehilangan borang
nyata
No loss of form

Potongan Cukai Bulanan (PCB) Sebagai Cukai Muktamad MTD As a Final Tax

Mulai Tahun Taksiran 2014, pembayar cukai berpendapatan penggajian sahaja dan Potongan Cukai Bulanan (PCB) dibenarkan memilih untuk tidak mengemukakan borang nyata kepada LHDNM.

Effective from YA 2014, taxpayer who having employment income and made a monthly tax deduction (MTD) are given an option not to fill up Income Tax Return Form (ITRF).

Pembayar cukai yang memenuhi syarat-syarat (seperti di bawah) tetapi tidak memfailkan borang nyata pada tarikh tamat tempoh dianggap telah memilih PCB sebagai cukai muktamad, oleh itu PCB yang dipotong akan dianggap sebagai cukai muktamad mereka. *Taxpayers who fulfil the terms (as below) but do not file income tax return form by the due date are deem to have been elected MTD as final tax, therefore the MTD deducted will be deem to be their final tax.*

Syarat-Syarat Terms

Mempunyai satu punca pendapatan penggajian termasuk Manfaat Berupa Barangan (MBB) dan Nilai Tempat Kediaman (NTK)
Having one source of employment income including Benefit-In-Kind (BIK) and Value of Living Accommodation (VOLA)

Cukai tidak ditanggung oleh majikan
Tax is not borne by the employer

Berkhidmat dengan hanya satu majikan yang sama dalam tempoh 12 bulan dalam satu tahun kalendar (mesti genap 12 bulan bekerja)
Service with only one and the same employer complete 12 months of a calendar year

PCB di potong mengikut Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan daripada Saraan) 1994
MTD is deducted according to Income Tax Rules (Deduction from Remuneration) 1994

Suami dan isteri membuat pilihan taksiran berasingan
Husband and wife elect for separate assessment

Kebaikan Benefit

Tidak perlu menunggu bayaran balik setiap tahun
No hassle of waiting for tax refund every year

Tiada baki cukai yang perlu dibayar
No hassle of paying the balance of tax payable

Boleh menuntut potongan (pelepasan) dan rebat dalam borang TP1 kepada majikan sekurang-kurangnya 2 kali setahun
May submit Form TP1 to employer at least twice a year to claim deduction (relief) and rebate

Tiada isu lewat hantar borang nyata
No issues of late submission of tax return form

Tidak perlu kemukakan rayuan
No more pursuing of any appeal

PERHATIAN / PLEASE NOTE

Jika **TIDAK** memilih PCB sebagai Cukai Muktamad, kemukakan borang nyata sebelum tarikh akhir

If the taxpayer decide not to choose MTD as a final tax, the income tax return form (ITRF) must be submitted before the deadline.

Pembayar cukai masih boleh diaudit walaupun memilih PCB sebagai Cukai Muktamad
Taxpayer can still be audited even if they choose MTD as the final tax

Pelepasan dan Rebat Cukai
Tax Reliefs And Rebate

Pelepasan dan rebat cukai dalam pengiraan cukai pendapatan
Tax reliefs and rebate calculated in tax computation

JENIS PELEPASAN TYPES OF RELIEF	HAD PELEPASAN (RM) LIMIT (RM)
Individu dan saudara tanggungan <i>Individual and dependent relatives</i>	9,000
Individu kurang upaya (tambahan) <i>Disabled individual (additional)</i>	6,000
Isteri / suami / bayaran alimoni kepada bekas isteri / pasangan tidak bekerja <i>Wife / husband / payment of alimony to former wife / unemployed spouse</i>	4,000
Isteri / suami kurang upaya <i>Disabled wife / husband</i>	5,000
Anak (mengikut kategori) <i>Child (by category)</i>	
Bawah 18 tahun <i>Below 18 years</i>	2,000
18 tahun dan ke atas (belum berkahwin): <i>18 years above (unmarried):</i>	
» masih belajar sepenuh masa (peringkat A-Level, sijil, matrikulasi, persediaan atau pra-ijazah) <i>» receiving full-time education (at A-Level, Certificate, Matriculation, Preparatory and pre-degree)</i>	2,000
» masih belajar (peringkat diploma dan ke atas) di Institusi Penggajian Tinggi di Malaysia <i>» studying at Higher Educational Institute in Malaysia (diploma level and above)</i>	8,000
» masih belajar (peringkat ijazah dan ke atas) di IPT di luar Malaysia yang diiktiraf oleh pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan <i>» studying (degree level and above) at higher educational institute outside Malaysia recognised by the relevant government authorities</i>	8,000
Anak kurang upaya <i>Disabled child</i>	6,000

JENIS PELEPASAN TYPES OF RELIEF	HAD PELEPASAN (RM) LIMIT (RM)
- Anak kurang upaya yang belajar di Institusi Pengajian Tinggi (peringkat diploma dan ke atas) di Malaysia atau IPT di luar Malaysia (peringkat ijazah dan ke atas) yang diiktiraf oleh pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan <i>Disabled child studying at Higher Educational Institute (diploma level and above) in Malaysia or Higher Educational Institute outside Malaysia (degree level and above) recognised by the relevant government authorities</i>	14,000
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) <i>Employees Provident Fund (EPF)</i>	4,000
PERKESO <i>SOSCO</i>	350

JENIS REBAT TYPES OF REBATE	NILAI REBAT REBATE AMOUNT	SYARAT REQUIREMENTS
Sendiri <i>Self</i>	RM400	Pendapatan bercukai tidak melebihi RM 35,000 <i>Chargeable income does not exceed RM35,000</i>
Isteri / Suami <i>Wife / Husband</i>	RM400	Pendapatan bercukai tidak melebihi RM 35,000 dan isteri / suami tiada pendapatan / tiada jumlah pendapatan <i>Chargeable income does not exceed RM 35,000 and wife / husband / has income / no total income</i>
Zakat / Fitrah <i>Zakat / Fitrah</i>	Terhad sehingga jumlah cukai dikenakan <i>Limited to total tax charged</i>	Zakat dibayar dalam tahun kalendar <i>Zakat paid in calendar year</i>
Levi pelepasan umrah / ziarah ke tempat suci untuk tujuan keagamaan lain <i>Umrah / pilgrimage clearance levy to holy places for other religious</i>	Amaun levi yang dibayar terhadap kepada DUA (2) kali perjalanan seumur hidup <i>Amount of levy paid limited to TWO (2) journeys in a lifetime</i>	Meninggalkan Malaysia melalui udara untuk menunaikan umrah atau ziarah ke tempat suci untuk tujuan keagamaan agama lain tetapi BUKAN untuk menunaikan haji <i>Leaving Malaysia by air for the purpose of performing umrah or other religious pilgrimage to a holy place but NOT for the purpose of performing Hajj.</i>

Pelepasan Lain Yang Boleh Dituntut Dalam Pengiraan Cukai

Other Reliefs Claimable In Tax Computation

(Sila kemukakan Borang TP1 kepada majikan jika memilih PCB sebagai Cukai Muktamad)
(Please submit TP1 Form to employer if elect for MTD as Final Tax)

JENIS PELEPASAN TYPES OF RELIEF	TT 2024 YA 2023	TT 2023 YA 2022
	HAD PELEPASAN (RM) LIMIT (RM)	HAD PELEPASAN (RM) LIMIT (RM)
Perbelanjaan / Expenses • Perbelanjaan rawatan perubatan, rawatan pergigian, keperluan khas dan penjaga • <i>Medical treatment, dental treatment, special needs and carer</i> • Pemeriksaan perubatan penuh (terhad kepada RM1,000) • <i>Complete medical examination (restricted to RM1,000)</i>	8,000	8,000
Peralatan sokongan asas untuk kegunaan sendiri, suami / isteri, anak atau ibu bapa yang kurang upaya <i>Basic supporting equipment for disabled self, spouse, child or parent</i>	6,000	6,000
Yuran pendidikan (sendiri) <i>Education fees (self)</i>	7,000	7,000
Perbelanjaan perubatan Medical expenses • Perbelanjaan perubatan penyakit serius untuk diri sendiri, suami / isteri atau anak • <i>Medical expenses for serious diseases for self, spouse or child</i> • Perbelanjaan perubatan bagi rawatan kesuburan ke atas diri sendiri atau suami / isteri • <i>Medical expenses for fertility treatment for self or spouse</i> • Pemvaksinan ke atas diri sendiri, suami / isteri atau anak (Terhad RM1,000) • <i>Vaccination expenses which qualified for deduction for self, spouse or child (restricted RM1,000)</i> • Pemeriksaan dan rawatan pergigian ke atas diri sendiri, suami / isteri atau anak (Terhad RM1,000) • <i>Dental examination and treatment on himself, husband/wife or child (restricted RM1,000)</i>	10,000	10,000
Perbelanjaan (terhad RM1,000) bagi Medical expenses (restricted to RM1,000): • Pemeriksaan perubatan penuh ke atas diri sendiri, suami / isteri atau anak • <i>Complete medical examination for self, spouse or child</i> • Ujian pengesanan COVID-19 termasuk pembelian kit ujian sendiri ke atas diri sendiri, suami / isteri atau anak • <i>COVID-19 detection test including purchase of self-detection test kit for self, spouse or child</i> • Pemeriksaan kesihatan mental atau konsultasi ke atas diri sendiri, suami / isteri atau anak • <i>Mental health examination or consultation for self, spouse or child</i>	10,000	10,000

JENIS PELEPASAN TYPES OF RELIEF	TT 2024 YA 2023	TT 2023 YA 2022
	HAD PELEPASAN (RM) LIMIT (RM)	HAD PELEPASAN (RM) LIMIT (RM)
Perbelanjaan (terhad RM4,000) ke atas anak berumur 18 tahun dan ke bawah bagi: Medical expenses (restricted to RM4,000) for children under 18 years include • Penilaian untuk tujuan diagnosis kurang upaya pembelajaran (diperakukan oleh pengamal perubatan berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia) • assessment for the purpose of diagnostic with learning disabilities (certified by a medical practitioner registered with the Malaysian Medical Council), • Program intervensi awal atau rawatan pemulihan kurang upaya pembelajaran (dikendalikan oleh pengamal profesion kesihatan bersekutu) • early intervention and rehabilitation programmes conducted by health profession practitioners	10,000	10,000
Gaya Hidup Lifestyle • Pembelian bahan bacaan atau langganan buku, jurnal, majalah, surat khabar atau lain-lain penerbitan seumpamanya (bukan bahan bacaan terlarang) • Purchase or subscription of reading materials, books, journals, magazines, newspapers or other similar publications (exclude banned reading materials) • Pembelian komputer peribadi, telefon pintar atau tablet • Purchase of personal computer, smartphone or tablet • Pembelian peralatan sukan untuk aktiviti sukan (mengikut Akta Pembangunan Sukan 1997) dan bayaran keahlian gimnasium • Purchase of sports equipment for sports activity defined under the Sports Development Act 1997 and payment of gym membership • Bayaran bil langganan internet (atas nama sendiri) • Payment of monthly bill for internet subscription (under own name) • Bayaran untuk mana-mana kursus bagi tujuan peningkatan kemahiran atau peningkatan diri • Payment of any course for the purpose of upskilling or self-enhancement	2,500	2,500
Gaya Hidup – pelepasan tambahan untuk kegunaan / manfaat diri sendiri, suami / isteri atau anak bagi: Lifestyle – additional relief for self / spouse or child: • Pembelian peralatan sukan untuk aktiviti sukan mengikut Akta Pembangunan Sukan 1997 • Purchase of sports equipment for sports activity defined under the Sports Development Act 1997 • Bayaran sewa atau fi kemasukan ke fasiliti sukan • Payment of rental or entrance fee to any sports facility • Bayaran fi pendaftaran bagi menyertai pertandingan yang mana penganjur diluluskan dan dilesenkan oleh Pesuruhjaya Sukan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 • Payment for registration fee for any sports competition where the organizer is approved and licensed by the Commissioner of Sports under the Sports Development Act 1997	1,000	500

JENIS PELEPASAN TYPES OF RELIEF	TT 2024 YA 2023	TT 2023 YA 2022
	HAD PELEPASAN (RM) LIMIT (RM)	HAD PELEPASAN (RM) LIMIT (RM)
- Bayaran fi keahlian gim atau latihan sukan yang disediakan oleh kelab / persatuan /syarikat sukan yang berdaftar untuk menjalankan sebarang aktiviti sukan seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 <i>Payment of fees for gym membership or sports training which is provided by a sports club /societies / companies registered for carrying out any sports activity as defined under the Sports Development Act 1997</i>	1,000	500
Pembelian peralatan penyusuan ibu untuk kegunaan diri sendiri bagi anak berumur 2 tahun dan ke bawah / <i>Purchase of breastfeeding equipment for own use for a child aged 2 years and below</i> [Pelepasan dibenarkan sekali dalam setiap DUA (2) Tahun Taksiran] [Deduction is allowed once in every TWO (2) years of assessment]	1,000	1,000
Yuran penghantaran anak yang berumur 6 tahun dan ke bawah ke taman asuhan kanak-kanak / tadika yang berdaftar <i>Child care fees to a registered child care centre / kindergarten for a child aged 6 years and below</i>	3,000	3,000
Tabungan bersih dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) <i>Net deposit in Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN)</i>	8,000	8,000
Insurans nyawa / Takaful & KWSP <i>Life Insurance / Takaful & KWSP</i> - Bayaran premium insurans hayat atau sumbangan takaful keluarga atau sukarela tambahan kepada KWSP (Terhad RM3,000) <i>Life insurance premium payments and takaful contributions or additional voluntary contribution to EPF (restricted RM 3,000)</i> - Caruman kepada skim yang diluluskan atau caruman sukarela kepada KWSP (tidak termasuk skim persaraan swasta) atau caruman di bawah mana-mana undang-undang bertulis (Terhad RM4,000) <i>Contribution to an approved scheme or voluntary contribution to EPF (NOT including private retirement scheme) or contribution under any written law (restricted RM 4,000)</i>	7,000	7,000
Skim persaraan swasta dan anuiti tertangguh yang diluluskan oleh suruhanjaya sekuriti <i>Deferred Annuity and Private Retirement Scheme (PRS)</i>	3,000	3,000
Insurans perubatan dan pendidikan (diri sendiri, pasangan dan anak) <i>Education and medical insurance (self / spouse and child)</i>	3,000	3,000
Perbelanjaan bayaran pemasangan, sewaan, pembelian termasuk sewa-beli peralatan atau langganan bagi penggunaan kemudahan pengecasan kenderaan elektrik bagi kenderaan sendiri (bukan untuk kegunaan perniagaan) <i>Payment of installation, rental, purchase including hire-purchase of equipment or subscription for use of electric vehicle charging facility for own vehicle (Not for business use)</i>	2,500	2,500

PERHATIAN / PLEASE NOTE

Simpan dokumen dan rekod selama 7 tahun untuk semakan HASiL

Keep document and records for 7 years for HASiL review

Kadar Cukai Individu Pemastautin Tahun Taksiran 2024

Tax Rates of Resident Individual For Year of Assessment 2024

JADUAL CUKAI BAGI INDIVIDU PEMASTAUTIN TAHUN TAKSIRAN 2024 TAX SCHEDULE FOR RESIDENT INDIVIDUALS FOR YEAR OF ASSESSMENT 2024				
KATEGORI CATEGORY	BANJARAN PENDAPATAN BERCUKAI / BALANCE OF TAXABLE INCOME (A)	PENGIRAAN RM / CALCULATION (RM) (B)	KADAR % RATES % (C)	CUKAI RM / TAXES RM (D)
A	0 - 5,000	5,000 pertama <i>First 5,000</i>	0	0
B	5,001 - 20,000	5,000 pertama <i>First 5,000</i> 15,000 berikutnya <i>Next 15,000</i>	1	0 150
C	20,001 - 35,000	20,000 pertama <i>First 20,000</i> 15,000 berikutnya <i>Next 15,000</i>	3	150 450
D	35,001 - 50,000	35,000 pertama <i>First 35,000</i> 15,000 berikutnya <i>Next 15,000</i>	6	600 900
E	50,001 - 70,000	50,000 pertama <i>First 50,000</i> 20,000 berikutnya <i>Next 20,000</i>	11	1,500 2,200
F	70,001 - 100,000	70,000 pertama <i>First 70,000</i> 30,000 berikutnya <i>Next 30,000</i>	19	3,700 5,700
G	100,001 - 400,000	100,000 pertama <i>First 100,000</i> 300,000 berikutnya <i>Next 300,000</i>	25	9,400 75,00
H	400,001 - 600,000	400,000 pertama <i>First 400,000</i> 200,000 berikutnya <i>Next 200,000</i>	26	84,400 52,000
I	600,001 - 2,000,000	600,000 pertama <i>First 600,000</i> 400,000 berikutnya <i>Next 400,000</i>	28	136,400 392,00
J	Melebihi 2,000,000 <i>Exceeded 2,000,000</i>	2,000,000 pertama <i>First 2,000,000</i> Setiap ringgit berikutnya <i>For every next ringgit</i>	30	528,400

PERHATIAN / PLEASE NOTE

Pembayar cukai perlu menyimpan rekod perjalanan keluar / masuk Malaysia bagi pengesahan taraf mastautin (terutama bagi tujuan permohonan Sijil Penyelesaian Cukai) untuk mengelakkan kesilapan semasa mengemukakan borang nyata

Taxpayer should keep proper record of travel in / out from Malaysia for verification of resident status (especially for the purpose of Tax Clearance Letter) to avoid mistakes when submitting Income Tax Return Form (ITRF)

Pendapatan Individu Bukan Pemastautin

Income of Non-Resident Individual

Tarf Mastautin Individu
Individual Resident Status

*Sila rujuk Seksyen 7, ACP 1967 dan KU 11/2017

**Subject to Section 7 Income Tax Act 1967 and Public Ruling 11/2017*

Layanan Cukai Di Antara Individu Bermastautin dan Individu Tidak Bermastautin

Tax Treatment Between Residents and Non Resident Individuals

INDIVIDU BERMASTAUTIN RESIDENT INDIVIDUALS	INDIVIDU TIDAK BERMASTAUTIN NON-RESIDENT INDIVIDUALS
Kadar cukai secara progresif <i>Tax rates progressively</i>	Cukai pada kadar 30% <i>Taxed rates at 30%</i>
Layak pelepasan seperti tanggungan, anak, dll. <i>Eligible for tax reliefs such as personal relief, dependents, child, etc.</i>	Tidak layak pelepasan <i>Not eligible for tax reliefs</i>
Layak rebat cukai <i>Entitled for tax rebates</i>	Tidak layak rebat cukai <i>Not entitled for tax rebates</i>
Tertakluk kepada cukai ke atas pendapatan dari luar Malaysia yang diterima di Malaysia <i>Subject to tax on income from outside Malaysia received in Malaysia</i>	Pendapatan punca luar Malaysia yang diterima di Malaysia tidak dikenakan cukai <i>Not subject to Malaysia tax</i>

Kadar Cukai Individu Bukan Pemastautin

Tax Rate Non Resident Individuals

TAHUN TAKSIRAN YEAR OF ASSESSMENT	
2016 - 2019	2020 - 2024
28%	30%

PERHATIAN / PLEASE NOTE

Simpan rekod keluar / masuk:

- Pengesahan Taraf Mastautin
- Surat Penyelesaian Cukai (SPC)
- Penghantaran Borang Nyata

Keep proper records:

- Confirmation of resident status
- Tax Clearance Letter
- Submission of Income Tax Return Form (ITRF)

Pengemukakan Borang Nyata

Submission of Income Tax Return Form

JENIS BORANG FORM TYPE	KATEGORI PEMBAYAR CUKAI TAXPAYER CATEGORY	TARIKH AKHIR PENGEMUKAAN BORANG NYATA FORM SUBMISSION DEADLINE
BE	Individu pemastautin yang tidak menjalankan perniagaan <i>Resident individuals who does not carry on business</i>	30 April <i>30th April</i>
B	Individu pemastautin yang menjalankan perniagaan <i>Resident individuals doing business</i>	30 Jun <i>30th June</i>
BT	Individu pemastautin (pekerja berpengetahuan / berkepakaran / bukan warganegara memegang jawatan utama) <i>Resident individuals (Knowledgeable workers / Expertise / Non-citizen workers holding main positions)</i>	TIDAK Menjalankan Perniagaan: 30 April <i>NOT doing business: 30th April</i>
M	Individu bukan pemastautin <i>Non-resident individuals</i>	Menjalankan Perniagaan: 30 Jun <i>Doing business: 30th June</i>
MT	Individu bukan pemastautin (pekerja berpengetahuan) <i>Non-resident individuals (knowledgeable workers)</i>	

Tarikh Akhir Bayaran Cukai Due Date of Tax Payment

PUNCA PENDAPATAN SOURCE OF INCOME	BORANG FORM	TARIKH AKHIR PEMBAYARAN PAYMENT DUE DATE
Potongan Cukai Bulanan (Individu Punca Penggajian - Dibayar oleh Majikan) <i>Monthly Tax Deduction (Individual with Employment Income – Paid by Employer)</i>	CP39	15hb bulan berikutnya <i>15th of the following month</i>
Individu Punca Perniagaan <i>Individual with Business Income</i>	CP500	30 hari daripada tarikh kena bayar (Mac, Mei, Julai, September, November dan Januari) <i>Within 30 days from the date payable (March, May, July, September, November and January)</i>



Cukai Pegangan Withholding Tax

Pengenalan Introduction



Cukai pegangan adalah amaun yang dipegang oleh pihak yang membuat bayaran (pembayar) ke atas pendapatan yang diterima oleh individu atau syarikat, yang terbit daripada Malaysia untuk transaksi tertentu. Cukai pegangan perlulah diremitkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dalam tempoh sebulan selepas membayar atau mengkredit kepada penerima.

Withholding tax is an amount withheld by the party making payment (payer) on income received by individuals or companies, which is derived from Malaysia for certain transactions. The withholding tax shall be remitted to the Inland Revenue Board of Malaysia (IRBM) within one month after paying or crediting the payee.

Pembayar / Payer

Merujuk kepada Kerajaan, Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa tempatan, atau seorang pemastautin, atau mana-mana orang yang menuntut bayaran tersebut sebagai belanja dalam akaun perniagaan yang dijalankan di Malaysia. Pembayar perlu memotong cukai pegangan bagi bayaran yang dibuat kepada penerima pemastautin dan bukan pemastautin.

Refers to Government, a State Government or a local authority, or a resident person, or any person who claims such payment as an expense in the accounts of a business carried on in Malaysia. The payer is required to withhold tax on payments made to a resident and non-resident payee.

Cukai pegangan yang telah dipotong dengan betul dan teratur perlu diremitkan kepada LHDNM dalam tempoh sebulan selepas membayar atau mengkredit kepada penerima.

Withholding tax that has been deducted correctly and in an orderly manner shall be remitted to the IRBM within one month after paying or crediting the recipient.



Penerima Payee

Merujuk kepada mana-mana orang (pemastautin atau bukan pemastautin) yang menerima bayaran daripada transaksi yang tertakluk kepada cukai pegangan.

Refers to any person (resident or non-resident) who receives payments from transactions that are subject to withholding tax.



Jenis Bayaran, Tempoh Peremitan, Peruntukan Berkaitan, Kadar Cukai Pegangan dan Borang

Types of Payments, Remittance Periods, Relevant Provisions, Withholding Tax Rates and Forms

JENIS BAYARAN TYPES OF PAYMENTS	TEMPOH PEREMITAN REMITTANCE PERIOD	PERUNTUKAN BERKAITAN AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 (ACP) RELEVANT PROVISION OF THE INCOME TAX ACT 1967 (ITA)	KADAR CUKAI PEGANGAN WITHHOLDING TAX RATE	BORANG FORM
Bayaran kontrak kepada bukan pemastautin <i>Contract payment to non-resident</i>	1 bulan dari tarikh bayaran <i>1 month from date of payment</i>	Seksyen 107A <i>Section 107A</i>	10% , 3%	CP 37A
Bayaran faedah kepada bukan pemastautin <i>Interest payment to non-resident</i>	1 bulan dari tarikh bayaran <i>1 month from date of payment</i>	Seksyen 109, Bahagian II, Jadual 1 <i>Section 109, Part II, Schedule 1</i>	15%	CP 37
Bayaran royalti kepada bukan pemastautin <i>Royalty payment to non-resident</i>	1 bulan dari tarikh bayaran <i>1 month from date of payment</i>	Seksyen 109, Bahagian II, Jadual 1 <i>Section 109, Part II, Schedule 1</i>	10%	CP 37
Bayaran kepada penghibur awam bukan pemastautin <i>Payment to non-resident Public Entertainer</i>	1 bulan dari tarikh bayaran <i>1 month from date of payment</i>	Seksyen 109A, Bahagian II, Jadual 1 <i>Section 109A, Part II, Schedule 1</i>	15%	CP600FA & Pengiraan Cukai dikeluarkan oleh LHDNM <i>CP600FA & Tax Calculation issued by IRBM</i>

JENIS BAYARAN TYPES OF PAYMENTS	TEMPOH PEREMITAN REMITTANCE PERIOD	PERUNTUKAN BERKAITAN AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 (ACP) RELEVANT PROVISIONS OF THE INCOME TAX ACT 1967 (ITA)	KADAR CUKAI PEGANGAN WITHHOLDING TAX RATES	BORANG FORMS
Bayaran Pendapatan kelas khas kepada bukan pemastautin <i>Payment of special classes of income to non-resident</i>	1 bulan dari tarikh bayaran <i>1 month from date of payment</i>	Seksyen 109B, Bahagian V, Jadual 1 <i>Section 109B, Part V, Schedule 1</i>	10%	CP 37D
Agihan pendapatan dari Amanah Pelaburan Harta Tanah (REIT) / Tabung Amanah Harta kepada: <i>Income distribution by Real Estate Investment Trust (REIT) / Property Trust Fund to:</i> i. syarikat bukan pemastautin <i>i. non-resident company</i> ii. pelabur institusi asing <i>ii. foreign investment institution</i> iii. selain daripada perenggan (i), (ii) dan syarikat pemastautin <i>iii. other than paragraphs (i) and, (ii) and resident company</i>	1 bulan dari tarikh agihan <i>1 month from date of distribution</i>	Seksyen 109D, Bahagian X, Jadual 1 <i>Section 109D, Part X, Schedule 1</i>	24% 10% 10%	CP 37E
Agihan pendapatan dari Dana Pasaran Wang Runcit kepada selain individu <i>Income distribution by Retail Money Market Fund to unit holder other than individual</i>	1 bulan dari tarikh agihan <i>1 month from date of distribution</i>	Seksyen 109DA, Bahagian XIX, Jadual 1 <i>Section 109DA, Part XIX, Schedule 1</i>	24%	CP37E(NR) CP37E(R)

JENIS BAYARAN TYPES OF PAYMENTS	TEMPOH PEREMITAN REMITTANCE PERIOD	PERUNTUKAN BERKAITAN AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 (ACP) RELEVANT PROVISIONS OF THE INCOME TAX ACT 1967 (ITA)	KADAR CUKAI PEGANGAN WITHHOLDING TAX RATES	BORANG FORMS
Agihan pendapatan dari Dana Keluarga / Dana Takaful Keluarga / Dana Am kepada: <i>Income distribution by Family Fund / Takaful Family Fund / General Fund to:</i> i. syarikat bukan pemastautin <i>i. non-resident company</i> ii. selain daripada perenggan (i) dan syarikat pemastautin <i>ii. other than paragraph (i) and resident company Income under paragraph 4(f) of the ITA 1967</i>	1 bulan dari tarikh agihan <i>1 month from date of distribution</i>	Seksyen 109E, Bahagian XI, Jadual 1 <i>Section 109E, Part XI, Schedule 1</i>	26% (TT2008) 25% (TT2009 dan seterusnya) 8% 26% (YA2008) 25% (YA2009 onwards) 8%	CP 37E(T)
Pendapatan di bawah perenggan 4(f) ACP 1967 <i>Income under paragraph 4(f) of the ITA 1967</i>	1 bulan dari tarikh bayaran <i>1 month from date of payment</i>	Seksyen 109F, Bahagian XIII, Jadual 1 <i>Section 109F, Part XIII, Schedule 1</i>	10%	CP 37F
Pendapatan yang diperoleh daripada pengeluaran anuiti tertangguh atau skim persaraan swasta sebelum mencapai usia 55 tahun <i>Income derived from withdrawal of a deferred annuity or a private retirement scheme before reaching the age of fifty-five</i>	1 bulan dari tarikh bayaran <i>1 month from date of payment</i>	Seksyen 109G, Bahagian XVI, Jadual 1 <i>Section 109G, Part XVI, Schedule 1</i>	8%	CP 37G

Penjelasan Ringkas

Brief Description

1

Bayaran Kontrak kepada Bukan Pemastautin *Contract Payment to Non-Resident*

Bayaran kontrak yang dibuat kepada bukan pemastautin berkaitan perkhidmatan di bawah suatu kontrak tertakluk kepada cukai pegangan sebanyak:

Contract payments made to non-resident in respect of service under a contract are subject to withholding tax of:

- a. 10% atas bahagian perkhidmatan berkenaan bayaran kontrak yang dibuat kepada penerima bukan pemastautin;
- a. 10% on the service portion of the contract payments made to the non-resident payee;
- b. 3% atas bahagian perkhidmatan berkenaan bayaran kontrak yang dibuat kepada pekerja penerima bukan pemastautin.
- b. 3% on the service portion of the contract payments made to employees of the non-resident payee.

Bahagian perkhidmatan merujuk kepada perkhidmatan yang dilaksanakan atau diberikan untuk apa-apa kerja atau perkhidmatan profesional di Malaysia, di bawah suatu kontrak. *Service portion refers to service performed or rendered for any work or professional services in Malaysia, under a contract.*

2

Bayaran Faedah kepada Orang Bukan Pemastautin *Interest Payment to Non-Resident Person*

Bayaran faedah yang dibuat kepada penerima bukan pemastautin adalah tertakluk kepada 15% cukai pegangan (atau apa-apa kadar lain yang dinyatakan di bawah Perjanjian Pencukaian Dua Kali di antara Malaysia dan negara yang mana penerima bukan pemastautin merupakan pemastautin negara tersebut). Cukai pegangan dikira berdasarkan amaun kasar faedah dan dianggap sebagai cukai muktamad.

Payment of interest made to a non-resident payee is subject to a 15% withholding tax (or any other rate as prescribed under the Double Taxation Agreement between Malaysia and the country where the non-resident payee is a tax resident). It is calculated based on the gross amount of interest and is considered as a final tax.

3

Bayaran Royalti kepada Orang Bukan Pemastautin
Royalty Payment to Non-Resident Person

Bayaran royalti yang dibuat kepada penerima bukan pemastautin adalah tertakluk kepada 10% cukai pegangan (atau apa-apa kadar lain yang dinyatakan di bawah Perjanjian Pencukaian Dua Kali di antara Malaysia dan negara yang mana penerima bukan pemastautin merupakan pemastautin negara tersebut). Cukai pegangan dikira berdasarkan amaun kasar royalti dan dianggap sebagai cukai muktamad.

Payment of royalty made to a non-resident payees is subject to a 10% withholding tax (or any other rate as prescribed under the Double Taxation Agreement between Malaysia and the country where the non-resident payee is a tax resident). It is calculated based on the gross amount of royalty and is considered as a final tax.

Tafsiran royalti dinyatakan di bawah seksyen 2 ACP1967. Antara bayaran yang dianggap sebagai bayaran royalti termasuklah apa-apa bayaran untuk penggunaan atau hak untuk penggunaan:

Interpretation of royalty is defined under Section 2 of the ITA 1967. Among payments that are considered as royalty payments are any sums paid as consideration for the use of or the right to use:



4

Bayaran kepada Penghibur Awam Bukan Pemastautin
Payment to Non-Resident Public Entertainer

Seorang penghibur awam bukan pemastautin bermaksud seorang individu bukan pemastautin, yang menjalankan aktiviti yang berikut:

A non-resident public entertainer means a non-resident individual, who carries out the following activities:

- a. persembahan solo atau berkumpulan oleh pelakon, peragawati, penghibur sarkas, pengacara, penari, penghibur, pemuzik, penyanyi, artis lain, atau menjalankan apa-apa profesion, kerjaya atau pekerjaan yang mempunyai sifat yang serupa untuk budaya, pendidikan, hiburan, agama atau apa-apa tujuan lain;
- a. a solo or group performance as an actor, model, circus performer, compere, dancer, entertainer, musician, singer, other artiste, or the exercise of any profession, vocation or employment of a similar nature for cultural, educational, entertainment, religious or any other purposes;*
- b. penggunaan kemahiran intelek, artistik, muzik, peribadi atau fizikal atau watak individu bukan pemastautin untuk budaya, pendidikan, hiburan, agama atau apa-apa tujuan lain;
- b. the use of the non-resident individual's intellectual, artistic, musical, personal or physical skill or character for cultural, educational, entertainment, religious or any other purposes;*
- c. ceramah, ucapan, atau taklimat untuk apa-apa tujuan; atau
- c. lecture, speech, or talk for any purpose; or*
- d. apa-apa jenis acara sukan atau pertandingan sukan.
- d. a sporting event or sporting competition of any nature.*

Saraan atau lain-lain pendapatan berhubung dengan perkhidmatan yang dilaksanakan atau diberikan di Malaysia oleh penghibur awam bukan pemastautin tertakluk kepada 15% cukai pegangan.

Remuneration or other income in respect of services performed or rendered in Malaysia by a non-resident public entertainer is subject to 15% withholding tax.



5

Bayaran Pendapatan Kelas Khas kepada Bukan Pemastautin
Payment of Special Classes of Income to Non-Resident

Pendapatan kelas khas termasuk bayaran:

Special classes of income include payments:

a

untuk perkhidmatan yang diberikan oleh penerima bukan pemastautin atau pekerjaanya berkaitan dengan penggunaan harta atau hak yang dimiliki olehnya, atau pemasangan atau pengendalian mana-mana loji, jentera atau kelengkapan yang dibeli daripada, bukan pemastautin itu;

for services rendered by the non-resident payee or his employee in connection with the use of property or rights belonging to, or the installation or operation of any plant, machinery or apparatus purchased from the non-resident payee;

b

untuk nasihat, bantuan atau perkhidmatan yang diberikan berkaitan dengan pengurusan atau pentadbiran mana-mana duga niaga, usaha, projek atau skim yang bercorak saintifik, perindustrian atau komersial; atau

for advice, assistance or services rendered in connection with management or administration of any scientific, industrial or commercial undertaking, venture, project or scheme; or

c

sewa atau bayaran lain yang dibuat di bawah mana-mana perjanjian atau aturan bagi penggunaan mana-mana harta alih.

for rent or other payments made under any agreement or arrangement for the use of any moveable property.

Pendapatan kelas khas untuk perenggan (a) dan (b) di atas hanya terpakai kepada amaun yang boleh dikaitkan dengan perkhidmatan yang dilaksanakan di Malaysia.

Special classes of income in paragraphs (a) and (b) above shall only apply to the amount attributable to services which are performed in Malaysia.

Bayaran pendapatan kelas khas yang dibuat kepada penerima bukan pemastautin adalah tertakluk kepada 10% cukai pegangan (atau apa-apa kadar lain yang dinyatakan di bawah Perjanjian Pencukaian Dua Kali di antara Malaysia dan negara yang mana penerima bukan pemastautin merupakan pemastautin negara tersebut). Cukai pegangan dikira berdasarkan amaun kasar pendapatan dan dianggap sebagai cukai muktamad.

Payment of special classes of income made to a non-resident payee is subject to a 10% withholding tax (or any other rate as prescribed under the Double Taxation Agreement between Malaysia and the country where the non-resident payee is a tax resident). It is calculated based on the gross amount of income and is considered as a final tax.

6

Agihan Pendapatan Oleh Amanah Pelaburan Harta Tanah (REIT) atau Tabung Amanah Harta kepada Pemegang Unit
Income Distribution by Real Estate Investment Trust (REIT) or Property Trust Fund to Unit Holders

Pendapatan yang diagihkan kepada pemegang unit oleh REITs atau Tabung Amanah Harta yang diluluskan dan disenaraikan di Bursa Malaysia adalah tertakluk kepada cukai pegangan seperti berikut:

Income distributed to unit holders by approved REIT or Property Trust Fund listed on Bursa Malaysia are subject to withholding tax as follows:

01

24% atas pendapatan yang diagihkan kepada syarikat bukan pemastautin;
24% on income distributed to a non-resident company;

02

10% atas pendapatan yang diagihkan kepada institusi pelaburan asing;
10% on income distributed to a foreign investment institution;

03

10% atas pendapatan yang diagihkan kepada orang selain daripada yang disenaraikan dalam perenggan (a) dan (b) di atas dan syarikat pemastautin.
10% on income distributed to a person other than listed in paragraphs (a) and (b) above and resident company.

Pengagihan pendapatan dikira berdasarkan jumlah kasar agihan pendapatan dan dianggap sebagai cukai muktamad.

The income distribution is calculated based on the gross amount of income distributed and is considered as a final tax.

7

Agihan Pendapatan oleh Dana Pasaran Wang Runcit kepada Pemegang Unit Selain Individu
Income Distribution by Retail Money Market Fund to Unit Holders Other Than an Individual

Pendapatan yang diagihkan oleh Dana Pasaran Wang Runcit kepada semua pemegang unit kecuali individu adalah tertakluk kepada 24% cukai pegangan. Cukai pegangan yang dikenakan kepada penerima bukan pemastautin (kecuali individu) dianggap sebagai cukai muktamad.

Income distributed by Retail Money Market Fund to all unit holders except individuals are subject to a 24% withholding tax. The withholding tax imposed on a non-resident payee (except individuals) is considered as a final tax.

8

Agihan Pendapatan dari Dana Keluarga atau Dana Takaful Keluarga atau Dana Am kepada Pemegang Unit Selain Syarikat Pemastautin
Income Distribution by Family Fund or Takaful Family Fund or General Fund to Unit Holders Other Than Resident Company

Pendapatan yang diagihkan daripada Dana Keluarga atau Dana Takaful atau Dana Am kepada pemegang unit selain syarikat pemastautin adalah tertakluk kepada cukai pegangan seperti berikut:

Income distributed to unit holders by Family Fund or Takaful Family Fund or General Fund to all unit holders except resident company are subject to withholding tax as follows:

26% (sebelum tahun taksiran 2009) atau 25% (mulai tahun taksiran 2009) atas pendapatan yang diagihkan kepada syarikat bukan pemastautin;

26% (year of assessment 2008) or 25% (effective year of assessment 2009) on income distributed to non-resident company;

8% atas pendapatan yang diagihkan kepada pemegang unit selain daripada syarikat pemastautin dan syarikat bukan pemastautin.

8% on income distributed to unit holders other than resident company and non-resident company.

Pengagihan pendapatan dikira berdasarkan jumlah kasar agihan pendapatan dan dianggap sebagai cukai muktamad.

The income distribution is calculated based on the gross amount of income distribute and is considered as a final tax.

9

Pendapatan di bawah Perenggan 4(f) ACP 1967
Income under Paragraph 4(f) of the ITA 1967

Apa-apa pendapatan di bawah perenggan 4(f) ACP 1967 kepada orang bukan pemastautin adalah tertakluk kepada 10% cukai pegangan. Cukai pegangan dikira berdasarkan amaun kasar pendapatan yang terjatuh di bawah perenggan 4(f) dan dianggap sebagai cukai muktamad.

Any income that falls under paragraph 4(f) of the ITA 1967 to non-resident persons are subject to 10% withholding tax. It is calculated based on the gross amount of income that falls under paragraph 4(f) and is considered as a final tax.

10

Pendapatan yang diperoleh daripada pengeluaran anuiti tertangguh atau skim persaraan swasta sebelum mencapai usia lima 55 tahun
Income Derived from Withdrawal of a Deferred Annuity or a Private Retirement Scheme before Reaching the Age of Fifty-five

Pendapatan individu yang terdiri daripada jumlah keseluruhan yang diterima berhubung dengan pengeluaran daripada anuiti tertangguh atau skim persaraan swasta di mana pengeluaran tersebut dibuat sebelum individu tersebut mencapai usia 55 tahun, selain daripada sebab:

Income of an individual consisting of the total amount received in respect of withdrawal from a deferred annuity or a private retirement scheme where such withdrawal is made before that individual reaches the age of 55, other than the following reasons:

- | | |
|--|---|
| a. hilang upaya langsung yang kekal;
<i>a. permanent total disablement;</i> | e. meninggalkan Malaysia buat
selama-lamanya;
<i>e. permanently leaving Malaysia;</i> |
| b. penyakit serius;
<i>b. serious disease;</i> | f. penjagaan kesihatan; atau
<i>f. healthcare; or</i> |
| c. ketidakupayaan mental;
<i>c. mental disability;</i> | g. perumahan.
<i>g. housing.</i> |
| d. meninggal dunia;
<i>d. death;</i> | |

yang pengeluarannya perlu mematuhi kriteria yang dinyatakan dalam garis panduan yang berkaitan dengan Suruhanjaya Sekuriti, adalah tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar 8% ke atas setiap ringgit sumbangan tersebut yang dikeluarkan. Cukai pegangan ini dianggap sebagai cukai muktamad.

For which such withdrawal shall be in compliance with the criteria as set out in the relevant guidelines of the Securities Commission, is subject to withholding tax at the rate of 8% on every ringgit of that contribution withdrawn. The withholding tax is considered as a final tax.



Penguatkuasaan *Enforcement:*

Sekiranya pembayar gagal untuk memotong dan meremitkan apa-apa amaun cukai pegangan yang kena dibayar kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) dalam tempoh yang ditetapkan, amaun yang gagal dibayar akan dinaikkan sebanyak 10% daripada bayaran yang tertakluk kepada cukai pegangan dan jumlah amaun tersebut merupakan hutang kepada Kerajaan dan kena dibayar dengan serta merta kepada KPHDN.

Where a payer fails to deduct and remit any amount of withholding tax due to the Director General of Inland Revenue (DGIR) within the stipulated period, that amount which he fails to pay shall be increased by 10% of the amount of withholding tax which he fails to pay and the total sum shall be a debt due from him to the Government and shall be payable to the DGIR.

CONTOH / EXAMPLE:

Royalti dibayar kepada penerima bukan pemastautin pada 15/11/2023 = RM200,000
Royalty paid to non-resident payee on 15/11/2023

Cukai pegangan diterima oleh LHDNM pada 20/12/2023 (selepas 15/12/2023) = RM200,000
Withholding tax received by IRBM on 20/12/2023 (later than 15/12/2023)

Kenaikan cukai dikenakan ke atas pembayar (RM 20,000 @ 10%) = RM200,000
Increase in tax imposed on payer (RM 20,000 @ 10%)



Sekiranya pembayar gagal untuk memotong dan meremit cukai pegangan dan / atau kenaikan atas cukai yang telah dikenakan ke atas beliau, bayaran yang dibuat kepada penerima tidak akan dibenarkan sebagai perbelanjaan dalam pengiraan pendapatan larasan daripada mana-mana punca pendapatan pembayar. Tindakan undang-undang boleh diambil menurut subseksyen 106(1) ACP 1967 ke atas pembayar untuk memungut amaun cukai pegangan dan / atau kenaikan atas cukai yang belum dibayar.

Where the payer fails to deduct and remit withholding tax and / or the increase in tax imposed on him, the payment made to a payee will be disallowed as an expense in the computation of the adjusted income from any source of the payer. Legal action may be taken pursuant to Subsection 106(1) of the ITA 1967 on the payer to recover the amount of withholding tax and / or the increased of tax due.

Walau bagaimanapun, jika pembayar kemudiannya membayar amaun yang terhutang itu bersama-sama dengan amaun kenaikan, bayaran tersebut boleh dibenarkan sebagai potongan.

However, if the payer subsequently pays the withholding tax together with the increased amount, that payment made to the non-resident can be subsequently allowed as a deduction.

Jika pembayar menuntut potongan dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) untuk perbelanjaan yang tertakluk kepada cukai pegangan manakala cukai pegangan tidak dibayar atau diremitkan, KPHDN diberi kuasa untuk mengenakan penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP untuk BNCP yang tidak dilaporkan dengan betul (*incorrect returns*). Ini terpakai tidak kira sama ada BNCP telah difailkan dalam atau selepas tarikh pengemukaan bagi tahun taksiran yang berkaitan.

If a payer claims a deduction in the Income Tax Return Form (ITRF) for expenses that are subject to withholding tax whereas the withholding tax has not been paid or remitted, the DGIR is empowered to impose a penalty under Subsection 113(2) of the ITA for submitting an incorrect return. This applies regardless of whether the ITRF has been filed within or after the due date for submission for the relevant year of assessment.

Jika cukai pegangan **belum kena dibayar** dan tiada bayaran atau pengkreditan dibuat kepada penerima bukan pemastautin pada atau sebelum tarikh pengemukaan BNCP, tanpa mengambil kira sama ada bayaran cukai pegangan telah dibayar atau diremitkan kepada KPHDN, potongan adalah tidak dibenarkan di bawah ACP.

*Where the withholding tax is **not due for payment** and no payment or crediting is made to the non-resident payee on or before the due date for submission of the ITRF, regardless of whether the withholding tax has been paid or remitted to the DGIR, a deduction is not allowable under the ITA.*

Permohonan untuk Relif Selain Berkenaan Kesilapan atau Khilaf di bawah Seksyen 131A ACP

Application for Relief Other Than in Respect of Error or Mistake under Section 131A of the ITA

Seorang pembayar yang telah mengemukakan BNCP kepada KPHDN bagi suatu tahun taksiran dan telah membayar cukai bagi tahun taksiran itu boleh memfailkan permohonan untuk relif jika pembayar mendakwa bahawa taksiran berkaitan tahun taksiran itu adalah berlebihan. Taksiran tersebut dikatakan berlebihan jika suatu potongan tidak dibenarkan berkaitan bayaran yang belum kena dibayar di bawah pada hari BNCP dikemukakan. Pembayar boleh membuat permohonan bertulis kepada KPHDN **dalam masa satu tahun selepas tahun akhir pembayaran tersebut dibuat.**

*A payer who has furnished to the DGIR an ITRF for a year of assessment and has paid tax for that year of assessment may file an application for relief if the payer alleges that the assessment relating to that year of assessment is excessive. The assessment is said to be excessive where a deduction is not allowed in respect of payment not due to be paid under Subsection 109 of the ITA on the day the ITRF is furnished. The payer may make an application in writing to the DGIR **within one year after the end of the year the payment is made.***

CONTOH / EXAMPLE

ABC Sdn. Bhd. yang menutup akaun kewangannya pada 31 Disember setiap tahun tidak menuntut perbelanjaan royalti yang kena dibayar kepada DEF Pte. Ltd. bagi TT 2023 kerana royalti dan cukai pegangan hanya akan dibayar pada 30.10.2024. Syarikat boleh memohon relif di bawah Seksyen 131A ACP untuk membuat pindaan kepada pengiraan cukai TT 2023 sebelum 31.12.2025.

ABC Sdn. Bhd. which closes its financial accounts on 31 December each year did not claim royalty expense payable to Seesaw Ltd. for the YA 2023 because the royalty and withholding tax were paid on 30.10.2024. The company may apply for relief under Section 131A of the ITA to amend the assessment for the YA 2023 before 31.12.2025.



PENGGAJIAN DAN TANGGUNGJAWAB MAJIKAN EMPLOYMENT AND RESPONSIBILITIES OF EMPLOYERS


Definisi Majikan / Definition of Employer

Seksyen 2 ACP 1967: "Majikan" adalah berkait dengan pekerjaan bermaksud
Section 2, ITA 1967: "Employer", in relation to an employment, means -

- a. Wujud hubungan antara tuan dan orang suruhan (pekerja) atau
There is a relationship between employer and employee; or
- b. Wujud tanggungjawab untuk membayar gaji
There is a responsibility to pay wages.

Seksyen 83(6) ACP 1967:
Section 83 (6) ITA 1967

seseorang yang telah menerima perkhidmatan yang dijalankan atau dilaksanakan dari orang lain adalah dianggap sebagai majikan.
a person who has received services carried out or performed by another person is considered an employer.




Peranan Majikan The Employer's Role

Bertindak sebagai orang tengah antara LHDNM dan pekerja.

Operating as an intermediary between the IRBM and those working in the company.

Membantu LHDNM dalam memungut Cukai daripada saraan pekerja
Assist IRBM in collecting taxes from employee remuneration

Memudahkan pekerja dalam memastikan pematuhan cukai dan meremitkan sebahagian daripada saraan pekerja sebagai salah satu kaedah membayar cukai.
Facilitate employees in ensuring tax compliance by remitting a portion of their compensation as one method of paying taxes.



Tanggungjawab Majikan Employers's Responsibility



Borang Majikan (Borang e-E) sebelum 31 Mac setiap tahun
Employer Form (Form e-E) and C.P.8D data before 31st March of the following year

02

Nombor Majikan
Employer's Number

01

Hantar / Submit

Daftar / Register

03

Pernyataan Saraan (EA/EC) kepada pekerja sebelum hari terakhir bulan Februari setiap tahun
Statement of Remuneration (EA/EC) to employees before the last day of February every year

04

pekerja baharu dalam tempoh 30 hari
new employees within 30 days of commencement of employment

Sedia / Prepare

Lapor / Report

Pemberhentian, bersara, meninggalkan Malaysia & kematian pekerja dalam tempoh yang ditetapkan
Employee retrenchment, retirement, leaving Malaysia & death within the specified period

06

Membuat potongan cukai bulanan (PCB) setiap bulan/potongan tambahan dari saraan pekerja (CP38) & remit kepada HASiL
Make monthly tax deductions (MTD) every month / additional deduction from employee's remuneration (CP38) and remit the MTD to IRBM

05

Lapor / Report

Potong dan Remit PCB / CP38 /
Deduct and Remit PCB / CP38

07

Bayaran kepada pekerja sehingga Surat Penyelesaian Cukai dikeluarkan
Payment to the employee until the Tax Clearance Letter is issued

08

Butiran pekerja
Employee details

Tahan / Hold

Kemas kini / Update

bertanggungjawab untuk menyimpan semua rekod untuk tempoh 7 tahun
Records for the previous 7 years and ensure that they are readily accessible to the IRBM when required

10

Kepada pekerja berkenaan penggunaan Borang TP1 (dibenarkan sekurang-kurangnya dua (2) kali dalam tahun semasa) dan Borang TP3
To employees regarding the use of Form TP1 (allowed at least two (2) times in the current year) and Form TP3

09

Simpan / Retain

Maklum / Notice

Potongan Cukai Bulanan (PCB) Sebagai Cukai Muktamad Monthly Tax Deduction (MTD) as Final Tax

Pembayar cukai dibenarkan memilih untuk tidak menghantar Borang Nyata sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Taxpayers are allowed the option of not submitting ITRF if they meet the necessary conditions. Conditions of MTD as Final Tax:

Mempunyai satu punca pendapatan penggajian termasuk Manfaat Berupa Barangan (MBB) dan Nilai Tempat Kediaman (NTK)

Have only one source of employment income including Benefits-In-Kind (BIK) and Value of Living Accommodation (VOLA)

Berkhidmat dengan majikan yang sama

Serving the same employer

PCB dipotong mengikut Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan

MTD is deducted according to Income Tax Rules

Cukai tidak ditanggung oleh majikan

Taxes are not borne by the employer

Suami dan isteri membuat pilihan taksiran berasingan

Husband and wife choose to be assessed separately

PERHATIAN / PLEASE NOTE

Majikan bertanggungjawab untuk memastikan semua perkara di atas dilaksanakan dengan betul bagi mengelakkan tindakan undang-undang dikenakan

Employers must ensure that all of the above are complied with in order to avoid legal action.

Apakah Majikan Perlu Tahu?

What Do Employers Need To Know?

Potongan Cukai Berjadual (PCB) Scheduled Tax Deductions (PCB)

- Potongan cukai berdasarkan Jadual PCB ke atas saaraan pekerja yang layak dan diremitkan ke HASIL tidak lewat daripada 15hb dalam bulan berikutnya
- *Tax deductions based on the PCB Schedule on the remuneration of eligible employees and remitted to HASIL not later than the 15th of the following month*
- PCB adalah pengiraan cukai bagi tahun taksiran semasa
- *PCB is the tax calculation for the current assessment year*

PERHATIAN / PLEASE NOTE

Pendapatan yang layak dikenakan cukai adalah tertakluk kepada PCB. Majikan perlulah memastikan PCB yang dikira dan dipotong daripada saaraan pekerja mestilah benar, betul dan tepat serta diremit dalam waktu yang ditetapkan kepada HASIL.

Taxable income is subject to PCB. The employer must ensure that the PCB calculated and deducted from the employee's salary is true, correct and accurate and remitted within the specified time to IRBM.

Potongan CP38 / *CP38 Deduction*

Arahan yang dikeluarkan oleh HASIL kepada majikan sekiranya pekerja mempunyai tunggakan cukai yang gagal dijelaskan

IRB's instruction that requires the employer to make additional deductions from the salary of the employee (other than MTD) towards settlement of the employee's income tax arrears.

Borang TP1 / *Form TP1*

Borang tuntutan potongan dan rebat individu bagi tujuan potongan cukai bulanan

Individual deduction and rebate claim form for monthly tax deduction purposes

- Pekerja boleh mengemukakan TP1 sekurang-kurangnya 2 kali setahun untuk menuntut potongan (pelepasan) dan rebat (bayaran zakat selain potongan gaji).
- *Employees can submit TP1 at least 2 times a year to claim deductions (exemptions) and rebates (zakat payments in addition to salary deductions).*
- Majikan dibenarkan untuk menentukan bulan potongan (sekurang-kurangnya 2 kali setahun) untuk mengemukakan borang TP1
- *Employers are allowed to determine the deduction month (at least 2 times a year) to submit the TP1 form.*

Borang TP3 / *Form TP3*

Borang maklumat berkaitan penggajian terdahulu dalam tahun semasa bagi tujuan potongan cukai bulanan

Information related to previous employment in the current year for the purpose of MTD.

- Borang ini mengandungi maklumat pekerjaan terdahulu bagi tujuan potong cukai bulanan dalam tahun semasa. Pekerja hendaklah mengemukakan kepada majikan supaya bayaran PCB boleh dikemaskini oleh majikan.
- *This form contains previous employment information for the purpose of MTD in the current year. The employee must submit the details to the employer to ensure that the MTD payment is updated accordingly.*

Jenis Saraan Yang Tertakluk Kepada PCB

Types of Remuneration Subject to PCB

Saraan biasa / <i>Normal compensation</i>	Saraan Tambahan / <i>Additional Compensation</i>
• Gaji / <i>Salary</i> • Upah / <i>Wages</i> • Bayaran Kerja lebih masa / <i>Overtime Pay</i> • Tip / <i>Tips</i> • Komisen / <i>Commission</i> • Elaun / <i>Allowance</i> • Fi Pengarah / <i>Director's Fee</i> • Perkuisit / <i>Perquisites</i> • Saraan Lain Berhubung Dengan Penggajian / <i>Other Compensation in Connection with Employment</i>	• Bonus atau insentif / <i>Bonuses or incentives</i> • Tunggakan / <i>Arrears</i> • Skim Opsyen Saham Pekerja / <i>Employee Stock Option Scheme</i> • Cukai yang ditanggung oleh majikan / <i>Tax borne by the employer</i> • Ganjaran / <i>Rewards</i> • Pampasan untuk kehilangan pekerja / <i>Compensation for employee loss</i> • Ex-gratia / <i>Ex-gratia</i> • Komisen (Tidak dibayar secara bulanan) / <i>Commission (Not paid monthly)</i> • Elaun (Tidak dibayar secara bulanan) / <i>Allowance (Not paid monthly)</i> • Fi Pengarah (Tidak dibayar secara bulanan) / <i>Director's Fee (Not paid monthly)</i> • Perkuisit (Tidak dibayar secara bulanan) / <i>Perquisites (Not paid monthly)</i> • Apa-apa bayaran lain sebagai tambahan / <i>Any other additional fees</i>

Penghantaran Borang E & Data C.P.8D

Submission of Form E and C.P.8D

Borang e-E dan C.P.8D hendaklah dikemukakan mengikut kaedah pengemukakan dan format seperti berikut:

Form e-E and C.P.8D must be submitted in accordance with the format and method of submission as follows:

JENIS TYPE	KAEDAH METHOD	FORMAT FORMAT
Borang e-E <i>Form e-E</i>	e-Filing	-
C.P.8D	e-Data Prais	Muat naik format fail txt sebelum atau pada 25 Februari setiap tahun <i>Upload txt file format before or on 25th February every year</i>
	e-CP8D	Muat naik format fail txt sebelum atau pada tarikh akhir pengemukakan borang e-E <i>Upload the txt file format before or on the submission deadline of Form e-E</i>

Borang e-E dan C.P.8D yang tidak mengikut kaedah pengemukakan dan format seperti yang ditetapkan adalah TIDAK boleh diterima
Form e-E and C.P.8D that do not comply with the format and method of submission as stipulated by the IRBM will NOT be accepted.

Bagaimanakah Cara Untuk Mengurus Pindaan Data Borang E & Data C.D.8D.

How To Submit An Application for Form E And CP.8D Data Amendments

A Sekiranya terdapat pindaan maklumat saaran pekerja selepas pengemukakan e-Data Prais/e-CP8D, pindaan tersebut boleh dilakukan oleh majikan melalui portal MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my> > Perkhidmatan ezHASiL > e-Data Prais/e-CP8D.
If there is an amendment to the employee's salary information after the submission of e-Data Prais / e-CP8D, the employer can make the amendment through MyTax portal at <https://mytax.hasil.gov.my> > ezHASiL Services > e-Data Prais / e-CP8D.

B Pindaan juga boleh dihantar melalui e-mel kepada pindaanE&CP8D@hasil.gov.my. Sekiranya permohonan pindaan dihantar melalui e-mel, berikut adalah maklumat yang diperlukan:
Amendments may also be submitted via email to pindaanE&CP8D@hasil.gov.my. Below is the required information if the amendment request is sent by email:

Pindaan Data Penyata C.P.8D Amendment of Statement Data C.P.8D

- Surat makluman pindaan C.P.8D (format PDF)
C.P.8D amendment notification letter (PDF format)
- Lampiran akuan / slip penerimaan Data C.P.8D
Declaration attachment / Data C.P.8D acceptance slip
- Sediakan pindaan C.P.8D (format Excel / fail txt)
Prepare C.P.8D amendment (Excel / txt file format)
 - Format boleh diperolehi di Portal Rasmi HASiL
www.hasil.gov.my
The format can be obtained at HASiL Official Portal www.hasil.gov.my
 - Borang > Muat turun borang > Majikan > Format C.P.8D
Forms > Download Form > Employer > C.P.8D Format

Pindaan Data Borang E Amendment of Form E Data

- Surat makluman pindaan data Borang E (format pdf)
Form E data amendment notification letter (PDF format)
- Lampiran akuan / slip penerimaan e-E
Declaration attachment / e-E acceptance slip
- Lampiran Borang E (meminda bahagian yang berkaitan)
Appendix Form E (amend the relevant section)


PERMOHONAN PINDAAN DATA BORANG E & C.P.8D

Menguruskan Pindaan Data Penyata C.P.8D



✉ Semua maklumat di atas perlu diemalkan kepada pindaanE&CP8D@hasil.gov.my

Tahun
Saraan
2022
sahaja



NEW!

Data pindaan CP8D dalam format txt di muat naik ke <https://mytax.hasil.gov.my> >

Perkhidmatan ezHASiL > e-DataPraktis/e-CP8D

Menguruskan Pindaan Data Borang E



✉ Semua maklumat perlu diemalkan kepada pindaanE&CP8D@hasil.gov.my

SEKSYEN PENGURUSAN REKOD & MAKLUMAT PERCUKAIAN (SPRMP) JABATAN OPERASI CUKAI

Jenis Borang - Borang Yang Berkaitan Dengan Majikan

Type of Forms Related To Employers

JENIS BORANG TYPES OF FORM	HURAIAN BORANG DETAILS	LINK CAPAIAN LINK
Borang CP600E <i>Form CP600E</i>	Borang Pendaftaran untuk Nombor Majikan <i>Registration Form for Employer Number</i>	MyTax > e-Daftar
Borang E <i>Form E</i>	Borang Penyata oleh Majikan <i>Declaration Form by Employer</i> Nota / <i>Note:</i> Mengemukakan Borang E bersama C.P.8D sebelum atau pada 31 Mac dalam tahun berikutnya. <i>Submit Form E together with C.P.8D before or on 31st March of the following year.</i>	MyTax > e-E
Borang CP22 <i>Form CP22</i>	Pemberitahuan Oleh Majikan Bagi Pekerja Baru <i>Notification Form by Employer for New Employee</i> Nota / <i>Note:</i> Dikemukakan kepada LHDNM dalam tempoh 30 hari bermula daripada tarikh pekerjaan <i>Submitted to IRBM within 30 days starting from the date of employment</i>	MyTax > e-CP22
Borang CP22A <i>Form CP22A</i>	Pemberitahuan Pemberhentian Kerja (Swasta) <i>Notification of cessation of employment or cessation by reason of death for an employee in private sector</i> Nota - Dikemukakan kepada LHDNM <i>Note - Submitted to IRBM:</i> • sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tarikh pemberhentian seseorang pekerja; atau <i>at least 30 days before the termination date of an employee; or</i> • dalam tempoh 30 hari selepas dimaklumkan kematian seseorang pekerja <i>within 30 days after being notified of the death of an employee</i> • Permohonan SPC secara berkelompok dibenarkan. <i>SPC applications in groups are allowed.</i>	MyTax > e-SPC
Borang CP22B <i>Form CP22B</i>	Pemberitahuan Pemberhentian Kerja (Agensi Kerajaan) <i>Notification of cessation of employment or cessation by reason of death for an employee in public sector</i> Nota - Dikemukakan kepada LHDNM: <i>Note - Submitted to LHDNM:</i> • sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tarikh pemberhentian seseorang pekerja; atau <i>at least 30 days before the termination date of an employee; or</i> • dalam tempoh 30 hari selepas dimaklumkan kematian seseorang pekerja <i>within 30 days after being notified of the death of an employee</i> • Permohonan SPC secara berkelompok dibenarkan. <i>SPC applications in groups are allowed.</i>	

JENIS BORANG TYPES OF FORM	HURAIAN BORANG DETAILS	LINK CAPAIAN LINK
Borang CP21 <i>Form CP21</i>	Pemberhentian Oleh Majikan Bagi Pekerja Yang Hendak Meninggalkan Malaysia. <i>Notification of employee leaving Malaysia for more than 3 months</i> Sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tarikh dijangka meninggalkan Malaysia <i>At least 30 days before the expected date of leaving Malaysia</i>	MyTax > e-SPC
Borang C.P.8A (EA) <i>Form C.P.8A (EA)</i>	Penyata Saraan daripada Penggajian – Swasta <i>Statement of Remuneration from Employment – Private</i> Nota / Note: Perlu diedarkan kepada pekerja pada/sebelum hari terakhir bulan Februari setiap tahun. <i>Must be distributed to employees on/before the last day of February each year.</i>	
Borang C.P.8C (EC) <i>Form C.P.8C (EC)</i>	Penyata Saraan daripada Penggajian – Kerajaan <i>Statement of Remuneration from Employment – Government</i> Nota / Note: Perlu diedarkan kepada pekerja pada/sebelum hari terakhir bulan Februari setiap tahun. <i>Must be distributed to employees on/before the last day of February each year.</i>	
PCB 2 (II)	Penyata Bayaran Cukai oleh Majikan <i>Tax Payment Statement by Employer</i>	Portal LHDNM > Muat turun borang > Lain-lain borang <i>Portal LHDNM > Muat turun borang > Lain-lain borang</i>
Borang PCB/TP1 <i>Form PCB/TP1</i>	Tuntutan Potongan Dan Rebat Individu Bagi Tujuan Potongan Cukai Bulanan (PCB) <i>Claims for Individual Deductions and Rebates for the Purpose of MTD</i>	
Borang PCB/TP3 <i>Form PCB/TP3</i>	Maklumat Berkaitan Penggajian Dengan Majikan-Majikan Terdahulu Dalam Tahun Semasa Bagi Tujuan PCB <i>Information Regarding Employment With Previous Employers In The Current Year For MTD Purposes</i>	

Mytax Untuk Majikan

Mytax For Employers

SISTEM SYSTEMS	BUTIRAN DETAILS
e-Data Prais/e-CP8D	Sistem untuk majikan mengemukakan maklumat saraan pekerja ke dalam e-Borang <i>A system for employers to submit employee compensation information into the e-Form</i>
ByrHASiL	Pembayaran cukai pendapatan <i>Payment of income tax</i>

SISTEM SYSTEMS	BUTIRAN DETAILS
e-Daftar	Pendaftaran Nombor Pengenalan Cukai (TIN) pendapatan untuk pembayar cukai <i>Registration of Income Tax Identification Number (TIN) for taxpayers</i>
e-SPC	Sistem permohonan surat penyelesaian cukai oleh majikan secara elektronik <i>An electronic tax settlement letter application system by the employer</i>
PCB Plus	Satu platform yang menggabungkan fungsi permohonan peranan, pendaftaran majikan dan pekerja, perkhidmatan e-PCB, e-Data PCB dan E-CP39 serta pembayaran PCB. <i>A platform that integrates the functions of role applications, employer and employee registration, e-PCB, e-Data PCB, e-CP39, and MTD payments.</i>
e-PCB	Aplikasi ini disediakan kepada majikan yang tidak menggunakan sistem penggajian berkomputer untuk membuat pengiraan, pengemukaan, dan bayaran PCB. Pengiraan PCB mengambil kira potongan wajib dan potongan pilihan dengan menggunakan kaedah pengiraan kalkulator PCB. <i>This application is provided to employers who do not use a computerized payroll system to perform calculations, submissions, and MTD payments. The MTD calculation takes into account both mandatory and optional deductions using the MTD calculator method.</i>
e-Data PCB	Aplikasi untuk majikan yang menggunakan sistem penggajian berkomputer untuk pengemukaan data PCB pekerja menggunakan format txt file <i>An application for employers who use a computerized payroll system to upload employee MTD data using a txt file format.</i>
e-CP39	Aplikasi ini disediakan kepada majikan yang tidak menggunakan sistem penggajian berkomputer. Pengiraan PCB menggunakan aplikasi ini mengambil kira potongan wajib sahaja berdasarkan kaedah pengiraan e-Jadual PCB. <i>This application is provided to employers who do not use a computerized payroll system. The MTD calculation using this application takes into account the mandatory deductions based on the e-Schedule MTD calculation method.</i>
Kalkulator PCB <i>PCB calculator</i>	Mengira PCB <i>Calculation of MTDs</i>
e-CP22	Borang pemberitahuan pekerja baharu <i>New employee notification form</i>

Nota KIV: e-PCB PLUS menggantikan e-PCB, e-Data PCB & e-CP39

KIV Note: e-PCB PLUS replaces e-PCB, e-Data PCB & e-CP39

Surat Penyelesaian Cukai *Tax Clearance Letter*

Surat Penyelesaian Cukai (SPC) merupakan Surat Pelepasan yang dikeluarkan oleh HASiL kepada majikan berkaitan hal ehwal cukai pendapatan pekerja yang akan berhenti kerja / bersara / meninggal dunia atau hendak meninggalkan Malaysia.

A Tax Clearance Letter (SPC) is a Letter of Release issued by HASiL regarding the income tax matters of employees due to cessation of employment, retirement, death, or departure from Malaysia.



Cara Memohon *How To Apply*

Permohonan SPC boleh dibuat melalui:
SPC applications can be made through:

e-SPC

- Hanya dibuat oleh majikan secara dalam talian melalui portal MyTax di pautan <https://mytax.hasil.gov.my> > Perkhidmatan ezHASiL > e-SPC
Must be submitted by the employer online through the MyTax portal at <https://mytax.hasil.gov.my> > ezHASiL Services > e-SPC

TEMPOH PROSES SPC / SPC PROCESS DURATION

- Permohonan SPC akan diproses mengikut Piagam Pelanggan LHDNM dan tertakluk kepada penerimaan dokumen dan maklumat yang lengkap.
SPC applications will be processed according to the IRBM Customer Charter and are subject to the receipt of complete documents.



Pekerja Bersara Atau Berhenti Kerja Retire or Cease From Employment

Majikan perlu memaklumkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) tidak kurang daripada 30 hari sebelum pekerja menamatkan perkhidmatan disebabkan oleh persaraan, pemberhentian penggajian / tamat kontrak, ingin meninggalkan Malaysia bagi suatu tempoh melebihi 3 bulan atau tidak lebih 30 hari selepas dimaklumkan kematian pekerja.

Employers are required to notify HASiL not less than 30 days before an employee ceases employment due to retirement, termination of employment / expiry of contract, intends to leave Malaysia for a period exceeding 3 months, or not more than 30 days after being informed of the employee's death.



Surat Penyelesaian Cukai (SPC) Tax Clearance Letter

Surat Penyelesaian Cukai (SPC) adalah **Surat Pelepasan** yang dikeluarkan oleh HASiL kepada pihak majikan bagi memaklumkan tanggungan cukai pekerja bagi membolehkan bayaran gaji terakhir / pampasan / ganjaran dan lain-lain bayaran dapat dibuat.

*The Tax Clearance Letter (SPC) is a **Clearance Letter** issued by HASiL to the employer to inform the employer about the employee's tax liability in order to allow for final pay / compensation / gratuity and other payments to be made.*

KATEGORI BORANG FORM CATEGORIES

Borang yang perlu diisi oleh majikan mengikut kategori :

Form to be filled by the employer according to category:


- a. CP22A - Pekerja Sektor Swasta
CP22A - Private Sector Employee
- b. CP22B - Pekerja Sektor Kerajaan
CP22B - Public Sector Employee
- c. CP21 - Pekerja yang akan meninggalkan Malaysia
CP21 - For Employee Leaving Malaysia

Cara Memohon How To Apply

Mulai 1 Januari 2024, Borang CP21 / CP22A / CP22B wajib dikemukakan secara dalam talian melalui portal MyTax menggunakan aplikasi e-SPC.
Starting from 1st January 2024, Form CP22A / CP22B / CP21 must be submitted online through the MyTax portal using the e-SPC application.

Tempoh Proses SPC SPC Processing Period

Permohonan SPC akan diproses dalam tempoh **14 hari bekerja** dari tarikh dokumen lengkap diterima.
The SPC will be issued within 14 working days from the date of receipt of the complete documents.



Tanggungjawab Majikan Employer Responsibilities

- Majikan perlu menahan apa-apa wang yang boleh dibayar kepada pekerja sehingga SPC diterima dari pejabat HASiL yang mengendalikan fail cukai pendapatan pekerja.
The employer must withhold any monies due to the employee until the Tax Clearance Letter is received from the HASiL office handling the employee's income tax file.
- Majikan perlu melengkapkan Borang CP21 / CP22A / CP22B dan menghantar ke pejabat HASiL yang mengendalikan fail cukai pendapatan pekerja.
The employer must complete Form CP22A / CP22B / CP21 and submit it to the HASiL office handling the employee's income tax file.
- Majikan bertanggungjawab membayar semua cukai tertunggak pekerja berkenaan (Seksyen 107(4) Akta Cukai Pendapatan 1967)
The employer is also responsible for any tax due from the above mentioned employee (Section 107(4) Income Tax Act 1967).

Pencen Pensions



Bayaran yang diterima oleh pesara kerana persaraan
Payment received by a retiree due to retirement

Pencen Yang Dikenakan Cukai Taxable Pensions



Diterima daripada skim
pencen yang tidak
diluluskan

*Received from an
unapproved retirement
scheme*

- Skim pencen bukan kerajaan perlu mendapat kelulusan HASiL untuk pengecualian cukai atas pencen yang diterima oleh pekerja setelah bersara
- *A non-government pension scheme requires prior approval from HASiL for tax exemption on pensions received by retired employees*

Menerima lebih daripada
satu pencen (Akta Cukai
Pendapatan 1967, Para 30,
Jadual 6)

*Received more than one
pension (Income Tax Act
1967, Para 30, Schedule 6)*

- Pengecualian diberikan ke atas amaun pencen yang tertinggi
- *Tax exemption is given to the highest pension amount received*


Bersara sebelum mencapai
umur persaraan wajib
(bersara pilihan)

*Retired before reaching
compulsory retirement age
(optional retirement)*

- Jika pekerja memilih untuk bersara sebelum umur wajib persaraan (55 tahun) atau bersara tidak disebabkan oleh keuzuran / sakit, pencen yang diterima adalah dikenakan cukai sehingga mencapai umur 55 tahun
- *If an employee opts to retire before the compulsory retirement age (55 years) or retires not due to ill-health, the pension received is taxable until the age of 55*

Pendapatan Pesara Yang Dikenakan Cukai

Taxable Income of Retirees



Terma Dan Syarat Bagi Pecen Yang Dikecualikan Cukai

Terms And Conditions For Tax Exempted Pension

TERMA TERMS	SYARAT CONDITIONS
Capai umur persaraan wajib <i>Reached the compulsory retirement age</i>	55 tahun atau umur persaraan wajib di bawah undang-undang bertulis <i>55 years or at the compulsory retirement age under any written law</i>
Pecen disebabkan keuzuran / sakit <i>Retired due to ill health</i>	Disahkan oleh Lembaga Perubatan <i>Approved by Medical Board</i>
Pecen kecederaan dan cacat anggota <i>Injury and disability pension</i>	Khas untuk pasukan keselamatan: <i>Especially for armed forces:</i> • Alami kecederaan / kecacatan semasa bertugas • <i>Suffered injury / disability while in service</i> • Pecen yang diterima oleh balu / tanggungan • <i>Pension received by widow / dependent</i>
Pecen balu dan anak-anak yatim <i>Widow's and orphans' pension</i>	Dibayar oleh mana-mana skim pecen yang diluluskan <i>Paid by any approved pension schemes</i>
Pecen-pecen politik <i>Political pension</i>	• Capai umur 55 tahun • <i>Reached the age of 55 years</i> • Berhenti disebabkan keuzuran • <i>Retired due to ill health</i>

Ganjaran / Pampasan

Gratuity / Compensation

	GANJARAN GRATUITY	PAMPASAN COMPENSATION
Definisi <i>Definition</i>	Bayaran yang diterima atas perkhidmatan yang lalu <i>Payments received for past services</i>	Bayaran sekaligus yang diterima atas kehilangan pekerjaan <i>Lump sum payment received for loss of employment</i>
Pengecualian Penuh <i>Full exemption</i>	Pengecualian penuh diberikan sekiranya: <i>Full exemption is granted if:</i> • Diberhentikan atas faktor kesihatan <i>Terminated due to health factors</i> • Diterima atas kematian atau kecederaan <i>Received upon death or injury</i> • Mencapai umur 55 tahun atau umur wajib persaraan selepas 10 tahun berkhidmat dengan majikan yang sama <i>Reached the age of 55 years or compulsory retirement age after 10 years of service with the same employer</i>	Pengecualian penuh diberikan sekiranya: <i>Full exemption is granted if:</i> • Diberhentikan atas faktor kesihatan <i>Terminated due to health factors</i> • Diterima atas faktor kematian dan kecederaan <i>Received upon death or injury</i>
Pengecualian Sebahagian <i>Partial exemption</i>	Pengecualian sebanyak RM1,000 bagi setiap tahun genap perkhidmatan atas ganjaran: <i>Exemption of RM1,000 for each completed year of service:</i> • Apabila bersara daripada suatu penggajian <i>When retiring from an employment</i> • Atas pemberhentian suatu kontrak penggajian <i>Upon termination of an employment contract</i>	Pengecualian sebanyak RM10,000 bagi setiap tahun genap perkhidmatan <i>Exemption of RM10,000 for each completed year of service</i>
Rujukan <i>References</i>	Ketetapan Umum No. 9/2016 <i>Public Ruling No. 9/2016</i>	Ketetapan Umum No. 1/2012 <i>Public Ruling No. 1/2012</i>

PERHATIAN / PLEASE NOTE

- Pembayar cukai dinasihatkan untuk mengemaskini kedudukan cukai taksiran dengan menghantar Borang Nyata (BN) / *Taxpayers are advised to update their tax assessment status by submitting the Return Form (RF)*
- Dokumen sokongan yang lengkap perlu dihantar ke pejabat HASiL yang mengendalikan fail cukai pendapatan untuk pemprosesan SPC / *A complete set of supporting documents must be submitted to the HASiL office that handles the income tax file for SPC processing*
- Pembayar cukai masih perlu menghantar BN untuk tahun-tahun berikutnya sehingga **FAIL CUKAI DITUTUP SECARA KEKAL** / *Taxpayers are required to submit the RF for subsequent years until the TAX FILE IS PERMANENTLY CLOSED*
- Permohonan penutupan fail perlu dibuat secara bertulis ke pejabat HASiL yang mengendalikan fail cukai pendapatan dan pastikan tiada baki cukai tertunggak / *Application for file closure must be made in writing to the HASiL office that handles the income tax file and the taxpayer must ensure that there is no outstanding tax balance*

PENDAPATAN PERNIAGAAN DAN PERKONGSIAN BUSINESS AND PARTNERSHIP INCOME

Keuntungan yang diperolehi daripada menjalankan perniagaan, perdagangan, pencarian atau profesion adalah merupakan pendapatan yang layak dikenakan cukai [termasuk sebarang bentuk perniagaan yang tidak berdaftar dengan mana-mana pihak berkuasa (Ekonomi Bayangan)]

Gains / profits derived from conducting a business, trade, vocation or profession are liable to tax [including any form of business that is not registered with any authorities (Shadow Economy)]

Perniagaan terdiri daripada:

Business consists of:

Milikan Tunggal / Bekerja Sendiri
Sole Proprietorship / Self-Employed

Perkongsian / Partnership



CONTOH PERNIAGAAN EXAMPLES OF BUSINESS	
Perniagaan Runcit Retail Business	Perniagaan Jualan Langsung Direct Selling Business
Perniagaan Gerai / Pasar Malam Stall / Night Market Business	Pertanian Dan Penternakan Agriculture and Livestock Farming
Perniagaan Atas Talian (Ekonomi Digital) Online Business (Digital Economy)	Penulis / Youtuber / Blogger / Instafamous / Pengaruh / Pembuat Ulasan Berbayar Writer / YouTuber / Blogger / Instafamous / Influencer / Paid Reviewer
Bidang Lakonan / Nyanyian / Duta Produk / Ulasan Produk Acting / Singing / Product Ambassador / Product Reviewer	Klinik / Firma Guaman / Perkhidmatan Profesional Yang Lain Clinic / Legal Firm / Other Professional Services
Komisen / Kelas Tuisyen / Taska / Tadika / Penceramah / Perunding Motivasi Commission-based / Tuition Classes / Childcare / Kindergarten / Speaker / Motivational Consultant	Pemandu Teksi / Pemandu Perkhidmatan E-Hailing (Grabcar) Taxi Driver / E-hailing Service Driver (GrabCar)
Broker Saham / Ejen Insurans Stock Broker / Insurance Agent	Personal Shopper Personal Shopper

Tanggungjawab Peniaga

Responsibilities of Business Owners



- 1 Daftarkan sebagai pembayar cukai apabila memulakan perniagaan.

Register as a taxpayer when starting a business.

Daftarkan Nombor Pengenalan Cukai (TIN) melalui aplikasi e-Daftar di Portal MyTax - <https://mytax.hasil.gov.my>

Register for Tax Identification Number (TIN) through the e-Daftar application on the MyTax Portal - <https://mytax.hasil.gov.my>

- 2 Hantar Borang Nyata (BN) pada tarikh yang ditetapkan / Laporan pendapatan tahunan melalui aplikasi e-Filing di <https://mytax.hasil.gov.my>

Submit Return Form (RF) by the specified deadline / report annual income through the e-Filing application at <https://mytax.hasil.gov.my>

- 3 Jenis borang / Types of forms:

Borang B: Individu pemastautin menjalankan perniagaan

Form B: Resident individual conducting business

Borang M: Individu bukan pemastautin

Form M: Non-resident individual

Borang P: Perkongsian

Form P: Partnership

- 4 Bayar cukai pendapatan (sekiranya ada) melalui aplikasi ByrHASiL di : <https://byrhasil.hasil.gov.my/>

Pay income tax (if applicable) via the ByrHASiL application at : <https://byrhasil.hasil.gov.my/>

- 5 Ingat tarikh akhir pengemukaan BN iaitu 30 Jun setiap tahun bagi punca pendapatan perniagaan (tambahan masa sehingga 15 Julai bagi pengemukaan BN secara e-Filing).

Remember the deadline for submitting the RF, which is 30th June each year for business income sources (with an extension until 15th July for RF submission via e-Filing).

- 6 Sediakan akaun perniagaan (penyata akaun & penyata bagi lain-lain pendapatan seperti penyata sewa dan penyata komisen).

Prepare business accounts (account statements & statements for other income such as rental statements and commission statements).

- 7 Simpan dokumen, rekod dan akaun perniagaan selama 7 tahun.

Keep documents, records & business accounts for 7 years.

- 8 Patuh Notis Bayaran Ansuran / Skim Ansuran (CP500).

Comply with the Instalment Payment Notice / Instalment Scheme (CP500).

- 9 Dapatkan khidmat akauntan bertauliah / ejen cukai berdaftar (jika perlu).

Obtain the services of a certified accountant / registered tax agent (if necessary).

- 10 Maklumkan LHDNM secara bertulis sekiranya perniagaan ditamatkan / pertukaran ahli kongsi / perkongsian ditukar kepada milikan tunggal / bertukar kepada syarikat sendirian berhad.

Notify IRBM in writing if the business is terminated / change of partnership members / partnership is converted into sole proprietorship / converted into a private limited company.

Pendapatan Kasar Perniagaan Gross Income Derived From Business

Pendapatan kasar perniagaan adalah terdiri daripada:

The gross income of a business consists of:

Penerimaan tunai / online bagi barang-barang yang dijual dan perkhidmatan yang diberikan <i>Cash / online receipts for goods sold and services rendered</i>	Semua hutang / belum terima yang terbit daripada barang-barang yang dijual dan perkhidmatan yang diberikan <i>All debts / amounts receivable arising from goods sold and services rendered</i>	Penerimaan berupa barangan <i>Receipts in kind</i>
Hutang lapuk perniagaan yang pulih <i>Recovered bad debts of the business</i>	Pampasan insuran yang diterima berhubung dengan kerugian perniagaan <i>Insurance compensation received in relation to business losses</i>	Pengeluaran / pengambilan stok dagangan untuk kegunaan sendiri <i>Withdrawal / consumption of inventory for personal use</i>

Perbelanjaan Perniagaan / Business Expenses

DIBENARKAN ALLOWABLE	TIDAK DIBENARKAN NON-ALLOWABLE
Perbelanjaan yang dilakukan dalam menghasilkan pendapatan perniagaan <i>Expenses incurred in the production of business income</i> Contoh / <i>Example</i> : • Upah / gaji pekerja <i>Employee's wages / salaries</i> • KWSP / PERKESO pekerja <i>Employee's EPF / SOCSO</i> • Insuran perniagaan (kecurian / kebakaran) <i>Business insurance (burglary / fire)</i> • Sewa premis perniagaan <i>Rental of business premises</i> • Faedah atas pinjaman / overdraf bagi tujuan perniagaan <i>Interest on business loan / overdraft for business purposes</i> • Perbelanjaan pembaikan premis / kenderaan yang digunakan untuk perniagaan <i>Repair expenses of premises / vehicles used for business</i> • Hutang lapuk tertentu <i>Specific bad debts</i>	Perbelanjaan persendirian / Personal expenses Contoh / <i>Example</i> : • Bil elektrik / telefon / bil air rumah kediaman, yuran pendidikan anak <i>Electricity / telephone / water supply bills for home, child education fees</i> Perbelanjaan pembelian aset peribadi / Purchase of personal assets Contoh / <i>Example</i> : • Kereta / <i>Car</i> • Rumah / <i>House</i> • Perabot / <i>Furniture</i> Perbelanjaan permulaan Initial expenses Contoh / <i>Example</i> : • Perbelanjaan penubuhan perniagaan / <i>Business establishment expenses</i> Lain-lain perbelanjaan / Other expenses Contoh / <i>Example</i> : • Susutnilai / <i>Depreciation</i> • Peruntukan hutang ragu / <i>Provision for doubtful debts</i> • Derma / sumbangan yang tidak diluluskan / <i>Unapproved donations / contributions</i>

Elaun Modal

Capital Allowance

Potongan daripada pendapatan perniagaan sebagai ganti kepada perbelanjaan susut nilai yang ditanggung bagi pembelian aset yang digunakan di dalam perniagaan. Elaun modal atas aset perniagaan boleh dituntut dan ditolak selepas pengiraan pendapatan larasan.

Deductions from business income in place of depreciation expenses incurred for the purchase of assets used in the business.

Capital allowances on business assets can be claimed and deducted after the calculation of adjusted income.

JENIS ELAUN TYPE OF ALLOWANCE	JENIS ASET TYPE OF ASSET	KADAR (%) RATE (%)
Elaun Permulaan <i>Initial Allowance</i>	Semua jenis aset <i>All types of assets</i>	20
Elaun Tahunan <i>Annual Allowance</i>	Komputer dan peralatan ICT <i>Computer and ICT equipment</i>	20 [PU(A)156/2018]
	Kenderaan bermotor dan jentera berat <i>Motor vehicles and heavy machinery</i>	20
	Loji dan jentera <i>Plant and machinery</i>	14
	Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan <i>Office equipment, furniture & fittings</i>	10

Bayaran Ansuran Individu (CP500)

Instalment Payment By Individual (CP500)

6 kali ansuran dikeluarkan oleh LHDNM <i>6 instalment payments issued by IRBM</i>	Bayaran mulai Mac <i>Payment starting from March</i>
Bayar setiap ansuran dalam tempoh 30 hari <i>Pay each instalment within 30 days</i>	Mohon pindaan sebelum 30 Jun menggunakan borang CP502 <i>Apply for amendment before 30th June using Form CP502</i>

PERHATIAN / PLEASE NOTE

- Tarikh akhir pengemukaan Borang B, P dan M serta pembayaran baki cukai kena dibayar (jika ada) ialah pada 30 Jun setiap tahun.
- *The deadline for submitting Forms B, P & M, as well as payment of any tax payable (if applicable), is on 30th June each year.*
- Rujuk semua penyata pendapatan berkaitan & dokumen sokongan semasa pengisian borang.
- *Refer to all relevant income statements and supporting documents when filling in the form.*
- Sila pastikan kod perniagaan diisi dengan betul dalam Borang Nyata (BN). Senarai kod perniagaan boleh diperoleh di www.hasil.gov.my
- *Ensure the correct business code is filled in the Return Form (RF). A list of business codes can be obtained at www.hasil.gov.my*
- Akaun perniagaan dan dokumen sokongan tidak perlu dikemukakan semasa pengemukaan BN.
- *Business accounts and supporting documents are not required to be submitted during the RF filing.*
- BN perlu dikemukakan walaupun perniagaan mengalami kerugian.
- *RF must be submitted even if the business incurs a loss.*

Ekonomi Digital *Digital Economy*

Pengenalan / Introduction

Perniagaan digital merujuk kepada aktiviti ekonomi berdasarkan penggunaan teknologi digital.

Digital business refers to economy activities based on the use of digital technology.

Sebarang transaksi perdagangan yang dijalankan menerusi teknologi digital dianggap sebagai perniagaan digital walaupun pembayaran dan penghantaran berkaitan transaksi tersebut dilakukan secara fizikal.

Any transactions conducted through digital technology can be considered as part of digital business. This is true even if payment and delivery related to such transactions are conducted physically.

Individu / Syarikat yang menjalankan perniagaan digital boleh dikenakan cukai pendapatan di Malaysia berdasarkan Akta Cukai Pendapatan 1967.

Individuals / companies involved in digital business are subject to taxation under the Income Tax Act 1967.



Tanggungjawab Peniaga Digital *Responsibilities of Digital Business Owners*

- 1** **Daftar Nombor Pengenalan Cukai (TIN).** / *Register for a Tax Identification Number (TIN).*
Pendaftaran boleh dibuat melalui e-Daftar di mytax.hasil.gov.my atau di cawangan HASiL yang berdekatan. / *The registration can be done through e-Daftar at mytax.hasil.gov.my or at the nearest HASiL office.*
- 2** **Laporkan semua sumber pendapatan yang diterima termasuk perniagaan digital. Lengkapkan dan hantarkan Borang Nyata e-B atau e-C melalui e-Filing.**
Declare all sources of income, including income from digital business activities. Complete and submit Form e-B or e-C via e-Filing.
- 3** **Untuk Perkongsian / For Partnership**
 - i. Hantar Borang Nyata e-P (tanggungjawab rakan kongsi utama) dan e-B (rakan kongsi)
i. Submit Forms e-P (responsibility of the main partner) and e-B (partners).
 - ii. Jika perkongsian tamat/ ditukar kepada milikan tunggal/ syarikat sendirian berhad, maklumkan secara bertulis kepada HASiL.
ii. Please inform HASiL in writing if the partnership ceases operations / changes to sole proprietorship / becomes a private limited company.
- 4** **Bayar Cukai / Tax Payment**
Pembayaran cukai boleh dilakukan melalui / *Tax Payments can be made through:*
 - iii. ByrHASiL ByrHASiL
 - iv. Bank (Kauunter, Perbankan Internet yang dilantik sebagai ejen kutipan HASiL)
Banks (Counter, Internet Banking appointed as IRBM collection agents)

Dokumen yang Perlu Disimpan Selama 7 Tahun

Documents to Be Kept For 7 Years



Penyata dari gerbang pembayaran (PayPal, iPay88, Razer Merchant Services dan lain-lain).
Statements from payment gateways (PayPal, iPay88, Razer Merchant Services, etc).

Penyata pendapatan daripada syarikat pengiklanan dalam talian (seperti Nuffnang, Google AdSense, Facebook Ads dan lain-lain).
Income statements from advertising companies (such as Nuffnang, Google AdSense, Facebook Ads, etc).

Dokumen perjanjian.
Any forms of written agreements.

Invois jualan dan rekod belian.
Sales invoices and purchase records.

Perbelanjaan domestik dan persendirian.
Records of domestic and personal expenses.

Resit asal bagi setiap pelepasan / belanja yang dituntut dan lain-lain
Original receipts for each deduction / expense claimed, etc.

Penyata bank/ penyata kewangan lain.
Bank statements and other financial statements.

Pengesahan jualan dan belian melalui e-mel dan lain-lain.
Confirmations of sales and purchases via e-mail, etc.

Bagi keterangan lanjut mengenai Perniagaan Digital, sila rujuk *Guidelines on Taxation of Electronic Commerce Transactions* di www.hasil.gov.my

For further clarification, please refer to the Guidelines on Taxation of Electronic Commerce Transactions at www.hasil.gov.my

Contoh Perniagaan Digital

Examples of Digital Businesses

BIL NO.	SEKTOR SECTOR	PENERANGAN PERNIAGAAN BUSINESS DESCRIPTION	ALIRAN AKTIVITI FLOW OF ACTIVITIES
1.	Peruncitan Retail	Dropship, ejen, stokis dan lain-lain <i>Dropship, agent, stockist, etc</i>	Mengambil pesanan, pembungkusan, menerima pembayaran dan penghantaran <i>Taking orders, packing, receiving payment and delivery</i>
2.	Pengangkutan & Logistik Transport & Logistic	Servis Penghantaran, Sewa Kereta, Tempahan Tiket dalam talian dan lain-lain. <i>Delivery service, car rental, online ticket booking and etc</i> (Contoh Poslaju, GDex, Nationwide, Skynet, Lalamove, dan lain-lain) <i>(e.g. Poslaju, GDEX, Nationwide, Skynet, Lalamove, etc)</i>	Perkhidmatan, pembayaran, insurans, penghantaran <i>Order for services, payment, insurance, delivery</i>
3.	Perkhidmatan Kewangan Financial Services	Bank, Gerbang Bayaran, Mata Wang Digital, Kad Kredit, Kad Debit, Kad Loyalty, Kad Keahlian dan lain-lain <i>Bank, payment gateway, digital currency, credit card, debit card, loyalty card, membership card, etc</i>	Pengesahan status kewangan, pengeluaran penyata <i>Validating financial status; issuing statements</i>

BIL NO.	SEKTOR SECTOR	PENERANGAN PERNIAGAAN BUSINESS DESCRIPTION	ALIRAN AKTIVITI FLOW OF ACTIVITIES
4.	Pembuatan & Pertanian <i>Manufacturing & Agriculture</i>	Cetakan 3D dan lain-lain <i>3D Printing etc</i>	Mengambil pesanan, pembungkusan, penerimaan bayaran, penghantaran <i>Taking orders, packing, receiving payment, delivery</i>
5.	Pendidikan <i>Education</i>	Buku elektronik, tutor dalam talian, <i>tutorial</i> dalam talian dan lain-lain <i>E-book, online tutor, online tutorial, etc</i>	Perkhidmatan, mengambil pesanan, pembungkusan, penerimaan bayaran, penghantaran <i>Services, taking orders, packing, receiving payment, delivery</i>
6.	Penjagaan Kesihatan <i>Healthcare</i>	Produk penjagaan kesihatan <i>Healthcare products</i>	Mengambil pesanan, pembungkusan, penerimaan bayaran, penghantaran <i>Taking orders, packing, receiving payment, delivery</i>
7.	Media & Penyiaran <i>Broadcasting & Media</i>	Youtube, Instagram, Facebook, TikTok, fotografi (perkhidmatan sebagai jurugambar dan jualan gambar) dan lain-lain <i>YouTube, Instagram, Facebook, TikTok, photography (services as photographer & sale of images), etc.</i>	Rekacipta kandungan, muat naik, penerimaan bayaran <i>Content creation, uploading, receiving payment</i>
8.	Perkongsian ekonomi <i>Sharing Economy</i>	Perkongsian kereta, rumah, bilik, motosikal dan lain-lain <i>Sharing of car, house, room, bikes, etc.</i>	Perkhidmatan, bayaran <i>Order for services, payment</i>
9.	Langganan <i>Subscription</i>	Langganan Komik & surat khabar dalam talian, <i>video streaming, audio streaming</i> dan lain-lain <i>Online comic & newspaper subscriptions, video streaming, audio streaming, etc</i>	Pendaftaran, bayaran <i>Registration, payment</i>
10.	Pengiklanan <i>Advertisement</i>	Blogger, <i>Instafamous, Youtuber, Facebook, TikTok, Live Streamers</i> <i>Blogger, Instafamous, Youtuber, Facebook, TikTok, Live Streamers</i>	Rekacipta kandungan, muat naik, penerimaan bayaran <i>Content creation, uploading, payment</i>
11.	Perkhidmatan <i>Services</i>	Perkhidmatan perisian, pengurusan cara, perancangan perkahwinan dan lain-lain <i>Software services, event management, wedding planner, etc.</i>	Perkhidmatan, bayaran <i>Order for services, payment</i>
12.	Sumber Khalayak <i>Crowdsourcing</i>	Contoh: Kickstarter.com <i>Kickstarter.com, etc.</i>	Rekacipta kandungan, rekacipta prototip, muat naik, penerimaan bayaran <i>Content creation, creating prototype, uploading, receiving funds/payment</i>
13.	Jualan Produk Digital <i>Selling of Digital Product</i>	Data, Buku Elektronik, Aplikasi <i>Data, e-book, apps</i>	Rekacipta kandungan, muat naik, penerimaan bayaran <i>Content creation, uploading, payment</i>
14.	Mata Wang Digital <i>Digital Currencies</i>	Dagangan / "mining" dalam Mata Wang Digital <i>Trading, mining in digital currency</i>	Pedagang, Penjual, Mining <i>Trading, selling, mining</i>

Perbelanjaan perniagaan digital

Digital Business Expenses

DIBENARKAN ALLOWABLE	TIDAK DIBENARKAN NON-ALLOWABLE
Perbelanjaan yang dilakukan semata-mata dalam menghasilkan pendapatan perniagaan <i>Expenses incurred wholly and exclusively in the production of business income</i> Contoh / <i>Examples</i>: • Upah/Gaji / <i>Wages/Salaries</i> • KWSP / PERKESO pekerja <i>Employee's EPF / SOCSO</i> • Insurans perniagaan (kecurian / kebakaran) <i>Business insurance (burglary / fire)</i> • Sewa premis perniagaan <i>Business premises rental</i> • Faedah atas pinjaman perniagaan <i>Interest on business loan</i> • Bayaran tahunan domain <i>/ Domain annual fees</i> • Bayaran sewaan server / <i>Server rental</i>	Perbelanjaan domestik dan persendirian / <i>Domestic and personal expenses.</i> Contoh / <i>Examples</i>: • Bil elektrik, bil air rumah kediaman, yuran pendidikan anak dan susut nilai. <i>Home electricity and water bill, children's education fees and depreciation.</i> Perbelanjaan bagi pembelian aset peribadi. <i>Purchase of personal assets.</i> Contoh / <i>Examples</i>: • Kereta / <i>Car</i> • Rumah / <i>House</i> • Perabot / <i>Furniture</i> Perbelanjaan pra perniagaan / <i>Business set-up expenses</i> • Pendaftaran SSM / <i>SSM registration</i> • Pendaftaran domain name /server / <i>Registration fees for domain name / server</i>

Elaun Modal

Capital Allowance

Potongan Elaun Modal atas aset perniagaan boleh dituntut dan ditolak selepas pengiraan pendapatan larasan.

Capital allowances on business assets are claimable and will be deducted against adjusted income.

Jenis dan Kadar Elaun Modal / *Types and Rates of Capital Allowance*

JENIS ELAUN TYPE OF ALLOWANCE	JENIS ASET TYPE OF ASSET	KADAR RATE
Elaun Permulaan <i>Initial Allowance</i>	Semua jenis aset tidak termasuk kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi yang tertakluk di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepat) (Kelengkapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi) 2024 [P.U. (A) 328/2024] <i>All types of assets excluding information and communication technology equipment under income Tax (Accelerated Capital Allowance) (Information and Communication Technology Equipment) Rules 2024. [P.U. (A) 328/2024]</i>	20 %

JENIS ELAUN TYPE OF ALLOWANCE	JENIS ASET TYPE OF ASSET	KADAR RATE
Elaun Permulaan <i>Initial Allowance</i>	Kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi yang tertakluk di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepat) (Kelengkapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi) 2024 [P.U. (A) 328/2024] <i>Information and communication technology equipment under Income Tax (Accelerated Capital Allowance) (Information and Communication Technology Equipment) Rules 2024. (P.U. (A) 328/2024)</i>	40 %
Elaun Tahunan <i>Annual Allowance</i>	Kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepat) (Kelengkapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi) 2024 [P.U. (A) 328/2024] <i>Information and communication technology equipment under Income Tax (Accelerated Capital Allowance) (Information and Communication Technology Equipment) Rules 2024. (P.U. (A) 328/2024)</i>	20 %
	Kenderaan bermotor, jentera berat <i>Motor vehicles, heavy machinery</i>	20 %
	Loji dan jentera <i>Plant and machinery</i>	14 %
	Lain-lain <i>Others</i>	10 %

Ekonomi GIG GIG Economy



Ekonomi Gig merupakan sebahagian daripada Ekonomi Bayangan. Ekonomi Gig adalah gabungan **tugas khusus** yang membolehkan pembekal dan pembeli mengurus niaga dengan kos yang paling efektif, **tanpa majikan** yang kebanyakannya melibatkan tempoh masa kerja yang singkat daripada pekerjaan tetap, dan setiap pekerjaan atau kerja dibayar secara berasingan. Dengan kata lain, Ekonomi Gig adalah bekerja secara bebas atau bekerja tanpa majikan.

The Gig Economy is part of the Shadow Economy. It is a combination of specialised tasks that allow suppliers and buyers to transact in the most cost-effective manner without involving employers. Most of the tasks involve a short period of work rather than a permanent job. Each job or work is paid separately. In other words, Gig Economy is freelancing or working without an employer.

Tiga komponen utama dalam Ekonomi Gig The three main components in the GIG Economy

Pekerja bebas dibayar berasaskan **tugas tertentu** contohnya seperti pengengaruh yang dibayar untuk membuat promosi atau *freelance interior designer* yang dibayar untuk khidmat hiasan dalaman.

Freelancers are paid based on specific tasks, for example influencers who are paid to carry out promotions or freelance interior designers who are paid for interior decoration services.

Pelanggan yang mahu **perkhidmatan spesifik** contohnya seperti pembangunan / reka bentuk web, pembangunan e-Aplikasi.

Customers who want specific services, for example web development / design and e-application development.

Wujud syarikat atau enterprise sebagai **perantara pekerja bebas dengan pelanggannya**, dengan menggunakan aplikasi / platform teknologi contohnya seperti Grabfood / Grabcar, Foodpanda, BungkusIt, Lalamove dan MyCar.

A company or enterprise acts as an intermediary between freelancers and their customers by using technology applications / platforms such as GrabFood / GrabCar, Foodpanda, BungkusIt, Lala-move and MyCar.



Ekonomi Gig merupakan salah satu daripada pelbagai model perniagaan dalam e-Dagang atau Ekonomi Digital. Aktiviti e-dagang ini dikategorikan sebagai aktiviti perniagaan dan tertakluk kepada perenggan 4 (a) di bawah ACP, 1967.

Gig Economy is one of the various business models in e-Commerce or Digital Economy. This e-commerce activity is categorised as a business activity and is subject to paragraph 4 (a) under the ITA, 1967.

LHDNM kini giat menjalankan usaha sama dan libat urus dengan penyedia platform GIG dan *payment gateway* untuk mengenal pasti mereka yang terlibat dengan aktiviti Ekonomi Gig.

IRBM is now actively conducting collaborations and engagements with GIG platform providers and payment gateways to identify those involved in the Gig Economy activities.

Pendekatan *Behavioural Insights* menerusi kaedah *nudging* dengan menghubungi individu yang menjalankan aktiviti Ekonomi Gig melalui emel juga sedang giat dijalankan oleh LHDNM bagi tujuan kesedaran dan pematuhan cukai.

The Behavioural Insights approach through nudging methods by contacting individuals engaged in Gig Economy activities via email is also being actively carried out by IRBM for awareness and tax compliance purposes.

Tahukah anda, jika anda tidak melaporkan pendapatan, LHDNM di bawah peruntukan seksyen 90 (3) Akta Cukai Pendapatan 1967 boleh membangkitkan taksiran cukai pendapatan secara anggaran berdasarkan maklumat yang ada?

Did you know that if you do not report your income, IRBM under the provisions of Section 90 (3) of the Income Tax Act 1967 can raise an estimated income tax assessment based on the available information?



Ekonomi Bayangan Shadow Economy

Definisi Ekonomi Bayangan <i>Shadow Economy Definition</i>	- Juga dikenali sebagai ekonomi bawah tanah, ekonomi tersembunyi, <i>grey economy</i>, <i>black economy</i> atau ekonomi tidak formal. - Also known as <i>underground economy</i>, <i>hidden economy</i>, <i>grey economy</i>, <i>black economy</i> or <i>informal economy</i> - Terbahagi kepada 2 / <i>Divided into 2</i> i. Aktiviti perniagaan yang sah di sisi undang-undang / <i>Legal business activity</i> Aktiviti ini tidak menyalahi undang-undang tetapi tidak mematuhi undang-undang di bawah Akta Cukai Pendapatan. <i>Activities are not illegal but do not comply with the law under the Income Tax Act.</i> ii. Aktiviti perniagaan yang tidak sah di sisi undang-undang / <i>Unlawful business activities</i> Kebanyakan aktiviti bagi kategori ini melibatkan aktiviti jenayah. Aktiviti ini juga tertakluk kepada penguatkuasaan di bawah Akta Cukai Pendapatan. Contoh aktiviti bagi kategori ini adalah seperti aktiviti penyeludupan, pengubahan wang haram, perjudian haram dan pengedaran dadah. <i>Most of the activities in this category are criminal in nature. These activities are also subject to enforcement action under the Income Tax Act. Examples of activities in this category are smuggling, money laundering, illegal gambling and drug trafficking.</i>
Impak negatif <i>Negative impact</i>	- Kerajaan menganggarkan saiz ekonomi bayangan di Malaysia adalah sekitar 21% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDKN) negara dari tahun 2010 – 2019. - The government estimates the size of the shadow economy in Malaysia to be around 21% of the country's Gross Domestic Product (GDP) from 2010 – 2019. Impak negatif ekonomi bayangan kepada negara adalah / <i>The negative impacts of the shadow economy are:</i> - Ketirisan hasil kerajaan <i>Government revenue leakage</i> - Kos kerajaan – meningkatkan kos kerajaan dan perniagaan lain <i>Government costs – raising government and other business costs</i> - Penipuan – menyebabkan eksploitasi pekerja <i>Fraud – results in worker exploitation</i> - Persaingan tidak sihat – menjejaskan perniagaan jujur <i>Unhealthy competition – harms honest businesses</i> - Tidak selamat – risiko kepada pengguna dan perniagaan <i>Unsafe – risk to customers and businesses</i> - Aktiviti pengubahan wang haram <i>Money laundering activities</i>
Jenis-jenis ketidakpatuhan cukai <i>Types of tax non-compliance</i>	- Tidak berdaftar fail cukai dengan HASIL; <i>Tax file not registered with HASIL</i> - Tidak melaporkan pendapatan; <i>Not reporting income;</i> - Melaporkan pendapatan kurang dari sepatutnya; dan <i>Underreporting of income; and</i> - Tidak patuh dalam pembayaran cukai. <i>Non-compliance with tax payment</i>

Apakah peranan rakyat untuk memerangi aktiviti ekonomi bayangan? <i>What is the people's role in combatting shadow economic activities?</i>	i. Minta dan dapatkan resit perniagaan setiap kali melakukan aktiviti jual beli terutamanya yang melibatkan jual beli dalam tunai; <i>i. Always request business receipts when carrying out buying and selling activities, especially in cash transactions;</i> ii. Para perniaga bertanggungjawab merekod transaksi jual beli dengan betul; <i>ii. Traders are responsible for accurately recording both purchase and sale transactions;</i> iii. Setiap kerja-kerja kontrak perlu penyediaan kontrak secara bertulis. Selain dapat mengekang ekonomi bayangan ini, kontrak secara bertulis dapat melindungi daripada kerja-kerja yang tidak selesai, kerja yang kurang berkualiti ataupun timbulnya kos tambahan di kemudian hari; <i>iii. Every contract should be formalized in writing. In addition to helping curb the shadow economy, a written contract provides protection against incomplete work, poor quality work, or the emergence of unexpected costs later on;</i> iv. Menggalakkan transaksi pembayaran secara elektronik; <i>iv. Encourage the use of electronic payment transactions;</i> v. Sekiranya mengetahui berlakunya aktiviti ekonomi bayangan di persekitaran anda, laporkan dengan segera kepada HASiL. <i>v. If you are aware of any shadow economy activities in your area, report them immediately to HASiL.</i>
Inisiatif HASiL dalam meningkatkan pematuhan <i>HASiL's initiative in improving tax compliance</i>	i. Pelaksanaan e-Invois secara berperingkat mulai tahun 2024. <i>i. The implementation of e-Invoice has begun in stages in 2024</i> ii. Tax Identification Number (TIN) telah dilaksanakan bagi memperluaskan asas cukai <i>ii. Tax Identification Number (TIN) has been implemented to broaden the tax base</i>
Cara membuat aduan sekiranya mempunyai maklumat berkaitan ekonomi bayangan <i>How to make a report if you have information related to the shadow economy</i>	i. Menulis surat kepada: <i>Please write to:</i> Seksyen Aduan dan Sumber, Bahagian Perisikan Jabatan Perisikan dan Profiling Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Ara 3, Menara 2, No. 3, Jalan 9/10, Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor ii. Melalui laman web/<i>Through website</i> : https://epelariancukai.hasil.gov.my iii. Hubungi talian terus / <i>Call</i> : 03-8913 3800 (samb: 120655, 120654 atau/ 120578) atau/<i>or</i> 016-945 9589 (Whatsapp sahaja/<i>Whatsapp only</i>). iv. Laman web LHDNM > Hubungi Kami > Aduan Pelarian Cukai <i>IRBM website > Contact Us > Report Tax Evasion</i> Hadir ke Unit Perisikan dan Profiling (UPDP) di LHDNM Negeri yang berdekatan di seluruh Malaysia (alamat boleh dirujuk di Direktori HASiL, Portal Rasmi LHDNM). <i>Kindly visit: Unit Perisikan Dan Profiling (UPDP) at the nearest LHDNM office (please refer to HASiL Directory, LHDNM website for full address).</i> JAMINAN KESELAMATAN: Identiti pengadu akan dirahsiakan. CONFIDENTIAL GUARANTEE: The identity of the information provider will be kept strictly confidential.

CUKAI KORPORAT CORPORATE TAX

Cukai korporat dikenakan atas syarikat bermastautin (sendirian berhad dan berhad) yang memperoleh pendapatan:

Corporate tax is charged on a resident company (sendirian berhad and berhad) who receives income:

- Di Malaysia; dan
In Malaysia; and
- Dari luar Malaysia bagi syarikat insurans, pengangkutan laut / udara dan perbankan.
Outside Malaysia, for a company carrying out insurance, sea / air transportation and banking business.

Tanggungjawab Syarikat: *Responsibility of Companies*

PERKARA ITEM	SYARIKAT BAHARU NEW COMPANY	SYARIKAT SEDIA ADA EXISTING COMPANY	BORANG FORM
ANGGARAN CUKAI TAX ESTIMATION			
Hantar Anggaran <i>Submit Estimation</i>	Dalam masa 3 bulan pertama dari tarikh permulaan operasi <i>Within the first 3 months from the date operation begins</i>	30 hari sebelum mula tempoh asas <i>30 days prior to the commencement of the basis period</i>	e-CP204
Mula Bayar <i>Payment Start</i>	Bulan ke-6 tempoh asas <i>6th month of the basis period</i>	Bulan ke-2 tempoh asas <i>2nd month of the basis period</i>	CP207
Tarikh bayaran <i>Payment Date</i>	Sebelum / pada 15 haribulan <i>Before / on the 15th of every month</i>		CP207
Pindaan Anggaran <i>Revised Estimate</i>	Bulan ke-6 atau ke-9 atau ke-11 tempoh asas atau dalam ketiga-tiga bulan tersebut <i>In the 6th or 9th or 11th months of the basis period or in all these 3 months of the basis period</i>		e-CP204A
Pemberitahuan Pertukaran Tempoh Perakaunan <i>Notification of Change of Accounting Period</i>	Tempoh perakaunan baharu kurang daripada 12 bulan <i>New accounting period less than 12 months</i> 30 hari sebelum berakhirnya tempoh perakaunan baharu <i>30 days before the end of new accounting period</i>		CP204B

PERKARA ITEM	SYARIKAT BAHARU NEW COMPANY	SYARIKAT SEDIA ADA EXISTING COMPANY	BORANG FORM
	Tempoh perakaunan baharu melebihi 12 bulan <i>New accounting period exceeding 12 months</i> 30 hari sebelum tarikh akhir tempoh perakaunan asal 30 days before the end date of the original accounting period		
Penghantaran Borang <i>Form Submission</i>	7 bulan selepas tarikh penutupan tempoh perakaunan <i>7 months after the accounting period ends</i>		e-C
Tarikh Pembayaran baki cukai (jika ada) <i>Payment of Tax Payable Balance Due Date (if any)</i>	Sebelum / pada hari terakhir penghantaran Borang e-C <i>Before / on the last day of Form e-C submission</i> (7 bulan selepas tarikh tutup tempoh perakaunan) <i>(7 months from the close of accounting period)</i>		CP207

Orang Yang Bertanggungjawab: The Responsible Persons



Kesalahan Offences

Kegagalan syarikat melaksanakan tanggungjawab akan mengakibatkan syarikat akan disabit dengan:
Failure to fulfil the responsibility will result in the company facing charges under:



KESALAHAN JENAYAH CRIMINAL OFFENCE	KESALAHAN SIVIL CIVIL OFFENCE
Kegagalan menghantar dan melaporkan pendapatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kegagalan melaporkan pendapatan yang sepatutnya (tuntutan palsu) dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan <i>Failure to declare income within the stipulated period and failure to declare the correct amount of income (fictitious claims) in the Income Tax Return Form</i>	Kegagalan membayar cukai pendapatan dalam tempoh yang ditetapkan <i>Failure to pay income tax within the stipulated time</i>

Kadar Cukai Korporat

Corporate Tax Rate

JENIS SYARIKAT TYPE OF COMPANY	TAHUN TAKSIRAN YEAR OF ASSESSMENT					
	2009-2015	2016	2017/2018	2019	2020-2022	2023-2024
Modal berbayar sehingga RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas dan pendapatan kasar tidak melebihi RM50 Juta <i>Paid-up capital up to RM2.5 million at the beginning of the basic period and gross business income of not more than RM50 million</i> • Pendapatan bercukai RM500,000 pertama • <i>Chargeable income for the first RM500,000</i> • Pendapatan bercukai selebihnya • <i>Tax on the balance of chargeable income</i> • Pendapatan bercukai RM600,000 • <i>Chargeable income for the first RM600,000</i> • Pendapatan bercukai selebihnya • <i>Tax on the balance of chargeable income</i> • Pendapatan bercukai RM150,000 yang pertama • <i>Chargeable income for the first RM150,000</i> • Pendapatan bercukai RM150,001 hingga RM600,000 • <i>Chargeable income for RM150,001 to RM600,000</i> • Pendapatan bercukai RM600,001 dan seterusnya • <i>Chargeable income for RM600,001 and subsequent balance</i>	20%	19%	18%	17%		
	25%	24%	24%	24%		
					17%	
					24%	
						15%
						17%
						24%
Modal berbayar melebihi RM2.5 juta pada awal tempoh asas / Syarikat selain kategori di atas <i>Paid-up capital exceeding RM2.5 million at the beginning of the basis period / Company other than the above category</i>	25%	24%	24%	24%	24%	24%



Kemas kini Maklumat Syarikat *Update Your Company's Information*

Maklumat yang perlu dikemaskini sekiranya terdapat perubahan adalah:
Should there be any changes in information that need to be updated:

- Alamat surat menyurat / alamat premis perniagaan
- *Correspondence address / business registered address*
- Nombor telefon untuk dihubungi
- *Contact number*
- Pertukaran nama syarikat
- *Change of company's name*
- Maklumat ejen cukai (jika berkenaan)
- *Information of tax agent (if applicable)*

Maklumat pendaftaran bagi syarikat baharu *Registration Information for New Companies*

PERHATIAN / IMPORTANT NOTES

- Pendaftaran nombor cukai pendapatan syarikat boleh dibuat dalam talian (online) menggunakan aplikasi e-Daftar di pautan <https://mytax.hasil.gov.my>
- *Company's tax number registration can be applied online using e-Daftar application via <https://mytax.hasil.gov.my>*
- Rujuk penyata akaun, dokumen sokongan, penyata pendapatan dan **resit-resit tuntutan** semasa pengisian borang.
- *Please refer to all account statements, supporting documents, income statements and **claimable receipts** when filling in the form.*
- Akaun perniagaan dan dokumen sokongan **tidak perlu dihantar** semasa penghantaran borang.
- *Business accounts and supporting documents are **not required during Form C submission.***
- **Sila pastikan** kod perniagaan **diisi dengan betul** dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP). Panduan kod perniagaan boleh diperolehi di www.hasil.gov.my.
- ***To ensure** that the business code entered is correct in the Income Tax Return Form (ITRF). Guidelines on business codes can be obtained from www.hasil.gov.my.*
- Simpan rekod dan buku akaun selama 7 tahun bagi tujuan semakan HASIL.
- *Keep all related records and accounts for 7 years for HASIL's audit purposes.*
- BNCP perlu dihantar walaupun akaun mengalami kerugian.
- *ITRF submission is still mandatory even when the account is experiencing losses.*
- Syarikat dormant tidak perlu menghantar e-CP204, tetapi perlu menghantar Borang e-C setiap tahun.
- *A dormant company is not required to submit e-CP204, but is still required to submit Form e-C annually.*
- Tatacara pindaan borang cukai C boleh dirujuk dalam Garis Panduan Operasi Bil. 3 Tahun 2024 : Prosedur Pengemukakan Borang Nyata Terpinda.
- *The procedure for amending Form C can be referred to in Operational Guideline No. 3 of Year 2024: Procedure On Submission of Amended Return Form.*

CUKAI KOPERASI TAX ON CO-OPERATIVE

Cukai koperasi dikenakan atas pertubuhan / badan berikut yang bermastautin dan memperoleh pendapatan di Malaysia:

Co-operative tax is imposed on a society / body which resides and receives income in Malaysia:

Koperasi yang
didaftarkan di bawah
Akta Koperasi 1993
(Akta 502);

*A co-operative society
registered under the
Co-operative Act 1993
(Act 502);*

Pertubuhan Peladang
yang berdaftar di bawah
Akta Pertubuhan
Peladang 1973;
*Farmer Organisation
registered under the
Farmers' Organisation Act
1973; and*

Persatuan Nelayan
yang berdaftar di
bawah Akta Persatuan
Nelayan 1971.
*Fisherman Association
registered under the
Fishermen's Associations
Act 1971.*

PERHATIAN / PLEASE NOTE

Layanan cukai koperasi tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan 1967
A co-operative society is subject to tax under the Income Tax Act 1967

Tanggungjawab Koperasi Responsibility of Co-operative

- Hantar Borang C1 secara e-Filing (e-C1) mulai tahun taksiran 2024 dalam tempoh 7 bulan dari tarikh tutup tempoh perakaunan (termasuk koperasi dormant).
- *Submit the C1 Form via e-Filing (e-C1) starting from the assessment year 2024 within 7 months from the closing date of the accounting period (including dormant co-operative).*
- Hantar Borang C1 secara e-Filing (e-C1) atau Borang C1 secara manual ke Bahagian Pengurusan Rekod & Maklumat Percukaian HASiL dalam tempoh 7 bulan dari tarikh tutup tempoh perakaunan (termasuk koperasi dormant) bagi tahun taksiran 2023 dan ke belakang.
- *Submit the C1 Form via e-Filing (e-C1) or the C1 Form manually to HASiL's Tax Information and Record Management Division within 7 months from the closing date of the accounting period (including dormant co-operative) for assessment year 2023 and prior.*
- Hantar anggaran cukai secara e-Filing (e-CP204).
- *Submit the estimated tax payable via e-Filing (e-CP204).*
- Bayaran Ansuran Koperasi (anggaran dibuat oleh koperasi).
- *Instalment payment by co-operative (estimation by co-operative).*

PERKARA ITEM	KOPERASI BAHARU NEW CO-OPERATIVE SOCIETY	KOPERASI SEDIA ADA EXISTING CO-OPERATIVE SOCIETY	BORANG FORM
Anggaran Penghantaran <i>Submit Estimate</i>	Dalam masa 3 bulan pertama operasi <i>Within first 3 months of operations</i>	30 hari sebelum mula tempoh asas <i>30 days prior to the commencement of the basis period</i>	e-CP204
Tempoh Bayaran <i>Payment Due</i>	Bulan ke-6 tempoh asas <i>6th month of the basis period</i>	Bulan ke-2 tempoh asas <i>2nd month of the basis period</i>	CP207
Tarikh Bayaran <i>Payment Date</i>	Sebelum / pada 15 hari bulan <i>Before / on the 15th of every month</i>		CP207
Anggaran Pemindaan <i>Revise Estimate</i>	Bulan ke-6 atau ke-9 atau ke-11 tempoh asas atau dalam ketiga-tiga bulan tersebut <i>In the 6th or 9th or 11th month of the basis period or in all these 3 months of the basis period</i>		e-CP204

(Koperasi dormant tidak perlu hantar CP204)

(Dormant co-operative does not need to submit e-CP204)

- Bayar baki cukai (jika ada) menggunakan CP207 sebelum / pada hari terakhir pengemukaan Borang C1 (7 bulan selepas tarikh penutupan tempoh perakaunan).
- *Pay balance of tax payable (if any) by using CP207 before / on the last day of submission of Form C1 (7 months after the accounting period ends).*
- Simpanan rekod dan buku akaun selama 7 tahun bagi tujuan semakan HASIL.
- *Keep records and accounts for 7 years for HASIL's audit purposes.*

Pengecualian Cukai Koperasi di bawah Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1967:

Exemption for Co-operative Tax under Schedule 6 of the ITA 1967:

Subperenggan 12(1)(a) <i>Subparagraph 12(1)(a)</i>	Bagi tempoh 5 tahun pertama mulai dari tarikh pendaftaran koperasi tersebut; dan <i>For a period of 5 years commencing from the date of registration; and</i>
Subperenggan 12(1)(b) <i>Subparagraph 12(1)(b)</i>	Selepas 5 tahun tamat, jika kumpulan wang ahli pada hari pertama tempoh asas kurang daripada RM750,000 <i>Registered for more than 5 years; if its members' funds as at the first day of the basis period for a year assessment is less than RM750,000</i>

PERHATIAN / PLEASE NOTE

Koperasi perlu mengisi dan menghantar Borang C1 secara e-Filing (e-C1) atau Borang C1 secara manual tanpa mengambil kira sama ada koperasi layak pengecualian cukai.

A co-operative must fill out and submit Form C1 by e-Filing (e-C1) or Form C1 manually regardless of whether the co-operative is eligible for tax exemption.

Orang Yang Bertanggungjawab

Persons Responsible

Pengerusi koperasi
Chairman of the co-operative society

Setiausaha koperasi
Secretary of the co-operative society

Bendahari koperasi
Treasurer of the co-operative society

Orang yang menjalankan mana-mana fungsi di atas
Anyone who performs any of the above functions

Kadar Cukai Koperasi Bagi Tahun Taksiran 2015-2024

Co-operative Tax Rate for Years of Assessment 2015-2024

BANJARAN PENDAPATAN BERCUKAI (RM) RANGE OF CHARGEABLE INCOME (RM)	PENGIRAAN CUKAI (RM) COMPUTATION (RM)	KADAR (%) RATE (%)	CUKAI (RM) TAX (RM)
1 - 30,000	30,000 pertama <i>First 30,000</i>	0	0
30,001 - 60,000	30,000 berikutnya <i>Next 30,000</i>	5	1,500
60,001 - 100,000	60,000 pertama 40,000 berikutnya <i>First 60,000</i> <i>Next 40,000</i>	10	1,500 4,000
100,001 - 150,000	100,000 pertama 50,000 berikutnya <i>First 100,000</i> <i>Next 50,000</i>	15	5,500 7,500
150,001 - 250,000	150,000 pertama 100,000 berikutnya <i>First 150,000</i> <i>Next 100,000</i>	18	13,000 18,000
250,001 - 500,000	250,000 pertama 250,000 berikutnya <i>First 250,000</i> <i>Next 250,000</i>	21	31,000 52,500
500,001 - 750,000	500,000 pertama 250,000 berikutnya <i>First 500,000</i> <i>Next 250,000</i>	23	83,500 57,500
750,000 dan keatas 750,000 and above	750,000 pertama setiap ringgit berikutnya <i>First 750,000</i> <i>For every next ringgit</i>	24	141,000

Kemudahan Bayaran Cukai Koperasi *HASiL Payment Facilities*



* Sila rujuk Seksyen 65A, 77A, 107C dan perenggan 12 Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Ketetapan Umum No. 9/2011 untuk rujukan lanjut.

* *Please refer to Sections 65A, 77A, 107C and paragraph 12 of Schedule 6, Income Tax Act 1967 & Public Ruling No. 9/2011 for further details.*

CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH REAL PROPERTY GAINS TAX

Apakah Cukai Keuntungan Harta Tanah? *What Is Real Property Gains Tax*

Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) adalah cukai dikenakan atas keuntungan pelupusan aset yang terletak di Malaysia. Mulai 21 Oktober 1988, CKHT diperluaskan kepada keuntungan daripada pelupusan saham dalam syarikat harta tanah.

Real Property Gains Tax (RPGT) is a tax imposed on gains from the disposal of assets located in Malaysia. Starting from 21st October 1988, RPGT was extended to profits from the disposal of shares in real estate companies (real property companies, RPC).

CKHT dikenakan ke atas pelupus dalam tahun taksiran di mana transaksi pelupusan berlaku. Tahun taksiran merujuk kepada tahun kalendar.

RPGT is charged to the disposer in the year of assessment in which the disposal transaction takes place. Year of assessment refers to the calendar year.



Apakah Jenis Aset Yang Dikenakan CKHT? *What Type of Asset is Charged With RPGT*

HARTA TANAH REAL PROPERTY	SYER SHARES
Harta tanah yang terletak di Malaysia. <i>Real property located in Malaysia:</i> 1. Bangunan kediaman. <i>Residential buildings.</i> 2. Bangunan komersil. <i>Commercial buildings.</i> 3. Tanah kosong. <i>Empty land.</i>	1. Syer syarikat harta tanah (SHT). <i>Shares in real estate companies.</i> 2. Syer sebagai balasan atas pindahan harta tanah kepada syarikat yang dikawal. <i>Shares in return for the transfer of real estate to a controlled company.</i>

Siapakah Yang Dikenakan CKHT? Who is Charged With RPGT

Pelupus akan dikenakan cukai atas keuntungan yang terakru kepadanya apabila melupuskan aset yang boleh dikenakan cukai yang terletak di Malaysia.

The disposer will be taxed on the gain accruing to him on disposal of taxable assets located in Malaysia.

Contoh pelupus adalah individu, syarikat, perkongsian, pertubuhan, pemegang amanah, badan amanah, koperasi dan lain-lain orang yang boleh dikenakan cukai.

Examples of liquidators are individuals, companies, partnerships, associations, trustees, trusts, cooperatives and other taxable persons.

Mulai 01 Januari 2024, pelupus kategori syarikat, perkongsian liabiliti terhad (PLT), badan amanah dan koperasi yang membuat pelupusan syer tidak dikenakan CKHT kerana akan dikenakan Cukai Keuntungan Modal di bawah Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967.

Starting from 1st January 2024, disposer by companies, limited liability partnerships (PLT), trusts and cooperatives who dispose of RPC shares are not subject to RPGT as it will be subject to Capital Gains Tax under the Income Tax Act (ITA) 1967.

Mulai 01 Januari 2025, Sistem Taksir Sendiri CKHT diperkenalkan. Pembayar cukai yang terlibat adalah semua kategori pembayar cukai yang melupuskan aset mulai 01 Januari 2025.

Starting from 1st January 2025, the RPGT Self-Assessment System has been introduced. Taxpayers involved are all categories of taxpayers who dispose of assets from 1st January 2025.

Apakah Maksud Keuntungan Daripada Pelupusan Aset? What is The Meaning of Gain From Disposal of Asset?

Harga pelupusan ditolak dengan harga pemerolehan.

The disposal price minus the acquisition price.

HARGA PELUPUSAN DISPOSAL PRICE	HARGA PEMEROLEHAN ACQUISITION PRICE
Amaun atau nilai balasan pelupusan <i>Amount or value of the consideration for the disposal of an asset</i> (-) Belanja dibenarkan (Ubah suai / tambahan / mengekalkan hak milik atau nilai harta tanah) <i>(-) Allowable expenses (modifications / additions / to maintain property ownership or value)</i> (-) Kos sampingan pelupusan (guaman / duti setem / komisen dll) <i>(-) Disposal incidental costs (legal fees / stamp duty / commission, etc.)</i>	Amaun atau nilai balasan pemerolehan <i>Amount or value of the consideration for the acquisition of an asset</i> (+) Kos sampingan pemerolehan (guaman / duti setem / komisen dll) <i>(+) Acquisition incidental costs (legal fees / stamp duty / commission, etc.)</i> (-) Penerimaan pampasan / ganti rugi / insurans kerana kerosakan atau susut nilai aset <i>(-) Receipt of compensation / insurance for damage or depreciation of assets</i> (-) Deposit terlucut hak <i>(-) Deposit forfeited</i>

Nota: Rujuk BNCKHT untuk kaedah pengiraan yang lebih terperinci.

Note: Refer to RPGT Form for detailed calculation.

Keuntungan pelupusan harta tanah tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan (ACP 1967) atau Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah (ACKHT 1976)
Gains on selling real property charged under the Income Tax Act (ITA 1967) or Real Property Gain Tax Act (RPGTA 1976)

- Pelupusan yang tertakluk kepada ACP 1967 atau ACKHT 1976 adalah bergantung kepada fakta dan merit sesuatu kes.
A disposal is subject to ITA 1967 or RPGTA 1976 depending on the facts and merit of the case.
- Sekiranya orang yang menjalankan perniagaan harta tanah (sama ada perniagaan didaftarkan atau pun tidak), keuntungan tersebut akan dikenakan di bawah ACP 1967. Hubungi pejabat HASIL berhampiran untuk pertanyaan lanjut
If the person runs a real estate business (whether the business is registered or not), the gains will be charged under ITA 1967. Please contact the nearest HASIL office for further queries.

Jenis Pengecualian

Types of RPGT Exemption

Pengecualian CKHT yang sering dituntut adalah:

Common RPGT exemptions are:

Pengecualian Pelupusan Rumah Kediaman Persendirian individu warganegara atau pemastautin tetap (layak sekali sahaja) - Seksyen 8 ACKHT 1976.

Exemption from disposal of a private residence by an individual citizen or permanent resident (one time eligibility) - Section 8 RPGTA 1976.

Pengecualian oleh Menteri melalui perintah berkanun - Subseksyen 9(3) ACKHT 1976
Exemption by Minister by statutory order - Subsection 9 (3) of the RPGTA 1976

- PUA 360 - Pelupusan aset tidak melebihi RM200,000 oleh warganegara.
- PUA 360 - Disposal of assets valued at not more than RM200,000 by a citizen.

Pemberian harta tanah sebagai balasan kasih sayang di mana pemberi dan penerima adalah suami dan isteri / ibu, bapa dan anak / datuk, nenek dan cucu - Perenggan 12 Jadual 2 ACKHT 1976.

Granting of property where the giver and recipient are husband and wife / parent and child / grandparent and grandchild - Paragraph 12 of Schedule 2 ACKHT 1976.

Rujuk Portal Rasmi HASIL untuk jenis pengecualian yang lain.

Refer to the HASIL Official Portal for other types of exemptions.

Kadar Cukai Tax Rate

Mengikut kategori pelupus bergantung kepada tempoh pemilikan atau pegangan sesuatu aset.

Based on the category of disposer and depending on the period of ownership / holding of an asset.

(a) Bahagian I Jadual 5 ACKHT 1976 Part I Schedule 5 of the RPGTA 1976

Pelupus di Bahagian I adalah selain daripada pelupus kategori Bahagian II dan III. Contohnya individu warganegara Malaysia dan perkongsian.

Disposers in Part I are other than disposers under Parts II and III. For example, Malaysian individuals and partnerships.

TEMPOH PELUPUSAN DISPOSAL PERIOD	KADAR CUKAI (%) RATE (%)					
	1.1.2010 - 31.12.2011	1.1.2012 - 31.12.2012	1.1.2013 - 31.12.2013	1.1.2014 - 31.12.2018	1.1.2019 - 31.12.2021	Mulai / W.e.f. 1.1.2022
Dalam tempoh 2 tahun <i>Within two years</i>	5	10	15	30	30	30
Dalam tahun ke-3 <i>In the third year</i>	5	5	10	30	30	30
Dalam tahun ke-4 <i>In the fourth year</i>	5	5	10	20	20	20
Dalam tahun ke-5 <i>In the fifth year</i>	5	5	10	15	15	15
Dalam tahun ke-6 atau seterusnya <i>In the sixth year and thereafter</i>	5 *	5 **	5 ***	0	5	0

(b) Bahagian II Jadual 5 ACKHT 1976 Part II of Schedule 5 of the RPGTA 1976

Pelupus di Bahagian II adalah syarikat yang diperbadankan di Malaysia, pemegang amanah bagi suatu amanah dan kumpulan orang yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis di Malaysia.

Disposers in Part II are companies incorporated in Malaysia, trustees of a trust, and groups of persons registered under any written law in Malaysia.

TEMPOH PELUPUSAN DISPOSAL PERIOD	KADAR CUKAI (%) RATE (%)				
	1.1.2010 - 31.12.2011	1.1.2012 - 31.12.2012	1.1.2013 - 31.12.2013	1.1.2014 - 31.12.2018	Mulai / W.e.f. 1.1.2019
Dalam tempoh 2 tahun <i>Within two years</i>	5	10	15	30	30
Dalam tahun ke-3 <i>In the third year</i>	5	5	10	30	30
Dalam tahun ke-4 <i>In the fourth year</i>	5	5	10	20	20
Dalam tahun ke-5 <i>In the fifth year</i>	5	5	10	15	15
Dalam tahun ke-6 atau seterusnya <i>In the sixth year and thereafter</i>	5 *	5 **	5 ***	5	10

(c) Bahagian III Jadual 5 ACKHT 1976
Part III of Schedule 5 of the RPGTA 1976

Pelupus di Bahagian III adalah individu bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap, atau harta pusaka si mati yang bukan warganegara dan bukan juga pemastautin tetap atau syarikat yang tidak diperbadankan di Malaysia.

The disposer in Part III is an individual who is not a citizen and not a permanent resident, or the estate of the deceased who is not a citizen and not a permanent resident or a company that is not incorporated in Malaysia.

TEMPOH PELUPUSAN DISPOSAL PERIOD	KADAR CUKAI (%) RATE (%)				
	1.1.2010 - 31.12.2011	1.1.2012 - 31.12.2012	1.1.2013 - 31.12.2013	1.1.2014 - 31.12.2018	Mulai / W.e.f. 1.1.2019
Dalam tempoh 2 tahun <i>Within two years</i>	5	10	15	30	30
Dalam tahun ke-3 <i>In the third year</i>	5	5	10	30	30
Dalam tahun ke-4 <i>In the fourth year</i>	5	5	10	30	30
Dalam tahun ke-5 <i>In the fifth year</i>	5	5	10	30	30
Dalam tahun ke-6 atau seterusnya <i>In the sixth year and thereafter</i>	5 *	5 **	5 ***	5	10

PERHATIAN / PLEASE NOTE

- * Pembayaran CKHT bagi tempoh 1.1.2010 hingga 31.12.2011 telah diberi pengecualian melalui Perintah CKHT (Pengecualian) (No.2) 2009 [P.U. (A) 486/2009]
Exemption of RPGT payment from 1.1.2010 until 31.12.2011 via RPGT Order (Exemption) (No.2) 2009 [P.U.(A) 486/2009]
- ** Pembayaran CKHT bagi tempoh 1.1.2012 hingga 31.12.2012 telah diberi pengecualian melalui Perintah CKHT (Pengecualian) 2011 [P.U. (A) 434/2011]
Exemption of RPGT payment from 1.1.2012 until 31.12.2012 via RPGT Order (Exemption) 2011 [P.U.(A) 434/2011]
- *** Pembayaran CKHT bagi tempoh 1.1.2013 hingga 31.12.2013 telah diberi pengecualian melalui Perintah CKHT (Pengecualian) 2012 [P.U. (A) 415/2012]
Exemption of RPGT payment from 1.1.2013 until 31.12.2013 via RPGT Order (Exemption) 2012 [P.U.(A) 415/2012]

Pelaksanaan Sistem Taksir Sendiri CKHT (STS CKHT) **RPGT Self Assessment (RPGT SAS)**

Selaras dengan pelaksanaan STS CKHT, pembayar cukai yang melupuskan aset mulai 01 Januari 2025 dikehendaki untuk :

In accordance with the implementation of RPGT SAS, taxpayers who disposed of assets from 1st January 2025 are required to:

- mengemukakan Borang Nyata CKHT (BNCKHT);
submit the CKHT Real Form (BNCKHT);
- menentukan keuntungan yang dikenakan cukai dan mengira cukai yang dikenakan;
determine the taxable profit and calculate the tax charged;
- membuat bayaran; serta
make payments; as well as
- menyimpan dokumen berkaitan dalam tempoh 7 tahun.
keep relevant documents for a period of 7 years.

BNCKHT yang dikemukakan oleh pembayar cukai dianggap sebagai notis taksiran. Tiada notis taksiran akan dikeluarkan oleh LHDNM.

The RPGT return form submitted by the taxpayer is considered as a notice of assessment. No notice of assessment will be issued by the IRBM.

Tanggungjawab Pemereoleh Dan Pelupus **Responsibility of Acquirer And Disposer**

PEMEROLEH ACQUIRER	PELUPUS DISPOSER
Orang yang membeli / memperoleh aset <i>Person who buys / acquires asset</i>	Orang yang menjual / melupuskan aset <i>Person who sells / disposes of asset</i>

(a) Mengemukakan Borang CKHT Submitting the RPGT Form

Pemeroleh dan pelupus bertanggungjawab untuk mengemukakan BNCKHT dalam tempoh **60 hari** dari tarikh pelupusan / pemerolehan.

The acquirer and disposer are responsible for submitting the RPGT Return Form within 60 days from the date of disposal / acquisition.

Jenis-Jenis BNCKHT / Types of RPGT Forms

PEMEROLEH ACQUIRER	PELUPUS DISPOSER
Borang CKHT 2A – pemerolehan harta tanah / syer <i>Form CKHT 2A – Acquisition of real property / shares</i>	- Borang CKHT 1A – pelupusan harta tanah <i>Form CKHT 1A - Disposal of real property</i> - Borang CKHT 1B – pelupusan syer <i>Form CKHT 1B - Disposal of shares</i> - Borang CKHT 3 – pengecualian / pelupusan tidak dikenakan cukai. <i>Form CKHT 3 - Exemption / non taxable disposal</i>

Kaedah pengemukakan BNCKHT / RPGT form submission method

Mulai 01 Januari 2025, pengemukakan BNCKHT secara dalam talian di e-CKHT Portal MyTax melalui <https://mytax.hasil.gov.my> adalah mandatori termasuk bagi pelupusan tahun sebelumnya.

Starting from 1st January 2025, online submission of RPGT form on e-CKHT MyTax Portal via <https://mytax.hasil.gov.my> is mandatory.

- Sekiranya tiada nombor pengenalan cukai (TIN), permohonan boleh dikemukakan melalui perkhidmatan e-Daftar di MyTax.
If there is no tax identification number (TIN), the application can be submitted through e-Daftar service at MyTax.
- Nota panduan pengisian e-CKHT boleh diperoleh dan dimuat turun dari Portal Rasmi LHDNM > Muat Turun Borang > CKHT.
Guidance notes for filling in e-CKHT can be obtained and downloaded from IRBM Official Portal > Form Download > CKHT.
- Contoh BNCKHT kertas boleh dimuat turun dan dicetak di Portal Rasmi LHDNM > Muat Turun Borang > CKHT.
Samples of the RPGT forms can be downloaded and printed at IRBM Official Portal > Download Form > CKHT.
- Pengemukakan BNCKHT kertas adalah tidak diterima dan dianggap gagal mengemukakan BNCKHT sekiranya tiada pengemukakan semula dibuat melalui e-CKHT di MyTax.
The submission of physical RPGT forms will not accepted and will be considered as failure to submit if no re-submission is made through e-CKHT on MyTax.

(b) Membuat Bayaran CKHT Making RPGT Payments

Pelupus dan pemeroleh bertanggungjawab untuk membuat bayaran CKHT dalam tempoh yang ditetapkan.

The disposer and acquirer are responsible for making the RPGT payment within the specified period.

Pemeroleh / Acquirer

Bayaran 3% / 5% / 7% daripada jumlah nilai balasan atau kesemua balasan wang (yang mana lebih rendah) dalam tempoh 60 hari dari tarikh pelupusan di bawah seksyen 21B ACKHT 1976.

Payment of 3% / 5% / 7% of the total value of the consideration or all sums of money (whichever is lower) within 60 days from the date of disposal under section 21B of the RPGTA 1976.

- ✓ 3% : Pelupus selain daripada yang tertakluk kepada 5% dan 7%.
3% : Disposers other than those subject to 5% and 7%.
- ✓ 5% : Pelupus syarikat diperbadankan di Malaysia / pemegang amanah / kumpulan orang yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis di Malaysia bagi pelupusan aset dalam tempoh tiga (3) tahun.
5% : Disposal by trustee / company incorporated in Malaysia / group of persons registered under any written law in Malaysia within three (3) years from the date of asset acquisition.
- ✓ 7% : Pelupus individu bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap / wasi bagi si mati bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap / syarikat tidak diperbadankan di Malaysia.
7% : Disposal by non-citizen and non-resident individual / executor of deceased non-citizen and non-permanent resident / company not incorporated in Malaysia.



Pelupus / Disposer

PELUPUSAN TT2024 DAN KE BAWAH DISPOSAL FROM YA2024 AND PRIOR	PELUPUSAN TT2025 DAN SETERUSNYA DISPOSAL IN YA2025 AND SUBSEQUENT
Bayaran baki cukai selepas taksiran dikeluarkan oleh HASiL dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis dikeluarkan. <i>Tax balance to be paid after assessment is issued by HASiL within 30 days from the notice issue date.</i> Jika bayaran remitan oleh pemeroleh melebihi taksiran dibangkitkan, bayaran balik akan dibuat kepada pelupus. <i>If payment by the acquirer exceeds the assessment raised, a refund will be made to the disposer.</i>	Bayaran baki cukai selepas taksiran dikeluarkan oleh HASiL dalam tempoh 30 hari dari tarikh pelupusan <i>Tax balance to be paid after assessment is issued by HASiL within 30 days from the date of disposal.</i> Jika bayaran remitan oleh pemeroleh melebihi pengiraan cukai kena dibayar seperti di BNCKHT, bayaran balik akan dibuat kepada pelupus. <i>If payment by the acquirer exceeds the amount of tax payable, a refund will be made to the disposer.</i>

Kaedah bayaran CKHT / RPGT payment method

PEMEROLEH ACQUIRER	PELUPUS DISPOSER
Pemeroleh perlu membuat pengisian e-CKHT 2A untuk menjana Nombor Bil bagi membuat bayaran di bawah seksyen 21B dengan menggunakan kemudahan seperti berikut: <i>The acquirer needs to complete e-CKHT 2A to generate the Bill Number for payment under section 21B using the following facilities:</i> - ByrHasil FPX (<i>Financial Process Exchange</i>) - Capaian melalui / <i>Access via</i> https://byrhasil.hasil.gov.my; - Pengguna perlu mempunyai akaun perbankan elektronik dengan mana-mana bank yang menyertai FPX; atau <i>Users must have an electronic banking account with any bank participating in FPX; or</i> - Bank ejen kutipan HASiL yang telah dilantik dengan menggunakan Nombor Bil sahaja. Senarai bank ejen kutipan HASiL yang telah dilantik boleh dirujuk di Portal Rasmi HASiL. <i>An appointed HASiL collection agent bank using Bill Number only. The list of appointed HASiL collection agent banks can be downloaded and printed from the IRBM Official Portal.</i>	Pelupus perlu membuat bayaran cukai atau baki cukai CKHT menggunakan Nombor Bil yang dijana di Slip Pengesahan Borang CKHT 1A / 1B dengan menggunakan kemudahan seperti berikut: <i>The disposer needs to make payment on the tax or tax balance using the Bill Number generated from RPGT Form 1A / 1B Verification Slip through the following facilities:</i> - ByrHasil FPX (<i>Financial Process Exchange</i>) - Capaian melalui / <i>Access via</i> https://byrhasil.hasil.gov.my; - Pengguna perlu mempunyai akaun perbankan elektronik dengan mana-mana bank yang menyertai FPX; atau <i>Users must have an electronic banking account with any bank participating in FPX; or</i> - Bank ejen kutipan HASiL yang telah dilantik. Senarai bank ejen kutipan HASiL yang telah dilantik boleh dirujuk di Portal Rasmi HASiL; atau. <i>An appointed HASiL collection agent bank. The list of appointed HASiL collection agent banks can be downloaded and printed from the IRBM Official Portal; or</i> - Pejabat Pos Malaysia secara tunai. <i>Pos Malaysia offices in cash.</i>

Kesalahan Di Bawah ACKHT 1976

Imposition of Penalties And Tax Increases Under RPGT 1976

A

Kegagalan mengemukakan Borang CKHT dengan lengkap dalam tempoh 60 hari selepas tarikh pelupusan aset atau tarikh lanjutan masa dibenarkan

Failure to submit the completed RPGT Form within 60 days from the date of asset disposal or within any extension of time allowed

Pelupus boleh dikenakan penalti sehingga tiga kali ganda jumlah cukai dikenakan [Subseksyen 29(3) ACKHT 1976].

Disposer / acquirer may be subject to a penalty of up to three times the amount of tax imposed [Subsection 29(3) of the RPGTA 1976].

B

Pelupus membuat suatu penyata yang tidak betul berkenaan suatu pelupusan aset atau memberikan maklumat yang tidak betul

The disposer makes an incorrect statement regarding an asset disposal or provides incorrect information

Pelupus boleh dikenakan penalti bersamaan dengan amaun cukai terkurang lapor (maksimum 100%) [Subseksyen 30(2) ACKHT 1976].

The disposer may be subject to a penalty equal to the amount of tax underdeclared (maximum of 100%) [Subsection 30(2) of the RPGTA 1976].

C

Pelupus mengisi atau keterangan tidak benar dalam Borang CKHT 3 yang menyebabkan pemeroleh gagal meremit bayaran di bawah subseksyen 21B(1) atau 21B(1A) ACKHT 1976

The disposer provides false information in Form CKHT 3 which causes the acquirer to fail to remit the payment under subsection 21B(1) or 21B(1A) of the RPGTA 1976

Pelupus boleh dikenakan suatu kenaan dengan suatu jumlah bersamaan 10% cukai yang kena dibayar jika membuat suatu penyata yang tidak betul di bawah [Subseksyen 13(6) ACKHT 1976 (Subseksyen 14(5) ACKHT 1976)].

The disposer may be subject to an amount equal to 10% of the tax payable if he makes an incorrect statement under subsection 13(6) of the RPGTA 1976 [Subsection 14(5) of the RPGTA 1976].

D

Kegagalan membuat bayaran CKHT dalam tempoh ditetapkan

Failure to make RPGT payment within the specified period

Pelupus / pemeroleh boleh dikenakan suatu kenaikan bersamaan 10% atas jumlah yang perlu dibayar jika

The disposer / acquirer may be charged an increase equal to 10% of the amount due if:

- Pemeroleh gagal membuat bayaran 3% / 5% / 7% daripada jumlah nilai balasan atau kesemua balasan wang (yang mana lebih rendah) dalam tempoh 60 hari dari tarikh pelupusan [Subseksyen 21(4) ACKHT 1976].
- *The acquirer fails to make a payment of 3% / 5% / 7% of the total value of consideration or all of the monetary consideration (whichever is lower) within 60 days from the date of disposal [Subsection 21(4) of the RPGTA 1976].*
- Pelupus gagal membuat bayaran baki cukai selepas taksiran dikeluarkan oleh HASiL dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis dikeluarkan [Subseksyen 21(4) ACKHT 1976].
- *The disposer fails to pay the remaining tax after the assessment has been issued by HASiL within 30 days from the date the notice is issued [Subsection 21(4) of the RPGTA 1976].*


DUTI SETEM STAMP DUTY

Duti Setem adalah duti yang dikenakan ke atas dokumen / surat cara di bawah Jadual Pertama, Akta Setem 1949 yang mempunyai kesan perundangan, komersil atau kewangan.

Stamp Duty is a duty imposed on a document / instrument listed under the First Schedule of the Stamp Act 1949, which has legal, commercial or financial implication.

Tempoh Penyeteman

*Period of
Stamping*



Dalam tempoh 30 hari dari tarikh dokumen / surat cara disempurnakan / ditandatangani dalam Malaysia.

Within 30 days from the date the document / instrument was executed / signed in Malaysia.

Dalam tempoh 30 hari selepas dokumen / surat cara pertama kali diterima dalam Malaysia sekiranya disempurnakan di luar Malaysia.

Within 30 days after the document / instrument was first received in Malaysia if it was executed outside Malaysia.

Jenis Duti / Type of Duty

Tetap / Fixed

Dikenakan tanpa ada kaitan dengan amaun balasan atau amaun yang dinyatakan dalam dokumen / surat cara.

Chargeable regardless of consideration or amount prescribed in the document / instrument.

Ad Valorem

Dikenakan berdasarkan amaun balasan dinyatakan dalam dokumen / surat cara atau nilai pasaran.

Chargeable based on consideration prescribed in the document / instrument or market value.

Amaun Duti Setem

Amount of Stamp Duty

Ditentukan oleh Pejabat Setem Negeri berdasarkan dokumen / surat cara yang dikemukakan melalui permohonan penyeteman secara dalam talian.

Determined by State Stamp Offices based on the document / instrument submitted through the online stamping application.

Permohonan penyeteman dan pembayaran duti setem boleh dilakukan secara dalam talian melalui portal Sistem Taksiran Dan Pembayaran Duti Setem (STAMPS) di pautan <https://stamps.hasil.gov.my> tanpa perlu hadir ke kaunter duti setem.

Application for stamping and payment of stamp duty can be made online through the Stamp Duty Assessment and Payment System (STAMPS) portal at <https://stamps.hasil.gov.my> without the need to visit the stamp duty counter.

Kaedah Penyeteman / Method of Stamping

Sijil Setem / Resit Rasmi Setem (dijana oleh STAMPS - Stamp Assessment and Payment System). Stamp Certificate / Official Stamp Receipt (generated by STAMPS - Stamp Assessment and Payment System).

Penggunaan setem pelekat (Setem Hasil) dan mesin franking pos oleh pengguna luar seluruh negara sebagai kaedah penyeteman ke atas dokumen atau perjanjian telah ditamatkan mulai 1 Januari 2024.

The use of adhesive stamps (Revenue Stamps) and postal franking machines by foreign users throughout the country as a method of stamping on documents or agreements has been terminated from 1st January 2024.

Kepentingan Penyeteman Importance of Stamping

- Dokumen yang disetem secara rasmi diiktiraf oleh undang-undang. Ini boleh menjadi bukti yang kukuh dalam sebarang urusan perundangan. Ianya dinyatakan di bawah Seksyen 52 Akta Setem 1949.

Officially stamped documents are recognised by law. They can serve as strong evidence in any legal transaction. This is stated under Section 52 of the Stamp Act 1949.

- Penyeteman memberikan pengesahan bahawa dokumen adalah asli dan sah. Ia memastikan dokumen tersebut boleh dipercayai dan tidak diubahsuai untuk menjaga kepentingan dokumen dan pihak-pihak yang terlibat.

Stamping provides verification that a document is authentic and valid. It ensures that the document is trustworthy and has not been tampered with, safeguarding the interests of the document and the parties involved.



Kaedah bayaran Method of Payment

Bayaran dalam talian secara
FPX untuk kaedah penyeteman
melalui STAMPS
*Online payment via FPX for stamping
method through STAMPS*

Bayaran dalam talian secara
Bill Payment melalui CIMB
BizChannel dan Public Bank
*Online payment via Bill payment through
CIMB BizChanel and Public Bank*

Semakan Ketulenen Sijil Setem

Verification of Stamp Certificate Authenticity

Setiap dokumen yang disetemkan melalui STAMPS, maklumat penyeteman ada disimpan di STAMPS iaitu di stamps.hasil.gov.my bertujuan untuk memberikan maklumat dan pengesahan ketulenen ke atas dokumen yang telah disetemkan.

Every document stamped through the STAMPS system has its stamping record officially stored on the stamps.hasil.gov.my portal. This record serves as a reference to provide information and verify the authenticity of the stamped document.

Kaunter Perkhidmatan Duti Setem

Duty Stamp Service Counter



Penalti Lewat Penyeteman

Penalty for Late Stamping



- RM 50.00 atau 10% dari duti setem yang terkurang, yang mana lebih tinggi, dalam tempoh 3 bulan selepas tempoh penyeteman.
- *RM50.00 or 10% of the deficient stamp duty whichever is greater, within 3 months after the period of stamping.*
- RM100.00 atau 20% dari duti setem yang terkurang, yang mana lebih tinggi, melebihi 3 bulan selepas tempoh penyeteman.
- *RM100.00 or 20% of the deficient stamp duty whichever is greater, more than 3 months after the period of stamping.*

TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIKENAKAN KEPADA PIHAK YANG TERLIBAT DALAM PENIPUAN ATAU PEMALSUAN DUTI SETEM

LEGAL ACTION SHALL BE TAKEN ON PARTIES WHO ARE INVOLVED IN COUNTERFEITING OR DEFRAUDING THE GOVERNMENT OF ANY STAMP DUTY

BAYARAN DAN SEKATAN PERJALANAN **PAYMENT AND STOPPAGE ORDER**

Bayaran Cukai Pendapatan *Income Tax Payment*

ByrHASiL(Online Payment Gateway) : Mudah, Cepat dan Selamat
ByrHASiL (Online Payment Gateway): Easy, Fast and Safe

1. Layari / *Log on to* <https://byrhasil.hasil.gov.my/>

Bayaran menggunakan Nombor Bil sebagai rujukan bayaran. Pilih bayaran menerusi FPX di portal perbankan internet bank yang tersenarai. Pembayar cukai boleh membuat carian nombor bil melalui Sistem 'e-Billing' dan 'Carian Nombor Bil' dalam 'MyTax' sebelum membuat bayaran.

Payment uses Bill Number as payment reference. Choose to pay via FPX on the listed bank's internet banking portal. Taxpayers can search the bill number through 'e-Billing' system and 'Search Bill Number' in 'MyTax' before making a payment.

2. Sistem Potongan Cukai Bulanan (PCB) baharu e-PCB Plus telah dibangunkan bagi menggantikan sistem sedia ada iaitu e-PCB, e-Data PCB dan e-CP39 di bawah satu platform menerusi portal MyTax. *e-PCB Plus, the new Monthly Tax Deduction (MTD) system, has been developed under one platform through the MyTax portal to replace the existing systems of e-PCB, e-Data PCB and e-CP39.*

Sistem e-PCB Plus boleh diakses di <https://mytax.hasil.gov.my> > e-PCB Plus.
The e-PCB Plus system can be accessed at https://mytax.hasil.gov.my > e-PCB Plus.



Bayaran Cukai

Tax Payment

Cukai Pendapatan (bagi Individu dan Syarikat), Cukai Keuntungan Harta Tanah dan Potongan Cukai Bulanan (PCB) boleh dibayar menerusi Bank Komersial dan Pejabat Pos yang dilantik sebagai ejen kutipan melalui pelbagai medium** menggunakan Nombor Pengenalan Cukai (Tax Identification Number - TIN) ATAU Nombor Bil. Kedua-dua maklumat boleh diterima untuk memproses bayaran cukai.

*Income Tax (for Individual and Corporate), Real Property Gain Tax (RPGT) and Monthly Tax Deduction (MTD) can be paid through Commercial Banks and Post Offices appointed as collection agents through various mediums** using Tax Identification Number (TIN) OR Bill Number. Either of the two is acceptable for processing tax payments.*

MEDIUM BAYARAN PAYMENT MODE	JENIS BAYARAN PAYMENT TYPE		
	CP INCOME TAX	CKHT RPGT	PCB MTD
Kaunter Bank / Kaunter Pejabat Pos <i>Bank / Pos Malaysia Office Counter</i>	✓	✓	✓
Mesin Juruwang Automatik (ATM) <i>Automated Teller Machine (ATM)</i>	✓	✓	-
Perbankan Internet <i>Internet Banking</i>	✓	✓	✓
Perbankan Telefon / Telefon Mudah Alih <i>Phone/Mobile Banking</i>	✓	✓	-
Mesin Deposit Tunai <i>Cash Deposit Machine</i>	✓	✓	-

** Setiap ejen kutipan yang dilantik menawarkan pilihan perkhidmatan yang berbeza. Penggunaan adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak ejen.

*** Each appointed collection agent offers different service options, subject to the terms and conditions set by the agent.*

Pembayar cukai boleh merujuk maklumat lengkap berhubung bayaran di Portal Rasmi HASIL (www.hasil.gov.my).

Taxpayer may refer to IRBM Official Portal (www.hasil.gov.my) for further information on the tax payment.

Resit bayaran dan slip penerimaan dari bank perlu disimpan untuk rujukan masa hadapan. Semua resit dikeluarkan oleh ejen kutipan yang dilantik dianggap sebagai resit rasmi.
The payment receipt and acceptance slip from the bank should be kept for future reference. All receipts issued by the appointed collection agent are considered official receipts.

Pemakluman / Notification

Bayaran menerusi Pindahan Telegrafik (TT) / *Electronic Funds Transfer (EFT)* dan *Interbank Giro (IBG)*

Payment through Telegraphic Transfer (TT) / Electronic Funds Transfer (EFT) and Interbank Giro (IBG)

Pembayar atau Pembayar Cukai yang ingin membayar cukai melalui medium TT dari dalam dan luar Malaysia perlu log masuk ke sistem e-TT di My Tax Portal; <https://mytax.hasil.gov.my> melalui 'ezHasil Services' > 'e-TT' untuk memberikan maklumat pembayaran yang diperlukan dan menggunakan Nombor VA yang dijana oleh sistem sebagai nombor akaun pembayaran mereka semasa membuat pembayaran melalui TT di kaunter bank atau melalui portal perbankan elektronik.

Payors or Taxpayers who wish to pay tax through the TT medium from within and outside Malaysia need to log in to the e-TT system at the MyTax Portal <https://mytax.hasil.gov.my> through 'ezHasil Services' > 'e-TT' to provide the required payment information and to use the VA Number generated by the system as their payment account number when making payment through TT at the bank or through its electronic banking portal.

Pembayar cukai boleh merujuk kepada Portal Rasmi LHDNM (www.hasil.gov.my) untuk maklumat lanjut mengenai TT/EFT /IBG.

Taxpayer may refer to the IRBM Official Portal (www.hasil.gov.my) for further information on TT / EFT / IBG.

Pusat Pengurusan Terimaan Hasil (PPTH)

IRBM Revenue Management Centre

Bayaran menggunakan Nombor Bil boleh dilaksanakan melalui medium berikut:

Payment using Bill Number can be done through the following mediums:

PPTH HASIL IRBM REVENUE MANAGEMENT CENTRE			
NO.	JENIS BAYARAN CUKAI TYPES OF PAYMENT	MEDIUM BAYARAN PAYMENT MEDIUM	RUJUKAN BAYARAN PAYMENT REFERENCE
1	Bayaran Kompaun <i>Compound</i>	Tunai / <i>Cash</i> Bank draft / <i>Bank draft</i>	Nombor Bil <i>Bill Number</i>
2	Cukai Pendapatan <i>Income Tax</i>	Kad Kredit /Kad Debit yang dikeluarkan dalam Malaysia sahaja <i>Credit/ Debit Cards issued in Malaysia only</i> Tiada kemudahan ansuran 'ezypay' di terminal kaunter <i>The 'ezypay' instalment facility is not provided here.</i>	Nombor Bil <i>Bill Number</i>

Tarikh Akhir Bayaran Cukai Last Date of Payment

1. Ansuran Anggaran Cukai Tax Estimation Instalment

JENIS TYPES	BORANG FORM	TARIKH AKHIR PEMBAYARAN LAST DATE OF PAYMENT
Maklumat Potongan Cukai Bulanan pekerja (Individu - penerima pendapatan Penggajian) <i>Monthly Tax Deduction (MTD) (Individuals – Employment Income)</i>	e-PCB e-Data PCB e-CP39	15hb bulan berikutnya <i>15th of the following month</i>
Individu Mempunyai Punca Perniagaan <i>Individuals With Business Income</i>	CP 500	30hb setiap bulan ansuran (Setiap bulan ganjil bermula Mac) <i>30th of the month of instalment (Every odd month starting March)</i>
Syarikat Berdaftar, Perkongsian Liabiliti Terhad, Badan berkanun dan Persatuan Koperasi <i>Registered Companies, Limited Liability Partnerships, Trust Bodies and Cooperative Societies</i>	CP 204	15hb pada setiap bulan ansuran <i>15th of the following month of instalment</i>
Syarikat Petroleum Huluhan <i>Upstream Petroleum Company</i>	CP 250	15hb pada setiap bulan ansuran <i>15th of the following month of instalment</i>

2. Baki Bayaran Cukai Balance of Tax Payment

JENIS TYPES	BORANG FORM	TARIKH AKHIR PEMBAYARAN LAST DATE OF PAYMENT
Individu Tidak Menjalankan Perniagaan <i>Individuals Without Business Income</i>	BE	30 April <i>30th April</i>
Individu Menjalankan Perniagaan <i>Individuals With Business Income</i>	B	30 Jun <i>30th Jun</i>
Syarikat Berdaftar, Perkongsian Liabiliti Terhad, Badan Berkanun, Koperasi, Syarikat Petroleum <i>Registered Companies, Limited Liability Partnerships, Trust Bodies and Cooperative Societies, Petroleum Companies</i>	C / CPE / CS / PT	7 bulan selepas penutupan tempoh perakaunan <i>Within 7 months from the close of the accounting period or the last day of any allowed extension period</i>

Sekatan Perjalanan Stoppage Order



Tindakan penguatkuasaan yang dikenakan ke atas individu atau pengarah syarikat yang gagal menjelaskan cukai di bawah Seksyen 104/Seksyen 75A Akta Cukai Pendapatan 1967 atau Seksyen 22/ Subperenggan 5(1A) Jadual 1 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

Enforcement action imposed on individuals or company directors who fail to settle their tax under Section 104/Section 75A of the Income Tax Act (ITA) 1967 or Section 22/ Subparagraph 5(1A) of Schedule 1 of the Real Estate Property Gains Tax (RPGT) Act 1976.

Semak Sebelum Keluar Negara Check Before Leaving the Country

- Pembayar cukai boleh melayari MyTax di pautan <https://mytax.hasil.gov.my/> untuk menyemak status mereka sebelum keluar negara; atau *Taxpayerscan access MyTax at <https://mytax.hasil.gov.my/> to check their status before leaving the country.*

- Warganegara Malaysia boleh melayari laman web Jabatan Imigresen Malaysia di pautan <https://sspi.imi.gov.my/SSPI/> untuk memastikan sekiranya terdapat sekatan perjalanan yang dikenakan kepada mereka.
Malaysian citizens can visit the Immigration Department of Malaysia's website via <https://sspi.imi.gov.my/SSPI/> to check if there is a stoppage order imposed on them.



Tindakan yang Perlu Diambil Sekiranya Disekat

What You Should Do If There Is a Stoppage Order

- Permohonan dan bayaran boleh dibuat melalui e-Sekatan Perjalanan di MyTax (tertakluk kepada syarat ditetapkan);
Applications and payments can be made via e-Sekatan Perjalanan on MyTax (subject to the conditions).
- Hadir ke pejabat HASiL yang berdekatan atau hubungi nombor telefon berikut untuk membuat semakan tunggakan cukai, menjelaskan tunggakan dan membuat permohonan keluar negara.
Taxpayers may visit the nearest HASiL office or contact the following phone numbers for assistance to check the amount of arrears, pay the outstanding balance and apply for travel abroad.

TALIAN CONTACT US AT	NOMBOR TELEFON TELEPHONE NUMBER	WAKTU PEJABAT OFFICE HOURS
Pegawai Perhubungan Awam Negeri <i>Customer Care Officer</i>	Pegawai Perhubungan Awam Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia <i>Customer Care Officer Inland Revenue Board of Malaysia</i> https://www.hasil.gov.my/hubungi-kami/ pegawai-perhubungan-awam/ https://www.hasil.gov.my/en/contact-us/ customer-care-officer/	Ahad – Jumaat* <i>Sunday – Friday*</i> 8.00 pagi – 5.00 petang <i>8.00 am – 5.00 pm</i>
HASiL Contact Centre <i>HASiL Contact Centre</i>	03-8911 1000	Isnin – Jumaat <i>Monday – Friday</i> 9.00 pagi – 5.00 petang <i>9.00 am – 5.00 pm</i>

*Mengikut hari bekerja negeri yang berkenaan

**According to the working days of the State concerned*

- Kemukakan resit / bukti bayaran kepada Pegawai Perhubungan Awam Negeri atau saluran yang disediakan di laman web HASiL.
Submit the receipt / proof of payment to the State Customer Care Officer or through the relevant channel provided on the HASiL website.
- Kelulusan pembatalan atau pelepasan sementara akan dimaklumkan kepada pembayar cukai melalui surat atau e-mel.
Approval for revocation or temporary release will be notified to the taxpayer via letter or email.

Kaedah Bayaran

Payment Method


Melalui / <i>Via</i> ByrHASiL https://byrhasil.hasil.gov.my/	• Perbankan Internet (FPX) <i>Internet Banking (FPX)</i> • Kad Kredit / Debit (Visa & MasterCard) di Pusat Pengurusan Terimaan Hasil Kuala Lumpur. (tertakluk kepada terma dan syarat) <i>Credit / Debit Card (Visa & MasterCard) at Revenue Management Centre, Kuala Lumpur. (subject to terms and conditions)</i>
Kaedah Pembayaran Lain <i>Other Payment Methods</i> https://www.hasil.gov.my/individu/kitaran-cukai-individu/bayaran/kaedah-pembayaran/	• Kaunter Bank, ATM, CDM (bank terpilih) <i>Bank Counters, ATM (selected banks)</i> • Pejabat Pos Malaysia <i>Post Office Counter</i>

*Untuk maklumat lanjut, sila layari laman rasmi HASiL di www.hasil.gov.my

**For more information, please visit HASiL's official website at www.hasil.gov.my*

Maklumat Bayaran

Payment Information



1. Membuat bayaran menggunakan Nombor Bil; atau
Pay with Bill Number: or
2. Membuat bayaran menggunakan Nombor Pengenalan Cukai (TIN)
Pay with Tax Identification Number (TIN);
 - a. Lengkapkan tahun taksiran tunggakan cukai;
Fill the assessment year of tax arrears;
 - b. Lengkapkan Kod dan Jenis bayaran, pilih
Fill the Payment Code and Type, select
 - i. 084/095 (Bayaran Cukai Pendapatan-Individu/Bayaran Cukai Pendapatan),
084 / 095 (Tax Instalment Payment for Individual / Income Tax Payment),
 - ii. 086/095/464 (Bayaran Cukai Pendapatan Syarikat/Bayaran Cukai Pendapatan/
Bayaran Cukai Keuntungan Modal),
086 / 095 / 464 (Tax Instalment Payment for Company / Income Tax Payment / Capital Gains Tax),
 - iii. 090 (Bayaran Cukai Keuntungan Harta Tanah).
090 (Real Property Gain Tax Payment)

Jenis Permohonan

Type of Application

1 Pembatalan / Revocation

- Menjelaskan sepenuhnya amaun perakuan yang dikeluarkan;
Pay in full amount according to the certificate issued;
- Hadir atau hubungi HASiL Negeri yang berdekatan sekurang-kurangnya lima (5) hari sebelum tarikh perjalanan ke luar negara; atau
Visit or contact the nearest State HASiL at least five (5) days before the date of travel abroad; or
- Membuat bayaran dan permohonan melalui MyTax dibawah e-Sekatan Perjalanan (tertakluk kepada syarat ditetapkan). Kelulusan diberikan dalam tempoh lima (5) hari dari tarikh permohonan.
Pay and apply through MyTax under e-Sekatan Perjalanan (subject to set conditions). Approval is granted within five (5) days from the application date.
- Dapatkan surat kelulusan sebelum keluar negara.
Get an approval letter before leaving the country.

2 Pelepasan Sementara / Temporary Release

- Bayaran sekurang-kurangnya 50% daripada amaun perakuan yang dikeluarkan dan membuat aturan bayaran ansuran untuk baki tunggakan cukai;
Payment of at least 50% of the issued certificate and make instalment payment arrangements for the remaining tax arrears;
- Patuhi aturan bayaran ansuran yang telah dipersetujui dengan pihak HASiL;
Comply with the instalment payment arrangement as agreed with HASiL;
- Hadir atau hubungi HASiL Negeri yang berdekatan sekurang-kurangnya lima (5) hari sebelum tarikh perjalanan ke luar negara;
Visit or contact the nearest State HASiL at least five (5) days before the date of travel abroad;
- Kemukakan surat atau e-mel permohonan dengan menyatakan maklumat destinasi, tujuan dan tempoh ke luar negara;
Submit an application by letter or email stating the destination information, purpose of travel and period abroad;
- Dapatkan surat kelulusan sebelum keluar negara;
Get an approval letter before leaving the country;
- Permohonan baharu boleh dibuat jika tempoh kelulusan pelepasan telah tamat.
A new application can be made if the previous approval period has expired.

PELAKSANAAN E-INVOIS DI MALAYSIA **E-INVOICE IMPLEMENTATION IN MALAYSIA**

Pengenalan **Introduction**

Pelaksanaan e-Invois merupakan satu perkembangan penting dalam agenda digital negara, di mana inisiatif ini menandakan pencapaian yang signifikan dalam perjalanan Malaysia ke arah transformasi digital, selari dengan objektif yang digariskan dalam **MyDigital** dan **Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia**.

*The introduction of e-Invoice is a crucial development in our national digital agenda. This initiative marks a significant milestone in Malaysia's journey towards digital transformation, aligning with the broader objectives laid out in **MyDigital** and **Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia**.*

Bagi menyokong pertumbuhan ekonomi digital, Kerajaan berhasrat melaksanakan e-Invois secara berperingkat dalam usaha meningkatkan kecekapan pengurusan pentadbiran cukai di Malaysia. Ini selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-12, di mana salah satu tumpuan utamanya adalah untuk mengukuhkan infrastruktur perkhidmatan digital dan mendigitalkan pentadbiran cukai.

To support the growth of the digital economy, the Government intends to implement e-Invoice in stages to enhance the efficiency of Malaysia's tax administration management. This is in line with the Twelfth Malaysia Plan, where one of the key focuses is on strengthening the digital services infrastructure and digitalising the tax administration.

Mengenai e-Invois **About e-Invoice**



e-Invois merupakan representasi dalam bentuk digital bagi transaksi yang dilaksanakan antara penjual dan pembeli bagi menggantikan penggunaan dokumen kertas atau elektronik dalam format PDF, JPEG, DOC dan lain-lain. e-Invois dihasilkan dalam format elektronik seperti XML atau JSON, yang membolehkan pertukaran maklumat dan integrasi yang mudah antara sistem yang berbeza.

An e-Invoice is a digital representation of a transaction between a supplier and a buyer. E-Invoice replaces paper or electronic documents in PDF, JPEG, DOC and other formats. E-Invoice is created in a specified electronic format such as XML or JSON, which allows for easy exchange and integration across different systems.

Maklumat penting yang terkandung dalam e-Invois adalah sama seperti dokumen tradisional, contohnya, butiran penjual dan pembeli, keterangan item, kuantiti, harga tanpa cukai, cukai dan jumlah keseluruhan, yang merekodkan data transaksi untuk operasi perniagaan harian.

An e-Invoice contains the same essential information as traditional documents, for example, supplier's and buyer's details, item description, quantity, price excluding tax, tax, and total amount, which record transaction data for daily business operations.

Jenis e-Invois yang dikeluarkan adalah seperti berikut:

The types of e-Invoices issued are as follows:

1 Invois Invoice

Dokumen komersial yang menyenaraikan atau merekodkan transaksi antara Penjual dan Pembeli, termasuk pengeluaran e-Invois bil sendiri untuk mendokumenkan perbelanjaan;

A commercial document that itemises and records a transaction between a Supplier and Buyer, including issuance of a self-billed e-Invoice to document an expense;

2 Nota Kredit Credit Note

Nota kredit dikeluarkan oleh Penjual untuk membetulkan kesilapan, memberikan diskaun atau merekodkan pemulangan dalam e-Invois yang telah dikeluarkan sebelum ini dengan tujuan mengurangkan nilai e-Invois asal. Ia juga digunakan dalam situasi di mana pengurangan e-Invois asal tidak melibatkan pemulangan wang kepada Pembeli;

A credit note is issued by Suppliers to correct errors, apply discounts, or account for returns in a previously issued e-Invoice with the purpose of reducing the value of the original e-Invoice. This is used in situations where the reduction of the original e-Invoice does not involve return of monies to the Buyer;

3 Nota Debit Debit Note

Nota debit dikeluarkan untuk menunjukkan caj tambahan dalam e-Invois yang dikeluarkan sebelum ini; dan

A debit note is issued to indicate additional charges on a previously issued e-Invoice; and

4 Nota Bayaran Balik Refund Note

Nota bayaran balik e-Invois ialah dokumen yang dikeluarkan oleh Penjual untuk mengesahkan pemulangan bayaran yang telah dibuat oleh Pembeli. Ia digunakan dalam situasi di mana terdapat pemulangan wang kepada Pembeli.

A refund note e-Invoice is a document issued by a Supplier to confirm the refund of a Buyer's payment. This is used in situations where there is a return of monies to the Buyer.

e-Invois terpakai kepada semua individu dan entiti yang sah di bawah perundangan di Malaysia termasuk:

E-Invoice is applicable to all individuals and legal entities in Malaysia including:

INDIVIDU / ENTITI SAH DI MALAYSIA INDIVIDUALS / LEGAL ENTITIES IN MALAYSIA	
Persatuan / Association Cawangan / Branch Koperasi / Co-operative Societies Perkongsian Liabiliti Terhad / Limited Liability Partnership Tabung Amanah Hartanah / Property Trust Fund Amanah Pelaburan Hartanah / Real Estate Badan Amanah / Trust Body	Kumpulan Orang / Body of persons Amanah Perniagaan / Business Trust Syarikat / Corporations Perkongsian / Partnership Amanah Harta / Property Trust Pejabat Perwakilan dan Pejabat Wilayah / Representative Office and Regional Office Unit Amanah / Unit Trust

Melalui pengeluaran e-Invois, pengesahan dan penyimpanan transaksi dapat dilakukan secara hampir serta-merta, merangkumi transaksi Perniagaan-ke-Perniagaan (B2B), Perniagaan-ke-Pengguna (B2C) dan Perniagaan-ke-Kerajaan (B2G).

Through e-Invoice, confirmation and storage of transactions can be carried out in real time or nearly real time for Business-to-Business (B2B), Business-to-Consumer (B2C) and Business-to-Government (B2G) transactions.

Manfaat e-invois (e-Invois)

Benefits of e-Invoice

Pelaksanaan e-Invois akan meningkatkan kecekapan dan melancarkan operasi perniagaan pembayar cukai serta meningkatkan tahap pematuhan cukai. Antara manfaat e-Invois termasuklah:

The implementation of e-Invoice not only provides a seamless experience to taxpayers, but it also improves business efficiency and increases tax compliance. Its overall benefits include:

 Mengurangkan proses manual dan kesilapan <i>Reduce manual efforts and human errors</i>	 Memudahkan pengemukaan borang nyata <i>Facilitate efficient tax filing</i>	 Meningkatkan kecekapan operasi <i>Streamline operational efficiency</i>	 Mendigitalkan pelaporan percukaian dan kewangan <i>Digitalise tax and financial reporting</i>
Pemprosesan invois bersepadu melalui penyediaan dan pengemukaan dokumen transaksi & data secara elektronik <i>Unified invoicing process through creation and submission of transaction document & data electronically</i>	Pelaporan percukaian yang cekap dan tepat melalui integrasi sistem yang lancar <i>Seamless system integration for efficient and accurate tax reporting</i>	Pemerkasaan kecekapan pengoperasian serta menjimatkan masa dan kos <i>Enhanced efficiency and significant time and cost savings</i>	Penyelarasan proses digitalisasi dan pelaporan kewangan berdasarkan pawiain industri <i>Aligns financial reporting and processes to be digitalised with industry standards</i>

Gambaran Keseluruhan Model e-Invois

Overview of The e-Invoice Model

Untuk memudahkan dan melancarkan peralihan kepada e-Invois, pembayar cukai boleh memilih mekanisma yang paling sesuai untuk menghantar e-Invois kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL), berdasarkan keperluan perniagaan mereka dan keadaan tertentu.

To facilitate the transition to e-Invoice, taxpayers can select the most suitable mechanism to transmit e-Invoices to the Inland Revenue Board of Malaysia (HASiL), based on their business requirements and specific situation.

Terdapat dua (2) pilihan mekanisme penghantaran e-Invois yang boleh dipilih oleh pembayar cukai:


Taxpayers are granted two (2) options for the e-Invoice transmission mechanism:

Portal MyInvois / MyInvois Portal

- Portal yang dihoskan oleh HASiL
- *A portal hosted by HASiL*
- Boleh diakses oleh semua pembayar cukai tanpa sebarang kos
- *Accessible to all taxpayers at no cost*
- Juga boleh diakses oleh pembayar cukai yang perlu mengeluarkan e-Invois ketika mana sambungan Application Programming Interface (API) tidak tersedia
- *Also accessible to taxpayers requiring e-Invoice issuance where Application Programming Interface (API) connection is unavailable*

Application Programming Interface (API)

- API adalah satu set kod pengaturcaraan yang membolehkan penghantaran data secara langsung antara sistem pembayar cukai dan Sistem MyInvois
- *An API is a set of programming code that enables direct data transmission between the taxpayers' system and MyInvois system*
- Memerlukan pelaburan awal dalam teknologi dan pelarasan kepada sistem sedia ada
- *It requires upfront investment in technology and adjustments to taxpayers' existing systems*
- Sesuai untuk pembayar cukai besar atau perniagaan dengan jumlah transaksi yang besar
- *Ideal for large taxpayers or businesses with substantial transaction volumes*



Rajah di bawah menunjukkan gambaran keseluruhan aliran kerja pelaksanaan e-Invois. Ia bermula dari penyediaan e-Invois melalui Portal MyInvois atau API hingga ke proses penyimpanan dokumen e-Invois yang telah disahkan dalam pangkalan data HASiL untuk pembayar cukai melihat sejarah e-Invoisnya.

The figure below demonstrates an overview of the e-Invoice workflow from the point a sale is made or transaction is undertaken, and an e-Invoice is issued by the supplier via MyInvois Portal or API, up to the point of storing validated e-Invoices on HASiL's database for taxpayers to view their respective e-Invoice history of transactions.



Garis Masa Pelaksanaan e-Invois

E-Invoice Implementation Timeline

Pelaksanaan e-Invois adalah secara berperingkat untuk memastikan persediaan dan pelaksanaan yang lancar. Pertimbangan dan perancangan yang teliti telah dibuat dengan mengambil kira julat pendapatan atau jualan tahunan, bagi memastikan pembayar cukai mempunyai tempoh masa yang mencukupi untuk menyediakan dan menyesuaikan diri dengan pelaksanaan e-Invois.

E-Invoice will be implemented in phases to ensure a smooth transition. The roll-out of e-Invoice has been planned with careful consideration, considering the turnover or revenue thresholds, to provide taxpayers with sufficient time to prepare and adapt to the new norm of e-Invoice implementation.

Garis masa pelaksanaan e-Invois adalah seperti di bawah:

Below are the e-Invoice implementation timelines:

SASARAN PEMBAYAR CUKAI TARGETED TAXPAYERS	TARIKH PELAKSANAAN IMPLEMENTATION DATE
Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM100 juta <i>Taxpayers with an annual turnover or revenue of more than RM100 million</i>	1 Ogos 2024 1st August 2024
Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM25 juta dan sehingga RM100 juta <i>Taxpayers with an annual turnover or revenue of more than RM25 million and up to RM100 million</i>	1 Januari 2025 1st January 2025
Semua pembayar cukai <i>All taxpayers</i>	1 Julai 2025 1st July 2025

Pendapatan atau jualan tahunan bagi pelaksanaan e-Invois akan ditentukan berdasarkan perkara berikut:

The annual turnover or revenue for the implementation of e-Invoice will be determined based on the following:

1. Pembayar cukai dengan penyata kewangan yang diaudit : Berdasarkan jualan atau pendapatan tahunan atau pendapatan yang dinyatakan dalam penyata pendapatan komprehensif (*Statement of comprehensive income*) seperti di penyata kewangan yang diaudit bagi tahun kewangan 2022.
Taxpayers with audited financial statements: Based on annual turnover or revenue stated in the statement of comprehensive income in the audited financial statements for financial year 2022.
2. Pembayar cukai tanpa penyata kewangan yang diaudit : Berdasarkan pendapatan tahunan yang dilaporkan dalam borang nyata bagi tahun taksiran 2022.
Taxpayers without audited financial statements: Based on annual revenue reported in the tax return for year of assessment 2022.

3. Sekiranya berlaku perubahan tempoh perakaunan untuk tahun kewangan 2022, pendapatan atau jualan tahunan pembayar cukai akan dipro-ratakan kepada tempoh 12 bulan untuk tujuan menentukan tarikh pelaksanaan e-Invois.

In the event of a change of accounting year end for financial year 2022, the taxpayer's turnover or revenue will be pro-rated to a 12-month period for the purposes of determining the e-Invoice implementation date.

Sebarang perubahan terhadap pendapatan atau jualan tahunan pada tahun-tahun berikutnya tidak akan mengubah tanggungjawab pembayar cukai untuk melaksanakan e-Invois berdasarkan garis masa pelaksanaan yang telah ditentukan seperti di atas.

Kindly note that for the purposes of the above determination, the annual turnover or revenue will be based on 2022's audited financial statements or tax return, as the case may be. Once the taxpayer's e-Invoice implementation timeline has been determined, any changes to the taxpayer's annual turnover or revenue in subsequent years will not change the taxpayer's obligations to implement e-Invoice based on the above-mentioned implementation timeline.

Pengecualian Pelaksanaan e-Invois untuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS)

E-Invoice Exemptions For Micro, Small And Medium Enterprises (MSMEs)

Kerajaan Malaysia telah memberikan pengecualian pelaksanaan e-Invois kepada pembayar cukai yang mempunyai jualan tahunan atau pendapatan kurang daripada RM150,000. Pengecualian ini terpakai kepada semua kategori pembayar cukai (individu, perkongsian, syarikat, koperasi, dan lain-lain). Walau bagaimanapun, pengecualian ini tidak terpakai kepada pembayar cukai seperti berikut:

The Malaysian Government has granted exemption from the implementation of e-Invoice to taxpayers with annual sales or income of less than RM150,000. This exemption applies to all categories of taxpayers (individuals, partnerships, companies, cooperatives, etc.). However, this exemption does not apply to taxpayers as follows:

- a. Pembayar cukai yang mempunyai pemegang saham bukan individu (atau setara) dengan jualan tahunan atau pendapatan melebihi RM150,000; atau
- a. Taxpayer with non-individual shareholder(s) (or equivalent) with annual turnover or revenue exceeding RM150,000; or



- b. Pembayar cukai merupakan anak syarikat kepada syarikat pegangan dengan jualan tahunan atau pendapatan melebihi RM150,000; atau
- b. Taxpayer is a subsidiary of a holding company with annual turnover or revenue exceeding RM150,000; or*
- c. Pembayar cukai mempunyai syarikat berkaitan / usaha sama dengan jualan tahunan atau pendapatan melebihi RM150,000.
- c. Taxpayer has related company / joint venture with annual turnover or revenue exceeding RM150,000.*

PMKS perlu melaksanakan e-Invois mulai 1 Januari tahun kedua selepas tahun di mana jualan tahunan atau pendapatan melebihi RM150,000.

MSMEs are required to implement e-Invoice starting from 1st January in the second year following the year in which the total annual turnover or revenue exceeds RM150,000.

Pelaksanaan e-Invois Dalam Tempoh Kelonggaran Interim

E-Invoice Treatment During Interim Relaxation Period

Bagi memastikan peralihan dan pelaksanaan e-Invois yang lancar, Kerajaan Malaysia telah bersetuju untuk memberikan tempoh kelonggaran interim selama 6 bulan kepada pembayar cukai mengikut fasa pelaksanaan e-Invois seperti berikut:

To ensure the smooth transitioning and implementation of e-Invoice, the Government of Malaysia has agreed to provide taxpayers a six (6)-month interim relaxation period from the date of mandatory implementation of each implementation phase, as follows:

SASARAN PEMBAYAR CUKAI TARGETED TAXPAYERS	TEMPOH KELONGGARAN INTERIM INTERIM RELAXATION PERIOD
Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM100 juta <i>Taxpayers with an annual turnover or revenue of more than RM100 million</i>	1 Ogos 2024 sehingga 31 Januari 2025 <i>1st August 2024 to 31 January 2025</i>
Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM25 juta dan sehingga RM100 juta <i>Taxpayers with an annual turnover or revenue of more than RM25 million and up to RM100 million</i>	1 Januari 2025 sehingga 30 Jun 2025 <i>1st January 2025 to 30 June 2025</i>
Semua pembayar cukai <i>All taxpayers</i>	1 Julai 2025 sehingga 31 Disember 2025 <i>1st July 2025 to 31 December 2025</i>

Dalam tempoh kelonggaran interim, Kerajaan Malaysia telah bersetuju untuk membenarkan pembayar cukai untuk:

During the interim relaxation period, the Government of Malaysia has agreed to allow taxpayers to adopt the following:

- a. Mengeluarkan e-Invois disatukan bagi semua aktiviti dan transaksi, termasuk industri dan aktiviti yang disenaraikan di bawah Seksyen 3.7 Garis Panduan Spesifik e-Invois.
a. Issue consolidated e-Invoice for all activities and transactions, including the industries or activities listed under Section 3.7 of e-Invoice Specific Guideline.
- b. Mengeluarkan e-Invois disatukan bagi semua situasi e-Invois bil sendiri yang digariskan di bawah Seksyen 8.3 Garis Panduan Spesifik e-Invois.
b. Issue consolidated self-billed e-Invoice for all self-billed circumstances outlined under Section 8.3 of e-Invoice Specific Guideline.
- c. Memasukkan apa-apa maklumat / perincian dalam medan “Deskripsi Produk atau Perkhidmatan” dalam e-Invois yang disatukan atau e-Invois bil sendiri yang disatukan.
c. Input any information / details in the “Description of Product or Service” field in the consolidated e-Invoice or consolidated self-billed e-Invoice.
- d. Tidak mengeluarkan e-Invois individu atau e-Invois bil sendiri individu, walaupun diminta oleh pembeli atau penjual, dengan syarat pembayar cukai patuh dengan perkara (a) dan (b) di atas.
d. Not to issue individual e-Invoice or individual self-billed e-Invoice, even if the buyer (in the case of e-Invoice) / supplier (in the case of self-billed e-Invoice) has made a request for an individual e-Invoice or individual self-billed e-Invoice to be issued, provided that the taxpayers comply with item (a) or (b) above, as the case may be.

Dalam tempoh kelonggaran interim 6 bulan ini juga, penalti di bawah Seksyen 120 Akta Cukai Pendapatan 1967 tidak akan dikenakan bagi ketidakpatuhan keperluan pengeluaran e-Invois, dengan syarat pembayar cukai mematuhi perkara (a) dan (b) di atas.

During the interim relaxation period, any prosecution action under Section 120 of the Income Tax Act 1967 for non-compliance of the e-Invoice requirements will not be imposed, provided that taxpayers comply with the requirements mentioned in item (a) and (b) above.



Garis Panduan dan Soalan Lazim Berkaitan Pelaksanaan e-Invois

Guidelines and Frequently Asked Questions About e-Invoice Implementation


Untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci berhubung pelaksanaan e-Invois, rujuk Garis Panduan dan Soalan Lazim dengan mengimbas Kod Pautan Pantas (QR Code) di bawah.

For more information on e-Invoice implementation, scan the Quick Response Code (QR Code) below to download the Guidelines and Frequently Asked Questions.



Untuk maklumat lanjut, sila layari Portal Mikro e-Invois di Portal Rasmi HASIL di <https://www.hasil.gov.my/e-invois/> atau layari platform media sosial dan saluran Youtube e-Invois seperti berikut:

For more information, kindly visit the e-Invoice msicrosite at HASIL's Official Portal at <https://www.hasil.gov.my/e-invoice/> or visit the e-Invoice social media platform and YouTube channel as follows:



Untuk sebarang maklum balas atau pertanyaan mengenai e-Invois, sila e-mel ke myinvois@hasil.gov.my

For any feedback or enquiries on e-Invoice, kindly email to myinvois@hasil.gov.my

PENULIS / EDITOR PENERBITAN RISALAH PERCUKAIAN TAHUN 2025

PENULIS / EDITOR	JABATAN / CAWANGAN
Pn. Lisawati Indah Binti Osman	Jabatan Pungutan Hasil
En. Mohd Amer Bin Mohd Nawawi @ Dawawi	Jabatan Pungutan Hasil
Pn. Suhaili Binti Masnan	Jabatan Dasar Percukaian
Pn. Norsyahidah Binti Hasan	Jabatan Dasar Percukaian
En. Ahmad Faiz Bin Azimi	Jabatan Dasar Percukaian
Pn. Shuhaida Binti Abdullah	Cawangan Pembayar Cukai Besar
Pn. Zaharah Binti Baharudin	Cawangan Pembayar Cukai Besar
Pn. Wan Irfa Binti Wan Abdul Razak	Jabatan Pematuhan Cukai
Pn. Norazlin Binti Md Nor	Jabatan Pematuhan Cukai
Pn. Azniyati Binti Md Ralib @ Md Raghieb	Jabatan Operasi Setem & Ckht
Pn. Noraznita Binti Miswan	Jabatan Operasi Setem & Ckht
En. Safawi Sa'aid	Jabatan Operasi Cukai
Pn. Nazaitul Bahiyah Binti Md Yusof	Jabatan Operasi Cukai
Pn. Norlizah Binti Md Sariat	Jabatan Operasi Cukai
Pn. Nurdiyana Binti Osman	Jabatan Operasi Cukai
En. Muhammad Almu'izz Bin Abdul Rahim	Jabatan Operasi Cukai
En. Nadzri Amin Bin Abdullah	Hasil Contact Centre Jabatan Khidmat Korporat
Pn. Nurul Izzah @ Besek Berlian Binti Abd Kader	Hasil Contact Centre Jabatan Khidmat Korporat
Bahagian Pendidikan Cukai, Jabatan Khidmat Korporat	



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Menara Hasil, Persiaran Rimba Permai,
Cyber 8, 63000 Cyberjaya Selangor.



www.hasil.gov.my



03-8911 1000



@hasil_malaysia



@HASIL_Malaysia



facebook.com/HASiLMalaysia



@HASiL_Malaysia



hasil_malaysia